



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

TAHUN 2017

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN
KEWANGAN KEMENTERIAN/
JABATAN/BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

KANDUNGAN

| | Muka Surat | |
|--|--|-----|
| KATA PENDAHULUAN | ix | |
| INTISARI LAPORAN | xv | |
| | | |
| BAHAGIAN I | | |
| PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN | | |
| 1. Pengesahan Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 | 3 | |
| | | |
| BAHAGIAN II | | |
| ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN | | |
| 2. Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan | 9 | |
| | | |
| BAHAGIAN III | | |
| PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN | | |
| 3. Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Kementerian/Jabatan/ Badan Berkanun Persekutuan | 61 | |
| 4. Pengauditan Mengejut | 150 | |
| | | |
| BAHAGIAN IV | | |
| PENLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PENILAIAN KHAS BAGI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM | | |
| 5. Penilaian Khas Terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi | 165 | |
| | | |
| PENUTUP | 169 | |
| | | |
| LAMPIRAN | | |
| LAMPIRAN A1 | - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 | 173 |
| LAMPIRAN A2 | - Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Akauntan Negara Malaysia | 179 |
| | - Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 | 180 |
| | - Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 | 181 |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| | |
|--|------------|
| - Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 | 183 |
| - Penyata Akaun Memorandum Pada 31 Disember 2017 | 184 |
| - Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 | 185 |



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda yang Di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti yang berikut:

- 1.1. **Pengauditan Penyata Kewangan** – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;
- 1.2. **Pengauditan Pematuhan** – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;
- 1.3. **Pengauditan Prestasi** – untuk menilai sama ada aktiviti/program/projek Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan
- 1.4. **Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mencapai objektif penubuhannya.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2017 Siri 1 mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Pengesahan Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017

Bahagian II : Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

Bahagian III : Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)
Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan

Bahagian IV : Penglibatan Jabatan Audit Negara Dalam Penilaian
Khas Bagi Meningkatkan Akauntabiliti Pengurusan
Wang Awam

3. Pengauditan yang dijalankan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 mendapati penyata tersebut pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Disember 2017, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut serta rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Hasil pengauditan terhadap pengurusan kewangan pula mendapati beberapa Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan masih tidak mematuhi peraturan kewangan dengan sepenuhnya. Kelemahan ini antaranya adalah disebabkan oleh kecuaian dalam mematuhi peraturan/prosedur kewangan yang ditetapkan; kekurangan kakitangan dan latihan dalam aspek pengurusan kewangan serta ketiadaan penyeliaan dan pemantauan yang rapi.

4. Semua Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk pengesahan mereka. Jabatan Audit Negara juga telah mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti yang berikut:

4.1. Melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA) berasaskan risiko. Pada tahun 2017, kajian semula terhadap pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak dan juga *lessons learnt* daripada pengauditan yang dilaporkan. Antara isu yang dikenal pasti dan dikaji semula adalah Audit dinilai secara menyeluruh dan tidak diklasifikasikan mengikuti kriteria yang tertentu seperti peruntukan, bilangan pusat tanggungjawab, perbelanjaan, hasil dan lain-lain; persampelan Audit tidak mengambil kira saiz sesebuah Audit; dan aspek risiko tidak diterapkan dalam pemberian markah dan keberkesanan kriteria. Pengauditan pengurusan kewangan berasaskan risiko telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara yang mana antara penambahbaikan penting yang dibuat adalah klasifikasi Kementerian kepada dua (2) kategori iaitu Jabatan Mengakaun Sendiri dan Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri; saiz sampel mengambil kira sampel yang dilaksanakan dalam pengauditan interim penyata kewangan, pengauditan prestasi, tadbir urus dan lain-lain; dan setiap kriteria audit diberikan

tahap risiko. Setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko iaitu Risiko Tinggi, Risiko Rendah dan Risiko Sederhana. Tahap risiko boleh berubah mengikut kekerapan ketidakpatuhan sampel. Analisis risiko dan impak yang dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Elemen yang dinilai bagi Kementerian dan Jabatan Persekutuan adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan. Manakala elemen yang dinilai bagi Badan Berkanun Persekutuan adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai *role model* kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang lain. Ini boleh meningkatkan lagi tahap motivasi Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan agar lebih gigih memperbaiki dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing.


4.2. Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barang berharga lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain. Ketua Kementerian/Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menilai sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan secara mengejut di 80 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) Kerajaan Persekutuan di bawah 18 Kementerian seluruh negara dan di 78 pejabat di bawah 40 Badan Berkanun Persekutuan.

4.3. Jabatan Audit Negara juga turut terlibat dalam membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) bagi tujuan pengesahan jawatan mereka. Pada tahun 2017, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 49 Ketua Jabatan/Ketua Agensi. Penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan Kerajaan memandangkan urusan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

kenaikan pangkat Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan hanya akan dipertimbangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam setelah Jabatan Audit Negara dan Perbendaharaan Malaysia mengesahkan bahawa pegawai berkaitan telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kelemahan pengurusan kewangan yang dibangkitkan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan ini dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DR MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

13 Jun 2018



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh

2. Pada tahun 2017, Kerajaan Persekutuan (Kerajaan) memperoleh hasil berjumlah RM220.406 bilion iaitu meningkat sejumrah RM7.985 bilion (3.8%) berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM212.421 bilion. Perpendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Waran Am Bil. 1 Tahun 2017 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM214.800 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumrah RM1.909 bilion iaitu melalui peruntukan khas berjumlah RM0.663 bilion dan pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka berjumlah RM1.246 bilion. Dalam tempoh yang sama, Perpendaharaan Malaysia juga telah mengeluarkan waran penyekatan peruntukan berjumlah RM10 juta. Dengan ini, peruntukan muktamad bagi tahun 2017 adalah berjumlah RM216.699 bilion. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2017 adalah berjumlah RM217.695 bilion iaitu melebihi RM0.996 bilion (0.5%) daripada peruntukan muktamad yang diluluskan. Manakala bagi perbelanjaan pembangunan, secara keseluruhannya Kementerian/ Jabatan Persekutuan telah membelanjakan sejumrah RM44.884 bilion (99%) daripada peruntukan yang diluluskan. Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM40.321 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 3%. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman dari dalam dan luar negeri yang berjumlah RM129.248 bilion. Selain daripada membiayai perbelanjaan pembangunan, pinjaman ini juga telah digunakan untuk membayar balik hutang.

Pengurusan Kewangan Di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan

3. Pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 25 Kementerian dan 18 Jabatan Persekutuan yang diaudit secara tahunan dan 21 Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit secara pusingan lima (5) tahun untuk menilai sama ada pengurusan kewangan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

mereka telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 mengenai Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) menggunakan pendekatan baru iaitu berdasarkan risiko, dengan itu pelaporan hanya dibuat berdasarkan prestasi kewangan tahun 2017 sahaja tanpa perbandingan dengan prestasi tahun sebelum. Pada tahun 2017, tujuh (7) Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** dalam penilaian Indeks Akauntabiliti, 16 Kementerian mencapai tahap **Baik** dan dua (2) Kementerian mencapai tahap **Memuaskan**. Prestasi pengurusan kewangan di 13 jabatan telah mencapai tahap **Cemerlang** dan lima (5) di tahap **Baik**. Manakala prestasi pengurusan kewangan di 21 Badan Berkanun Persekutuan (BBP) yang diaudit secara pusingan lima (5) tahun, menunjukkan dua (2) berada pada tahap **Cemerlang**, 12 BBP pada tahap **Baik**, lima (5) BBP pada tahap **Memuaskan** dan dua (2) BBP pada tahap **Kurang Memuaskan**.

4. Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan secara mengejut di 80 Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos Kerajaan Persekutuan di peringkat Negeri dan Daerah di bawah 18 Kementerian serta 78 pejabat di bawah 40 Badan Berkanun Persekutuan. Hasil daripada pengauditan ini, beberapa kes telah dikesan seperti buku tunai, buku panjar wang runcit dan buku resit tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini; pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan seperti yang ditetapkan dan penurunan kuasa tidak diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi. Laporan yang berkaitan telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan Peringkat Ibu Pejabat dan Negeri yang berkenaan untuk tindakan susulan.

5. Selain daripada menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Bagi tahun 2017, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan Ketua Jabatan/Ketua Agensi yang melibatkan 49 Ketua Jabatan/Ketua Agensi.



BAHAGIAN I

**PENGESAHAN TERHADAP
 PENYATA KEWANGAN KERAJAAN
 PERSEKUTUAN BAGI TAHUN
 BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

BAHAGIAN I
PENGESAHAN TERHADAP
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. PENGESAHAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1.1. PENDAHULUAN

1.1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957. **Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia berdasarkan atas perakaunan tunai ubah suai.**

1.1.2. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 27 Februari 2018. Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2017 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.1.2.1. Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am.

1.1.2.2. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar wang tunai serta kesetaraan tunai. Aliran Tunai Masuk terdiri daripada hasil, terimaan pinjaman dalam negeri dan luar negeri, bantuan luar negeri, terimaan modal dan terimaan amanah. Manakala Aliran Tunai Keluar adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik

pinjaman dalam negeri dan luar negeri, bantuan luar negeri serta perbelanjaan amanah.

1.1.2.3. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan kedudukan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya.

1.1.2.4. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan sebahagian aset kewangan dan liabiliti Kerajaan Persekutuan. Aset kewangan Kerajaan terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala liabiliti pula terdiri daripada Hutang Awam dan Pelbagai Liabiliti.

1.2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

1.2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan Penyata Kewangan ini telah dilaksanakan berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

1.2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) telah dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2017. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Kementerian/Jabatan Persekutuan yang berkenaan melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

1.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1.3.1. Bagi mengesahkan ketepatan baki sesuatu akaun, dokumen sokongan seperti Sijil Pengesahan Baki, Senarai Baki Perseorangan dan Penyata Penyesuaian yang menjelaskan perbezaan antara baki yang ditunjukkan di Penyata Kewangan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

Kerajaan Persekutuan dengan baki yang ada di rekod Kementerian/Jabatan Persekutuan adalah diperlukan. Sehubungan dengan ini, pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat telah mengemukakan dokumen sokongan berkenaan dan pengauditan yang dijalankan mendapati baki yang ditunjukkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah bersamaan dengan baki yang ditunjukkan di dokumen tersebut.

BAHAGIAN II

**ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN**

BAHAGIAN II ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

2. ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

2.1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017, juga membuat analisis terhadap data kewangan tahun 2017 dan tahun sebelumnya bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan pengesahan daripada pihak ketiga turut dijalankan bagi tujuan pengesahan maklumat kewangan. Hasil analisis Audit adalah seperti berikut:

2.2. TERIMAAN DAN PENGGUNAAN DANA

Sumber utama dana Kerajaan Persekutuan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman dalam negeri, bantuan luar negeri serta terimaan lain. Dana ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, bayaran balik pinjaman dan perbelanjaan lain. Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2017 adalah berjumlah RM220.406 bilion dan terimaan balik pinjaman serta pelbagai terimaan berjumlah RM1.852 bilion. Manakala perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM217.695 bilion dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM44.884 bilion. Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM40.321 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 3%. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman dari dalam dan luar negeri yang berjumlah RM129.248 bilion. Selain daripada membiayai perbelanjaan pembangunan, pinjaman ini juga telah digunakan untuk membayar balik hutang.

2.3. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

2.4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

2.4.1. Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM42.184 bilion. Jumlah ini merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

dan Akaun Amanah Disatukan yang dipegang dalam bentuk wang tunai berjumlah RM18.064 bilion dan pelaburan berjumlah RM24.120 bilion. Analisis Audit mendapati, Akaun Pinjaman Disatukan menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu meningkat sejumlah RM13.158 bilion (64.7%). Bagaimanapun Akaun Amanah Disatukan menunjukkan pengurangan sejumlah RM10.347 bilion (144%). Manakala Akaun Hasil Disatukan tidak menunjukkan perbezaan kerana kesemua lebihan hasil dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sejumlah RM2.811 bilion (7.1%) iaitu meningkat daripada RM39.373 bilion pada akhir tahun 2016 menjadi RM42.184 bilion pada akhir tahun 2017. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 1**.


JADUAL 1
KUMPULAN WANG DISATUKAN TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

| BUTIRAN | TAHUN | | PERUBAHAN | |
|---------------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------|------------|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Akaun Hasil Disatukan | 11,863.13 | 11,863.13 | - | - |
| Akaun Pinjaman Disatukan | 33,482.39 | 20,323.76 | 13,158.63 | 64.7 |
| Akaun Amanah Disatukan : | (3,161.09) | 7,186.44 | (10,347.53) | (144.0) |
| Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | (23,541.44) | (10,585.33) | (12,956.11) | (122.4) |
| Kumpulan Wang Amanah Awam | 9,261.94 | 8,220.61 | 1,041.33 | 12.7 |
| Akaun Deposit | 11,118.41 | 9,551.16 | 1,567.25 | 16.4 |
| JUMLAH KUMPULAN WANG DISATUKAN | 42,184.43 | 39,373.33 | 2,811.10 | 7.1 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

2.4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan untuk tempoh 5 tahun menunjukkan trend penurunan dari tahun 2013 hingga 2016 dan sedikit peningkatan pada tahun 2017. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan yang tertinggi adalah pada tahun 2013 dan yang terendah adalah pada tahun 2016. Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2013 hingga tahun 2017 adalah seperti di **Carta 1**.

CARTA 1
KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 hingga 2017

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

2.5. WANG AWAM


Wang Awam terdiri daripada wang tunai dan pelaburan. Jumlah wang awam pada akhir tahun 2017 adalah RM42.184 bilion iaitu meningkat sejumlah RM2.811 bilion (7.1%) berbanding pada akhir tahun 2016 yang berjumlah RM39.373 bilion. Peningkatan kutipan hasil dan terimaan akaun amanah pada tahun 2017 menyumbang kepada peningkatan wang awam. Kedudukan wang awam pada akhir tahun 2017 berbanding pada akhir tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 2** dan jumlah wang awam bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Carta 2**.

**JADUAL 2
WANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016**

| BUTIRAN | TAHUN | | PERUBAHAN | |
|-------------------------|-------------------|-------------------|-----------------|------------|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Wang Tunai | 18,064.13 | 16,063.46 | 2,000.67 | 12.5 |
| Pelaburan | 24,120.30 | 23,309.87 | 810.43 | 3.5 |
| JUMLAH WANG AWAM | 42,184.43 | 39,373.33 | 2,811.10 | 7.1 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

**CARTA 2
WANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2013 HINGGA TAHUN 2017**



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 hingga 2017

2.5.1. Wang Tunai

2.5.1.1. Wang tunai merupakan sebahagian daripada aset Kerajaan Persekutuan yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki wang tunai di dalam akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh tidak melebihi 3 bulan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan serta wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

akhir tahun kewangan. Manakala Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit yang diberi kepada pemegang panjar sebagai pendahuluan perbelanjaan. Kedudukan baki Wang Tunai bagi tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti di **Jadual 3**.

JADUAL 3
WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

| BUTIRAN | TAHUN | | PERUBAHAN | |
|-----------------------------|-------------------|-------------------|-----------------|-------------|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Wang Tunai Dalam Bank | 16,663.52 | 14,879.57 | 1,783.95 | 12.0 |
| Wang Tunai Dalam Perjalanan | 1,397.58 | 1,180.51 | 217.07 | 18.4 |
| Wang Tunai Dalam Tangan | 3.03 | 3.38 | (0.35) | (10.4) |
| JUMLAH WANG TUNAI | 18,064.13 | 16,063.46 | 2,000.67 | 12.5 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

2.5.1.2. Analisis Audit mendapati baki wang tunai menunjukkan peningkatan sejumlah RM2.001 bilion (12.5%) iaitu daripada RM16.063 bilion pada akhir tahun 2016 kepada RM18.064 bilion pada akhir tahun 2017. Baki Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan peningkatan tertinggi iaitu sejumlah RM1.784 bilion (12%) berbanding tahun sebelumnya. Baki Wang Tunai Dalam Perjalanan juga meningkat sejumlah RM217.07 juta (18.4%) manakala baki Wang Tunai Dalam Tangan berkurangan sejumlah RM0.35 juta (10.4%). Peningkatan baki Wang Tunai Dalam Bank sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan hasil cukai yang diterima pada akhir tahun 2017.

2.5.2. Pelaburan

2.5.2.1. Pelaburan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada pelaburan kumpulan wang amanah dan pelaburan am. Pelaburan yang dibuat daripada kumpulan wang amanah adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 9 dan 10 Akta Tatacara Kewangan, 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Manakala pelaburan am ialah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada kumpulan wang amanah.

2.5.2.2. Pada akhir tahun 2017, secara keseluruhannya nilai buku pelaburan telah meningkat sejumlah RM0.810 bilion (3.5%) kepada RM24.120 bilion berbanding RM23.310 bilion pada akhir tahun 2016. Peningkatan Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri bagi pelaburan Kumpulan Wang Amanah sejumlah RM0.798 bilion adalah penyumbang utama kepada peningkatan jumlah pelaburan pada tahun 2017. Butirannya adalah seperti di **Jadual 4**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

JADUAL 4 PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 2016 DAN 2017

| BUTIRAN | NILAI BUKU | | PERUBAHAN | |
|--|-------------------------|-------------------------|-----------------|--------------|
| | 31.12.2017 (RM Juta) | 31.12.2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH | | | | |
| Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 Bulan | 6,592.05 | 5,794.25 | 797.80 | 13.8 |
| Sekuriti Kerajaan Luar Negeri | 6,752.20 | 6,956.15 | (203.95) | (2.9) |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia | 3,360.92 | 3,013.27 | 347.65 | 11.5 |
| Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri | 440.11 | 440.11 | 0.00 | - |
| Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri | 0.67 | 0.67 | 0.00 | - |
| Jumlah Pelaburan Kumpulan Wang Amanah | 17,145.95 | 16,204.45 | 941.50 | 5.8 |
| PELABURAN AM | | | | |
| Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri | 6,717.76 | 6,717.76 | 0.00 | - |
| Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 bulan – 12 Bulan | 255.65 | 385.99 | (130.34) | (33.8) |
| Pelbagai | 0.94 | 1.67 | (0.73) | (43.7) |
| Jumlah Pelaburan Am | 6,974.35 | 7,105.42 | (131.07) | (1.8) |
| JUMLAH KESELURUHAN | 24,120.30 | 23,309.87 | 810.43 | 3.5 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

2.6. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada tahun 2017, hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM220.406 bilion manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM217.695 bilion. Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan hasil berjumlah RM2.711 bilion dan kesemua lebihan hasil tahun semasa ini telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan kekal berjumlah RM11.863 bilion semenjak tahun 1996. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2017 berbanding akhir tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 5**. Hasil, perbelanjaan mengurus dan pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti di **Carta 3**.

JADUAL 5 KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 DAN 2016


| BUTIRAN | TAHUN | | PERUBAHAN | |
|--|-------------------|-------------------|---------------|-------------|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 11,863.13 | 11,863.13 | 0.00 | - |
| Hasil | 220,406.00 | 212,421.10 | 7,984.90 | 3.8 |
| Perbelanjaan Mengurus | (217,695.19) | (210,172.66) | 7,522.53 | 3.6 |
| Lebihan Hasil | 2,710.81 | 2,248.44 | 462.37 | 20.6 |
| Lebihan Hasil Dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan | (2,710.81) | (2,248.44) | 462.37 | 20.6 |
| Baki Pada 31 Disember | 11,863.13 | 11,863.13 | 0.00 | - |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3

HASIL, PERBELANJAAN MENGURUS DAN PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 hingga 2017

2.6.1. Hasil

2.6.1.1. Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah Persekutuan. Secara keseluruhannya, pada tahun 2017 hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM220.406 bilion iaitu meningkat sejumrah RM7.985 bilion (3.8%) berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM212.421 bilion. Prestasi kutipan hasil pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 6**. Kutipan hasil menunjukkan trend penurunan antara tahun 2014 hingga 2016 dan meningkat pada tahun 2017. Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti di **Carta 4**.


JADUAL 6
HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016 DAN 2017

| BUTIRAN | TAHUN | | PERUBAHAN | |
|---------------------------|-------------------|-------------------|-----------------|------------|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Hasil Cukai | 177,658.50 | 169,343.34 | 8,315.16 | 4.9 |
| Hasil Bukan Cukai | 39,520.22 | 40,006.20 | (485.98) | (1.2) |
| Terimaan Bukan Hasil | 1,976.50 | 2,113.46 | (136.96) | (6.5) |
| Hasil Wilayah Persekutuan | 1,250.78 | 958.10 | 292.68 | 30.5 |
| JUMLAH HASIL | 220,406.00 | 212,421.10 | 7,984.90 | 3.8 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 4
KUTIPAN HASIL BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 hingga 2017

2.6.1.2. Hasil cukai pada tahun 2017 adalah berjumlah RM177.658 bilion iaitu meningkat sejumlah RM8.315 bilion (4.9%) berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM169.343 bilion. Penyumbang utama kepada peningkatan hasil cukai adalah cukai barang dan perkhidmatan (GST) import, cukai pendapatan petroleum dan individu. Bagaimanapun, kutipan duti eksais dan cukai barang dan perkhidmatan (GST) tempatan menunjukkan penurunan. Hasil Wilayah Persekutuan meningkat sejumlah RM0.293 bilion (30.5%). Manakala hasil bukan cukai menunjukkan pengurangan sejumlah RM0.486 bilion (1.2%) dan terimaan bukan hasil juga berkurangan sejumlah RM0.137 bilion (6.5%). Antara hasil yang menunjukkan peningkatan/(penurunan) yang ketara pada tahun 2017 berbanding dengan tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENINGKATAN/PENURUNAN HASIL YANG KETARA

| JENIS HASIL | PUNGUTAN HASIL (Tahun) | | PENINGKATAN / (PENURUNAN) | | PUNCA PENINGKATAN/PENURUNAN |
|--|------------------------|----------------|---------------------------|--------|---|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) | |
| Hasil Cukai | | | | | |
| Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Import | 19,352.37 | 15,232.66 | 4,119.71 | 27.0 | Peningkatan pungutan GST Import bagi komoditi seperti petrol, diesel, mesin dan alat ganti, makanan dalam tin dan barang plastik. |
| Cukai Pendapatan Petroleum | 11,760.92 | 8,421.52 | 3,339.40 | 39.7 | Peningkatan harga minyak mentah dunia khususnya pada bulan Jun sehingga Disember 2017. |
| Cukai Pendapatan Individu | 28,945.46 | 27,566.11 | 1,379.35 | 5.0 | <ul style="list-style-type: none"> Peningkatan pendapatan pembayar cukai individu yang layak dikenakan cukai. Peningkatan kadar cukai bagi kelompok individu berpendapatan tinggi melebihi RM600,000. Peningkatan bilangan pembayar cukai hasil aktiviti penguatkuasaan dan pendidikan cukai oleh LHDNM. |
| Duti Eksais | 5,518.64 | 7,721.03 | (2,202.39) | (28.5) | <ul style="list-style-type: none"> Penutupan operasi satu syarikat pengeluar rokok utama. Penurunan permintaan kenderaan penumpang dan pemberian insentif pengecualian duti. |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| JENIS HASIL | PUNGUTAN HASIL (Tahun) | | PENINGKATAN / (PENURUNAN) | | PUNCA PENINGKATAN/PENURUNAN |
|--|------------------------|----------------|---------------------------|--------|--|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) | |
| Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Tempatan | 24,937.47 | 25,973.41 | (1,035.94) | (4.0) | Pungutan GST Tempatan (kasar) tahun 2017 adalah lebih tinggi daripada tahun 2016. Bagaimanapun, pindahan ke Tabung Bayaran Balik GST meningkat dengan ketara dan memberi kesan kepada pungutan GST (bersih). |
| Hasil Bukan Cukai | | | | | |
| Aktiviti Cari Gali Minyak dan Gas MTJA | 1,508.45 | 2,211.10 | (702.65) | (31.8) | Penurunan terimaan royalti dari aktiviti cari gali minyak dan gas <i>Malaysia-Thailand Joint Activity</i> (MTJA). |
| Terimaan Bukan Hasil | | | | | |
| Pulangan Balik Perbelanjaan | 1,838.90 | 2,090.28 | (251.38) | (12.0) | Penurunan kutipan pulangan balik perbelanjaan. |
| Hasil Wilayah Persekutuan | | | | | |
| Hasil Cukai Wilayah Persekutuan | 1,170.78 | 889.41 | 281.37 | 31.7 | Peningkatan hasil premium dan cukai tanah. |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

2.6.1.3. Semakan Audit mendapati pada bulan Disember 2017, Kerajaan Persekutuan telah memindah milik enam lot tanah kepada syarikat tujuan khas di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu Syarikat Hartanah Mampan Sdn. Bhd. Harga jualan bagi enam lot tanah berkenaan adalah pada nilai nominal RM6,000 iaitu bersamaan RM1,000 bagi setiap lot. Satu daripada 6 lot tanah berkenaan telah dijual semula oleh Syarikat Hartanah Mampan Sdn. Bhd. pada bulan yang sama iaitu dalam jangka masa yang singkat dengan harga jualan RM2.07 bilion. Hasil penjualan tersebut telah direkodkan di penyata kewangan syarikat berkenaan.

2.6.2. Perbelanjaan Mengurus

2.6.2.1. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2017 berjumlah RM217.695 bilion meliputi pemberian dan kenaan bayaran tetap berjumlah RM104.365 bilion (47.9%); emolumen berjumlah RM77.036 bilion (35.4%); perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM34.738 bilion (16%); perbelanjaan lain berjumlah RM1.040 bilion (0.5%) dan aset berjumlah RM0.516 bilion (0.2%). Perbelanjaan mengurus tahun 2017 meningkat sejumla RM7.522 bilion (3.6%) berbanding dengan tahun 2016 yang berjumlah RM210.173 bilion. Peningkatan perbelanjaan mengurus tahun 2017 disumbangkan oleh peningkatan perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan serta perbelanjaan lain. Butirannya adalah seperti di **Jadual 8**. Perbelanjaan mengurus mengikut jenis perbelanjaan bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti di **Carta 5**.


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

JADUAL 8 PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

| BUTIRAN | TAHUN | | PERUBAHAN | |
|-------------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------|------------|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Emolumen | 77,036.40 | 73,108.36 | 3,928.04 | 5.4 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 34,738.18 | 30,070.48 | 4,667.70 | 15.5 |
| Aset | 515.69 | 675.65 | (159.96) | (23.7) |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 104,365.09 | 105,404.74 | (1,039.65) | (1.0) |
| Perbelanjaan Lain | 1,039.83 | 913.43 | 126.40 | 13.8 |
| JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS | 217,695.19 | 210,172.66 | 7,522.53 | 3.6 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

CARTA 5 PERBELANJAAN MENGURUS MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 hingga 2017

NOTA:

A Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap

D Aset

B Emolumen

E Perbelanjaan Lain

C Perkhidmatan dan Bekalan

2.6.2.2. Perbelanjaan di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap adalah termasuk perbelanjaan kerana hutang negara (kos bagi mendapatkan pinjaman dan faedah pinjaman) yang berjumlah RM27.863 bilion atau 12.8% daripada perbelanjaan mengurus tetapi tidak termasuk pembayaran balik prinsipal hutang yang berjumlah RM88.857 bilion kerana tidak dibajetkan di bawah peruntukan mengurus.

2.6.2.3. Perbadaharaan Malaysia telah mengeluarkan Waran Am Bil. 1 Tahun 2017 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM214.800 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM1.909 bilion iaitu melalui peruntukan khas berjumlah RM0.663 bilion dan pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka berjumlah RM1.246 bilion. Dalam tempoh yang sama,

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

Perbendaharaan Malaysia juga telah mengeluarkan waran penyekatan peruntukan berjumlah RM10 juta. Dengan ini, peruntukan muktamad bagi tahun 2017 adalah berjumlah RM216.699 bilion. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2017 adalah berjumlah RM217.695 bilion iaitu melebihi RM0.996 bilion (0.5%) daripada peruntukan muktamad yang diluluskan. Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti di **Jadual 9**.

JADUAL 9
PERBANDINGAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS
BAGI TAHUN 2017 DAN 2016

| BUTIRAN | TAHUN 2017 (RM Juta) | TAHUN 2016 (RM Juta) |
|--|-------------------------|-------------------------|
| Peruntukan | | |
| i. Asal | 214,800.00 | 215,224.00 |
| ii. Waran Khas dan Pendahuluan Daripada Peruntukan Luar Jangka | 1,909.95 | 2,279.42 |
| JUMLAH | 216,709.95 | 217,503.42 |
| Waran Penyekatan Peruntukan | (10.30) | (5,202.87) |
| JUMLAH | 216,699.65 | 212,300.55 |
| Perbelanjaan Sebenar* | 217,695.19 | 210,172.66 |
| Peratus Perbelanjaan | 100.5% | 99% |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2016 dan 2017

Nota : (*) - Tidak Termasuk Pindahan Kepada Kumpulan Wang Pembangunan

2.6.2.4. Analisis selanjutnya mengikut jenis perbelanjaan mendapati 6 Kementerian/Jabatan telah berbelanja melebihi peruntukan bagi perbelanjaan emolumen dan 4 Kementerian/Jabatan berbelanja melebihi peruntukan bagi perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, antaranya untuk membayar utiliti, penyelenggaraan bangunan dan kenderaan, bayaran perubatan dan waran perjalanan udara. Manakala 3 Kementerian/Jabatan telah berbelanja melebihi peruntukan bagi perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap, antaranya untuk bayaran subsidi dan bayaran khas kewangan pesara. Butirannya adalah seperti di **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN
MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN PADA TAHUN 2017

| KEMENTERIAN/JABATAN | JUMLAH PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN | | |
|--|---|--|---|
| | Emolumen (RM Juta) | Perkhidmatan dan Bekalan (RM Juta) | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (RM Juta) |
| Jabatan Perdana Menteri | 21.22 | 1.79 | - |
| Jabatan Perkhidmatan Awam | 8.02 | 6.87 | 380.84 |
| Kementerian Luar Negeri | 15.46 | - | - |
| Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani | - | - | 685.49 |
| Kementerian Kesihatan Malaysia | 479.07 | - | - |
| Kementerian Dalam Negeri | 153.91 | 649.51 | - |
| Kementerian Pendidikan Malaysia | 282.30 | 204.81 | - |
| Kementerian Pendidikan Tinggi | - | - | 275.41 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

2.6.2.5. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya perbelanjaan melebihi peruntukan adalah seperti berikut:

- a. Sejumlah RM3.574 bilion (1.6%) daripada perbelanjaan tahun 2017 adalah merupakan perbelanjaan bagi tahun sebelumnya yang dibayar di bawah peraturan Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP 58(a)] dan menggunakan peruntukan tahun 2017.
- b. Peruntukan asal yang diluluskan adalah lebih rendah daripada keperluan sebenar termasuk pembayaran gaji dan upah serta elaun sara hidup pegawai pejabat Perwakilan di luar negara.
- c. Menampung Bayaran Khas Kewangan pada bulan Januari dan Jun 2017 di mana peruntukan tidak disediakan bagi maksud tersebut.
- d. Pertambahan jawatan baru dan pembayaran emolumen untuk kakitangan kontrak.
- e. Peruntukan asal tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan utiliti, penyelenggaraan bangunan dan kenderaan, bayaran perubatan, waran perjalanan udara dan subsidi.

Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 28 Mac 2018

Kementerian Kewangan memaklumkan peruntukan tambahan bagi menampung kurangan peruntukan tersebut telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 27 Mac 2018.

2.6.2.6. Analisis selanjutnya terhadap pengurusan pembayaran di bawah AP 58(a) yang berjumlah RM3.574 bilion mendapati pembayaran yang dibuat antaranya adalah bagi perkhidmatan penyelenggaraan, bayaran bil elektrik dan air serta bayaran perkhidmatan sokongan hospital tahun 2016. Bagaimanapun, bil-bil tersebut telah lewat dibayar iaitu pembayaran hanya dibuat antara bulan Jun hingga Disember 2017. Contoh bil-bil yang lewat dibayar adalah seperti di **Jadual 11**.

JADUAL 11
PEMBAYARAN DI BAWAH PERATURAN AP58(a)
BIL-BIL LEWAT DIBAYAR

| PERHAL | BIL | BULAN PEMBAYARAN DIBUAT | AMAUN |
|--|--------------------------|-------------------------|--------------|
| | | | (RM) |
| Bil Elektrik UTC Tawau | Ogos – Disember 2016 | Disember 2017 | 1,555.20 |
| Bil Elektrik UTC Terengganu | Oktober – Disember 2016 | Disember 2017 | 62,436.70 |
| Bil Telefon | September 2016 | Oktober 2017 | 197.15 |
| Bayaran Perkhidmatan Sokongan Hospital | November – Disember 2016 | September 2017 | 4,019,072.11 |
| Caj Penyenggaraan UTC | Julai – Disember 2016 | Julai 2017 | 735,457.68 |

Sumber : Dokumen Bayaran Di Kementerian/Jabatan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

Pada pendapat Audit, setiap bil perlu dibayar dengan segera selaras dengan peraturan yang ditetapkan di mana bil perlu dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan bil yang lengkap. Adalah disyorkan, Kementerian Kewangan menetapkan peraturan supaya setiap Kementerian/Jabatan menyelesaikan dengan segera bil-bil tahun sebelumnya yang akan dibayar di bawah peraturan AP58(a) iaitu sebaik sahaja penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan selesai dijalankan.

2.7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan urus niaga pinjaman dalam dan luar negeri mengikut akta-akta berkaitan. Pada akhir tahun 2017, baki terkumpul Akaun Pinjaman Disatukan adalah berjumlah RM33.482 bilion iaitu meningkat sejumlah RM13.158 bilion (64.7%) berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM20.324 bilion. Peningkatan baki ini disebabkan jumlah yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2017 menurun dengan ketara iaitu sejumlah RM19.347 bilion (41.5%) berbanding tahun 2016. Baki terkumpul Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 12**.


JADUAL 12
KEDUDUKAN AKAUN PINJAMAN DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

| BUTIRAN | TAHUN | | PERUBAHAN | |
|---------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------|--------|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 20,323.76 | 28,385.61 | (8,061.85) | 28.4 |
| Terimaan : | 129,247.89 | 99,858.87 | 29,389.02 | 29.4 |
| Dalam Negeri | 129,185.01 | 93,876.45 | 35,308.56 | 37.6 |
| Luar Negeri | 62.88 | 5,982.42 | (5,919.54) | (98.9) |
| Bayaran : | (88,857.18) | (61,341.46) | 27,515.72 | 44.9 |
| Dalam Negeri | 88,452.61 | 56,193.84 | 32,258.77 | 57.4 |
| Luar Negeri | 404.57 | 5,147.62 | (4,743.05) | (92.1) |
| Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan | (27,232.07) | (46,579.26) | (19,347.19) | 41.5 |
| Baki Pada 31 Disember | 33,482.40 | 20,323.76 | 13,158.64 | 64.7 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

2.7.1. Kerajaan Persekutuan telah membuat pinjaman dari dalam dan luar negeri bagi menampung defisit perbelanjaan pembangunan, membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan kakitangan awam (sehingga tahun 2015) dan membayar balik hutang. Terimaan dan bayaran balik hutang serta pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (sehingga tahun 2015) bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti di **Carta 6**.

CARTA 6
TERIMAAN DAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SERTA PINDAHAN KEPADA
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN DAN PINJAMAN PERUMAHAN
PADA TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 hingga 2017

2.7.2. Pada tahun 2017, Kerajaan telah membuat pinjaman baru berjumlah RM129.248 bilion terdiri daripada pinjaman luar negeri berjumlah RM62.88 juta (0.05%) dan pinjaman dalam negeri berjumlah RM129.185 bilion (99.95%). Secara keseluruhannya, pinjaman pada tahun 2017 meningkat sejumlah RM29.389 bilion (29.4%) berbanding dengan tahun 2016 yang berjumlah RM99.859 bilion. Peningkatan pinjaman ini antaranya disebabkan peningkatan keperluan untuk menampung bayaran balik hutang serta penebusan semula Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia yang telah matang. **Pinjaman berjumlah RM129.248 bilion yang dilaporkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tidak termasuk pinjaman yang dibuat oleh agensi dan syarikat Kerajaan.**

2.7.3. Adalah didapati pinjaman baru yang dibuat pada tahun 2017 sebahagian besar telah digunakan untuk membayar balik prinsipal hutang. Secara keseluruhan, bayaran balik prinsipal hutang pada tahun 2017 adalah berjumlah RM88.857 bilion atau 68.7% daripada RM129.248 bilion pinjaman baru yang diterima. Bayaran balik prinsipal hutang pada tahun 2017 berjumlah RM88.857 bilion adalah meningkat sejumlah RM27.516 bilion (44.9%) berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM61.341 bilion. Sejumlah RM88.453 bilion (99.5%) adalah bayaran balik hutang dalam negeri manakala bakinya RM0.404 bilion (0.5%) adalah bayaran balik hutang luar negeri.

2.7.4. Pembayaran balik hutang secara terus daripada Akaun Pinjaman Disatukan adalah di luar mekanisme bajet Kerajaan. Ini bermaksud bayaran balik hutang (prinsipal) tidak diperuntukkan dalam bajet tahunan Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen dan tidak ditanggungkan dalam perbelanjaan mengurus tahun semasa.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

2.7.5. Pada tahun 2017, hanya sejumlah RM27.232 bilion dipindahkan daripada Akaun Pinjaman Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan yang mana adalah lebih rendah daripada perbelanjaan pembangunan tahun 2017 yang berjumlah RM44.884 bilion. Manakala, baki Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM33.482 bilion akan dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan selepas mendapat kelulusan resolusi pemindahan yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 29 Mac 2018.

Pada pendapat Audit, memandangkan bayaran balik hutang tidak dibajetkan di bawah peruntukan mengurus, adalah disyorkan agar anggaran pinjaman baru yang akan dibuat bagi menampung bayaran balik prinsipal hutang turut dibentangkan di Parlimen semasa pembentangan bajet mengurus dan pembangunan.

2.8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Pada akhir tahun 2017, Akaun Amanah Disatukan berbaki negatif sejumlah RM3.161 bilion. Akaun Amanah Disatukan berbaki negatif disebabkan pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan iaitu salah satu akaun di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berkurangan dengan ketara berbanding tahun 2016. Kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 13**.

**JADUAL 13
BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016**

| KATEGORI AKAUN | BAKI PADA 31.12.2017 (RM Juta) | BAKI PADA 31.12.2016 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|-------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|--------------------|----------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | (23,541.44) | (10,585.33) | (12,956.11) | (122.4) |
| Kumpulan Wang Amanah Awam | 9,261.94 | 8,220.61 | 1,041.33 | 12.7 |
| Deposit | 11,118.41 | 9,551.16 | 1,567.25 | 16.4 |
| JUMLAH | (3,161.09) | 7,186.44 | (10,347.53) | (144.0) |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

2.8.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Sebahagian Kumpulan Wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung. Peruntukan yang disalurkan dalam Kumpulan Wang Amanah ini perlu dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang atau Surat Ikatan Amanah yang berkaitan. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dikategorikan kepada 2 Kumpulan Wang iaitu

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Baki kedua-dua Kumpulan Wang pada akhir tahun 2017 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 14**.

JADUAL 14
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2016 DAN 2017

| KATEGORI AKAUN | BAKI PADA 31.12.2017 (RM Juta) | BAKI PADA 31.12.2016 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|--|--------------------------------------|--------------------------------------|--------------------|----------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Kumpulan Wang Pembangunan | (46,765.91) | (33,677.13) | (13,088.78) | (38.9) |
| Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | 23,224.46 | 23,091.80 | 132.66 | 0.6 |
| JUMLAH | (23,541.45) | (10,585.33) | (12,956.12) | (122.4) |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

2.8.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Pada akhir tahun 2017, Kumpulan Wang Pembangunan berbaki negatif berjumlah RM46.766 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM13.089 bilion berbanding tahun 2016. Baki Kumpulan Wang Pembangunan menunjukkan penurunan yang ketara kerana pada tahun 2017 hanya sejumlah RM27.232 bilion dipindahkan daripada Akaun Pinjaman Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan berbanding pindahan pada tahun 2016 yang berjumlah RM46.579 bilion. Resolusi pemindahan tambahan berjumlah RM33.482 bilion telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 29 Mac 2018. Butirannya adalah seperti di **Jadual 15**.

JADUAL 15
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

| BUTIRAN | TAHUN | | PERUBAHAN | |
|---------------------------------------|--------------------|--------------------|--------------------|-------------|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | (33,677.13) | (41,856.37) | 8,179.24 | (19.5) |
| Terimaan : | 31,795.06 | 50,174.28 | (18,379.22) | (36.6) |
| Caruman dari Akaun Hasil Disatukan | 2,710.81 | 2,248.44 | 462.37 | 20.6 |
| Caruman dari Akaun Pinjaman Disatukan | 27,232.07 | 46,579.26 | (19,347.19) | (41.5) |
| Terimaan Balik Pinjaman | 785.82 | 1,079.11 | (293.29) | (27.2) |
| Jualan Aset Modal | 0.00 | 0.01 | (0.01) | (100.0) |
| Pelbagai Terimaan | 1,066.36 | 267.46 | 798.90 | 298.7 |
| Bayaran : | | | | |
| Perbelanjaan Pembangunan | (44,883.84) | (41,995.04) | (2,888.80) | 6.9 |
| Lebihan/(Kurangan) bagi tahun | (13,088.78) | 8,179.24 | (21,268.02) | (260.0) |
| Baki Pada 31 Disember | (46,765.91) | (33,677.13) | (13,088.78) | 38.9 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

a. Perbelanjaan Pembangunan

- i. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM260 bilion sebagai peruntukan pembangunan yang akan diagihkan setiap tahun sepanjang tahun pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang merupakan rancangan lima (5) tahun pembangunan Malaysia (2016 - 2020). Sejumlah RM46 bilion telah diluluskan sebagai anggaran asal perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2017 dan peruntukan tambahan daripada Simpanan Luar Jangka berjumlah RM1.052 bilion. Bagi tempoh yang sama, Waran Penyekatan Peruntukan berjumlah RM1.732 bilion telah dikeluarkan. Dengan ini, peruntukan muktamad untuk pembangunan adalah berjumlah RM45.320 bilion. Sehingga akhir tahun 2017, secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah RM44.884 bilion (99%) daripada peruntukan yang diluluskan. Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 16**.

JADUAL 16
PERBANDINGAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2017 DAN 2016

| PERKARA | TAHUN 2017 (RM Juta) | TAHUN 2016 (RM Juta) |
|--|-------------------------|-------------------------|
| Peruntukan: - Anggaran Asal* - Tambahan Pertama/Pendahuluan daripada Peruntukan Luar Jangka | 46,000.00 1,052.21 | 50,000.00 987.76 |
| JUMLAH | 47,052.21 | 50,987.76 |
| Waran Penyekatan Peruntukan | (1,732.08) | (7,985.10) |
| JUMLAH | 45,320.13 | 43,002.66 |
| Perbelanjaan Sebenar | 44,883.84 | 41,995.04 |
| Peratus Perbelanjaan | 99.0% | 97.7% |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

Nota: (*) - Tidak Termasuk Peruntukan Simpanan Luar Jangka Berjumlah RM2 Bilion.

- ii. Analisis Audit terhadap perbelanjaan pembangunan tahun 2017 bagi 25 Kementerian/Jabatan mendapati perkara berikut:
- Perbelanjaan bagi lima (5) projek yang dilaksanakan oleh tiga (3) Kementerian adalah kurang 50% daripada peruntukan yang diluluskan. Semakan Audit mendapati sejumlah RM57.57 juta telah diluluskan dan hanya sejumlah RM26.98 juta (46.9%) dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 17**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

JADUAL 17 PERUNTUKAN DIBELANJAKAN KURANG DARIPADA 50%

| KEMENTERIAN/JABATAN | PROJEK | PERUNTUKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN | |
|---|---|-------------------------|---------------------------|----------------------------------|-------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani | Projek Pertanian Yang Lain | 32.62 | 15.55 | 17.07 | 52.3 |
| | Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia | 0.42 | 0.06 | 0.36 | 85.7 |
| Kementerian Pengangkutan Malaysia | Projek Pembinaan Keretapi Negeri Sabah | 21.00 | 10.16 | 10.84 | 51.6 |
| Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat | Pusat Khidmat Setempat OKU | 0.05 | 0.02 | 0.03 | 60.0 |
| | Rumah Perlindungan Khas | 3.48 | 1.19 | 2.29 | 65.8 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 57.57 | 26.98 | 30.59 | 53.1 |

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

- Tiga (3) Kementerian telah membuat pindah peruntukan berjumlah RM14.77 juta bagi membiayai lima (5) projek. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati pindah peruntukan tersebut tidak dibelanjakan, malah peruntukan asal masih mempunyai baki. Butirannya adalah seperti di **Jadual 18**.

JADUAL 18 PINDAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN

| KEMENTERIAN/JABATAN | BIL. PROJEK | PERUNTUKAN ASAL | PINDAH PERUNTUKAN | PERBELANJAAN SEBENAR | PERUNTUKAN ASAL TIDAK DIBELANJAKAN | JUMLAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN |
|--|----------------|--------------------|----------------------|-------------------------|--|---|
| | | (RM Juta) (a) | (RM Juta) (b) | (RM Juta) (c) | (RM Juta) (d) = [(a) – (c)] | (RM Juta) [(b) + (d)] |
| Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani | 3 | 45.01 | 0.93 | 44.17 | 0.84 | 1.77 |
| Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi | 1 | 18.19 | 4.30 | 18.09 | 0.10 | 4.40 |
| Kementerian Kesihatan Malaysia | 1 | 185.39 | 9.54 | 183.58 | 1.81 | 11.35 |
| JUMLAH | 5 | 248.59 | 14.77 | 245.84 | 2.75 | 17.52 |

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 April 2018

Kementerian memaklumkan peruntukan/pindah peruntukan kurang/tidak dibelanjakan kerana kekangan penutupan akaun tahun 2017, kelewatan pelaksanaan projek disebabkan keperluan kelulusan peringkat awal yang melibatkan banyak pihak atau kontraktor lewat mengemukakan bil.

Lebih 90% perbelanjaan pembangunan dibiayai melalui pinjaman dan Kerajaan menanggung kos yang tinggi bagi pinjaman tersebut. Dengan ini pada pendapat Audit, setiap projek yang diluluskan hendaklah dilaksanakan mengikut perancangan dan peruntukan yang diterima dibelanjakan bagi memastikan rantai ekonomi yang dihasilkan daripada projek tersebut dapat dioptimumkan.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

b. Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor

- i. Wang Pendahuluan kepada Kontraktor adalah bayaran pendahuluan yang dibenarkan kepada kontraktor tempatan yang memerlukan modal untuk melaksanakan kerja awalan. Semua bayaran pendahuluan dicaj terus kepada vot projek berkenaan. Kementerian/Jabatan perlu menyelenggara akaun subsidiari mengenainya bagi merekodkan bayaran pendahuluan ini yang akan diselaraskan melalui potongan yang dibuat daripada bayaran kemajuan projek. Peraturan dan syarat bagi bayaran pendahuluan ini dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP - PK4.
- ii. Semakan Audit mendapati Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, pembangunan dan akaun amanah yang belum diimbuh/dikutip balik pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM1.026 bilion iaitu meningkat sejumlah RM79.17 juta (8.4%) berbanding tahun 2016. Baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang belum diimbuh/dikutip balik pada akhir tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti di **Jadual 19**.

JADUAL 19
KEDUDUKAN BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA
KONTRAKTOR YANG BELUM DIKUTIP BALIK
PADA AKHIR TAHUN 2013 HINGGA 2017

| TAHUN | BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADAKONTRAKTOR (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|-------|--|-----------|--------|
| | | (RM Juta) | (%) |
| 2013 | 1,106.32 | 61.05 | 5.8 |
| 2014 | 948.97 | (157.35) | (14.2) |
| 2015 | 939.01 | (9.96) | (1.0) |
| 2016 | 946.40 | 7.39 | 0.8 |
| 2017 | 1,025.57 | 79.17 | 8.4 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 hingga 2017

Nota : Baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor Pada Akhir Tahun 2012 adalah RM1,045.27 Juta

iii. Kutipan Balik Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor

- (a) Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP - PK4 menyatakan bahawa Kementerian/Jabatan dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengawasi kemajuan pelaksanaan sesuatu kontrak bagi memastikan semua pendahuluan kepada kontraktor dapat dikutip balik selewat-lewatnya semasa kerja siap pada tahap 75%. Sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan projek, bayaran wang pendahuluan yang belum dikutip balik hendaklah dituntut

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

daripada bank/syarikat kewangan/insurans/takaful yang mengeluarkan jaminan bagi maksud tersebut.

- (b) Baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang belum diimbuhs/dikutip balik walaupun projek telah ditamatkan/terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75% pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM108.88 juta iaitu meningkat sejumrah RM6.20 juta berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM102.68 juta. **Jadual 20** adalah senarai Kementerian yang masih belum mengutip balik baki bayaran pendahuluan berjumlah RM108.88 juta daripada 40 syarikat pada akhir tahun 2017 walaupun projek telah ditamatkan/terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75%.

JADUAL 20
BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR
YANG BELUM DIKUTIP BALIK WALAUPUN KEMAJUAN KERJA
TELAH MENCAPAI 75% ATAU PROJEK TERBENGKALAI/DITAMATKAN

| KEMENTERIAN | KEMAJUAN KERJA TELAH MENCAPI 75% | PROJEK TERBENGKALAI/ DITAMATKAN | | BAKI WANG PENDAHULUAN YANG MASIH BELUM DIKUTIP/DIIMBUH BALIK | |
|---|----------------------------------|---------------------------------|--------------------------|--|----------------------|
| | BIL. SYARIKAT | BIL. SYARIKAT | TAHUN KONTRAK DITAMATKAN | TAHUN 2016 (RM Juta) | TAHUN 2017 (RM Juta) |
| Kementerian Kerja Raya | - | 16 | 2008 – 2017 | 38.26 | 38.62 |
| Kementerian Pendidikan Malaysia | 12 | 3 | 2008 - 2014 | 28.49 | 31.90 |
| Kementerian Pertahanan Malaysia | 1 | 2 | 2009 | 17.97 | 17.97 |
| Kementerian Kewangan (Jabatan Akauntan Negara) | 1 | - | - | 0.00 | 10.00 |
| Kementerian Pengangkutan | 1 | 1 | Belum ditamatkan | 13.51 | 5.83 |
| Kementerian Dalam Negeri | - | 2 | 2008 - 2009 | 4.45 | 4.45 |
| Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan | 1 | - | - | 0.00 | 0.11 |
| JUMLAH | 16 | 24 | | 102.68 | 108.88 |

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

- (c) Semakan Audit selanjutnya terhadap pengurusan Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor bagi projek yang telah ditamatkan/terbengkalai/siap melebihi 75% mendapati perkara berikut:
- Baki wang pendahuluan bagi Kementerian Kerja Raya menunjukkan peningkatan disebabkan terdapat projek gagal diteruskan dan kontrak ditamatkan pada tahun 2017.
 - Kementerian Pengangkutan telah membuat kutipan balik pendahuluan daripada satu kontraktor yang menyumbang kepada pengurangan pada tahun 2017.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

- Peningkatan baki wang pendahuluan bagi Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kewangan dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan adalah melibatkan projek yang telah mencapai 75% tetapi pendahuluan masih belum dikutip sepenuhnya.
- Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor belum dikutip balik bagi Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri pula tidak menunjukkan perubahan kerana kes tersebut masih dalam tindakan mahkamah atau dalam proses timbang tara.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac hingga 12 April 2018

Kementerian memaklumkan bahawa kutipan balik akan dibuat melalui pelarasan akaun muktamad, mengambil tindakan undang-undang terhadap kontraktor dan sebahagiannya sedang dalam proses hapus kira disebabkan kutipan balik masih gagal dilaksanakan walaupun tindakan perundangan telah diambil.

Berdasarkan pengauditan yang dijalankan terhadap projek-projek yang bermasalah, kegagalan projek sering berlaku pada tahap kerja 30% hingga 40%. Pada pendapat Audit, Kementerian Kewangan perlu menyemak semula dasar 75% seperti yang ditetapkan dalam 1PP PK 4.1. – Pentadbiran Kontrak Perolehan Kerajaan Secara Am.

2.8.1.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pada akhir tahun 2017, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah berjumlah RM23.224 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM0.132 bilion (0.6%) berbanding dengan tahun 2016 yang berjumlah RM23.092 bilion. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Urus Niaga Belum Diselaraskan

Adalah didapati urus niaga berjumlah RM300.60 juta belum diselaraskan antara rekod Kementerian/Jabatan dengan rekod Pejabat Perakaunan melibatkan empat (4) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah. Butirannya adalah seperti di **Jadual 21**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

JADUAL 21
URUS NIAGA BELUM DISELARASKAN PADA AKHIR TAHUN 2017

| KEMENTERIAN/JABATAN | AKAUN | AMAUN BELUM DISELARASKAN (RM Juta) | TAHUN URUSNIAGA |
|--|------------------------------|--|------------------------|
| Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen) | Potongan Pinjaman Perumahan | 183.69 | 2016 |
| | Potongan Pelbagai | 88.73 | 2016 |
| | Bayaran Khas Kewangan Pencen | 27.45 | 2016 |
| Kementerian Pertahanan Malaysia | Tabung Pusingan Pinjaman | 0.73 | Sedang Dikenalpasti |
| | JUMLAH | 300.60 | |

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Maklum Balas JANM Yang Diterima Pada 4 Julai 2018

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) memaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan dan Jabatan Perkhidmatan Awam telah selesai membuat pelarasan terhadap semua urus niaga berkaitan.

b. Pendahuluan Diri Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

- i. Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP59) hanya boleh dilakukan dengan kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia atas pengesahan pihak Kementerian/Jabatan bahawa perkhidmatan atau barang yang dipesan dan dibekalkan dengan suci hati kepada Kerajaan telah diterima dengan sempurna. Pembayaran ini akan dipertanggungkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu siasatan dijalankan oleh Kementerian/Jabatan. Pada tahun 2017, Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan 40 permohonan Pendahuluan Diri berjumlah RM5.60 juta kepada 11 Kementerian/Jabatan bagi pembayaran di bawah AP59. Adalah didapati Pendahuluan Diri bagi pembayaran di bawah AP59 yang diluluskan pada tahun 2017 telah berkurangan sejumlah RM11.21 juta (66.7%) berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM16.81 juta. Butirannya adalah seperti di Jadual 22.

JADUAL 22
PEMBAYARAN DI BAWAH AP59 YANG DILULUSKAN
OLEH PERBENDAHARAAN MALAYSIA PADA TAHUN 2017 DAN 2016

| KEMENTERIAN/JABATAN | KELULUSAN PADA TAHUN 2017 | | KELULUSAN PADA TAHUN 2016 | |
|--------------------------|------------------------------|---------------------|------------------------------|---------------------|
| | BIL. KES | JUMLAH (RM Juta) | BIL. KES | JUMLAH (RM Juta) |
| Polis DiRaja Malaysia | 6 | 3.46 | 7 | 4.15 |
| Jabatan Perdana Menteri | 15 | 0.77 | 1 | 0.02 |
| Kementerian Pengangkutan | 1 | 0.38 | 10 | 0.27 |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| KEMENTERIAN/JABATAN | KELULUSAN PADA TAHUN 2017 | | KELULUSAN PADA TAHUN 2016 | |
|--|---------------------------|------------------|---------------------------|------------------|
| | BIL. KES | JUMLAH (RM Juta) | BIL. KES | JUMLAH (RM Juta) |
| Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan | 1 | 0.28 | 1 | 0.04 |
| Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia | 6 | 0.22 | 29 | 9.41 |
| Jumlah Kecil | 29 | 5.11 | 48 | 13.89 |
| Kementerian/Jabatan Lain | 11 | 0.49 | 21 | 2.92 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 40 | 5.60 | 69 | 16.81 |

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

- ii. Selaras dengan AP59, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia laporan siasatan lengkap dengan menghuraikan bagaimana penyimpangan peraturan biasa boleh berlaku dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pendahuluan diluluskan. Semakan Audit terhadap 76 laporan siasatan yang dikemukakan pada tahun 2017 mendapati 20 (26.3%) daripadanya telah lewat dikemukakan antara 23 hingga 271 hari. Manakala, Jabatan Polis DiRaja Malaysia masih belum mengemukakan laporan siasatan bagi lima (5) kes pembayaran di bawah AP59 walaupun telah melebihi tempoh 60 hari. Tempoh kelewatan sehingga 31 Disember 2017 adalah antara 87 hingga 268 hari. Butirannya adalah seperti di **Jadual 23**.

JADUAL 23
KELEWATAN MENGEMUKAKAN LAPORAN SIASATAN
KEPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA

| KEMENTERIAN/JABATAN | LAPORAN SIASATAN DIKEMUKAKAN PADA TAHUN 2017 | | | LAPORAN SIASATAN BELUM DIKEMUKAKAN | | |
|--|--|-----------------|--------------------------|------------------------------------|-----------------|---------------------------------------|
| | BIL. KES | AMAUN (RM Juta) | TEMPOH KELEWATAN* (Hari) | BIL. KES | AMAUN (RM Juta) | TEMPOH KELEWATAN SEHINGGA 31.12.2017* |
| Polis DiRaja Malaysia | 2 | 3.87 | 157 - 243 | 5 | 3.03 | 87 - 268 |
| Jabatan Perdana Menteri | 7 | 0.49 | 32 | - | - | - |
| Kementerian Pengangkutan | 3 | 0.39 | 23 - 24 | - | - | - |
| Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia | 5 | 0.21 | 49 - 271 | - | - | - |
| Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani | 2 | 0.18 | 119 - 124 | - | - | - |
| Kementerian Pendidikan Malaysia | 1 | 0.02 | 25 | - | - | - |
| JUMLAH | 20 | 5.16 | 23 - 271 | 5 | 3.03 | 87 - 268 |

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Nota : (*) - Tempoh Dikira Selepas 60 Hari Daripada Tarikh Kelulusan Pelarasan Dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia

- iii. Sehingga akhir tahun 2017, baki pendahuluan yang belum diselaraskan adalah berjumlah RM26.59 juta melibatkan 12 Kementerian/ Jabatan. Sejumlah RM20.14 juta daripada RM26.59 juta tersebut adalah merupakan baki yang dibawa ke hadapan dari tahun-tahun sebelumnya melibatkan lapan (8) Kementerian/Jabatan. Pendahuluan Diri bagi pembayaran di bawah AP59 yang diluluskan pada tahun 2016 dan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

sebelumnya tetapi belum diselaraskan sehingga penghujung tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 24**. Antara punca Pendahuluan Diri tersebut belum diselaraskan adalah disebabkan pihak Kementerian/Jabatan lewat mengemukakan laporan siasatan kepada Perbendaharaan Malaysia, laporan yang dikemukakan tidak lengkap atau masih menunggu kelulusan pelarasan daripada Perbendaharaan Malaysia.

JADUAL 24
PENDAHULUAN DIRI DI BAWAH AP59 TAHUN 2016 DAN SEBELUMNYA
YANG BELUM DISELARASKAN PADA AKHIR TAHUN 2017

| KEMENTERIAN/JABATAN | BAKI BELUM DISELARASKAN | KELULUSAN PENDAHULUAN |
|----------------------------------|----------------------------|--------------------------|
| | (RM Juta) | TAHUN |
| Polis DiRaja Malaysia | 18.70 | 2012 - 2016 |
| Kementerian Pendidikan Malaysia | 0.80 | 2006 - 2015 |
| Kementerian Kesihatan Malaysia | 0.26 | 2014 - 2015 |
| Jabatan Imigresen Malaysia | 0.25 | 2009 - 2014 |
| Jumlah/Tempoh | 20.01 | 2006 - 2016 |
| Kementerian/Jabatan Lain | 0.13 | 2012 - 2016 |
| JUMLAH KESELURUHAN/TEMPOH | 20.14 | 2006 - 2016 |

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 4 Julai 2018

Kementerian Kewangan memaklumkan bahawa kelulusan pelarasan telah diberikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bagaimanapun, KPM masih belum mengambil tindakan untuk membuat pelarasan. Manakala, pelarasan bagi beberapa kes pembayaran di AP59 melibatkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia hanya akan dibuat selepas mendapat ulasan daripada Panel Jawatankuasa AP59. Kementerian Kewangan juga memaklumkan bahawa beberapa langkah penambahbaikan telah diambil seperti berikut:

- i. *Memberi teguran/peringatan serius kepada Pegawai Pengawal dan Ketua Perkhidmatan yang terlibat;*
- ii. *Mengadakan mesyuarat pengurusan AP59 bersama Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian;*
- iii. *Mengarahkan Kementerian/Jabatan mengadakan kursus pengurusan kewangan dan perolehan secara berkala; dan*
- iv. *Mengarahkan agar pegawai yang didapati mengulangi kesalahan yang sama ditukarkan dan tidak dibenarkan menguruskan kewangan/ perolehan.*

2.8.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Akaun Amanah Khas dan Akaun Amanah Am. Sumber kewangan akaun amanah ini adalah daripada badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Pada akhir tahun 2017, baki kumpulan wang telah meningkat sejumlah RM1.041 bilion (12.7%) berbanding tahun 2016. Butirannya adalah seperti di **Jadual 25**.

JADUAL 25
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
PADA AKHIR TAHUN 2017 DAN 2016

| KATEGORI AKAUN | BAKI PADA 31.12.2017 (RM Juta) | BAKI PADA 31.12.2016 (RM Juta) | PENINGKATAN/ (PENURUNAN) | |
|-------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|-----------------------------|-------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Akaun Amanah Khas | 2,984.70 | 2,867.93 | 116.77 | 4.1 |
| Akaun Amanah Am | 6,277.24 | 5,352.68 | 924.56 | 17.3 |
| JUMLAH | 9,261.94 | 8,220.61 | 1,041.33 | 12.7 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

2.8.2.1. Akaun Amanah Khas

Akaun Amanah Khas adalah akaun yang ditubuhkan di bawah akta tersendiri, antaranya adalah Akaun Amanah Estet Kebankrapan, Kumpulan Wang Dius Api dan Akaun Amanah Am Pelikuidasi. Pada akhir tahun 2017, baki Akaun Amanah Khas telah meningkat sejumlah RM116.77 juta (4.1%) berbanding tahun 2016. Peningkatan baki akaun amanah ini disumbangkan oleh Akaun Amanah Estet Kebankrapan berikutan peningkatan terhadap kes-kes kebankrapan individu.

2.8.2.2. Akaun Amanah Am

Akaun Amanah Am adalah akaun yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Pada akhir tahun 2017, sebanyak 336 Akaun Amanah ditubuhkan di bawah Akta ini antaranya adalah Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II)

- i. Kementerian Kewangan telah menubuhkan dua akaun amanah iaitu Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) yang ditubuhkan pada

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

tahun 2006 dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II) ditubuhkan pada tahun 2011. Penubuhan Akaun Amanah PFI dan PFI II adalah bagi membiayai projek/program/aktiviti di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia seterusnya yang tidak dilaksanakan menggunakan bajet pembangunan tetapi dilaksanakan di bawah konsep Inisiatif Pembiayaan Swasta.

- ii. Kedua-dua akaun amanah ini ditubuhkan untuk mengakaunkan dana yang diterima daripada Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle*) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. (syarikat PPFI) dan syarikat MKD Makmur Sdn. Bhd. Syarikat ini memperoleh dana dengan membuat pinjaman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Syarikat PPFI telah mendapatkan pinjaman berjumlah RM20 bilion untuk Akaun Amanah PFI dan RM10 bilion bagi Akaun Amanah PFI II. Manakala, Syarikat MKD Makmur Sdn. Bhd. pula dibenarkan mendapatkan pinjaman dengan had nilai maksimum RM10 bilion bagi PFI II yang mana sejumlah RM9.10 bilion telah diterima sehingga 31 Disember 2017. Selain itu, Akaun Amanah PFI II turut mendapat sumbangan dana daripada Syarikat Hartanah Mampan berjumlah RM1.10 bilion pada bulan Disember 2017.

- ii. Kedudukan kewangan Akaun Amanah setakat 31 Disember 2017 adalah seperti di **Jadual 26**.

JADUAL 26
KEDUDUKAN KEWANGAN AKAUN AMANAH SETAKAT 31 DISEMBER 2017

| AKAUN AMANAH | TERIMAAN | | FAEDAH ATAS PELABURAN (RM Juta) | BAYARAN (RM Juta) | BAKI (RM Juta) |
|---------------------------|---------------------------|---------------------|------------------------------------|----------------------|-------------------|
| | SYARIKAT PEMBERI DANA | JUMLAH (RM Juta) | | | |
| PFI | Pembinaan PFI Sdn. Bhd. | 20,000.00 | 46.60 | 19,512.81 | 533.79 |
| PFI II | Pembinaan PFI Sdn. Bhd. | 10,000.00 | 260.27 | 17,833.77 | 2,626.50 |
| | MKD Makmur Sdn. Bhd. | 9,100.00 | | | |
| | Hartanah Mampan Sdn. Bhd. | 1,100.00 | | | |
| | Jumlah | 20,200.00 | | | |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 40,200.00 | 306.87 | 37,346.58 | 2,853.29 |

Sumber : Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah PFI dan PFI II Tahun 2017

- iv. Bayaran balik pinjaman PFI dan PFI II ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan perbelanjaan mengurus. Semakan Audit mendapati pada tahun 2017, Kerajaan hanya membuat bayaran balik faedah pinjaman berjumlah RM1.050 bilion dan prinsipal berjumlah

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

RM181.43 juta. Manakala baki amaun prinsipal tahun 2017 berjumlah RM2.608 bilion telah distruktur semula. Penstrukturkan semula pinjaman menyebabkan Kerajaan perlu menanggung faedah pinjaman tambahan berjumlah RM481.05 juta.

- v. **Pinjaman bagi PFI dan PFI II tidak dilaporkan sebagai hutang dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan kerana pinjaman tersebut tidak dibuat secara terus oleh Kerajaan Persekutuan.** Sebaliknya pinjaman tersebut telah dibuat melalui Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle*) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Sehingga akhir tahun 2017, baki pinjaman PFI dan PFI II yang belum selesai adalah berjumlah RM35.462 bilion.

- iv. Semakan Audit selanjutnya terhadap pengurusan kedua-dua akaun amanah ini mendapati perkara berikut:

- (a) Dana Akaun Amanah PFI II juga telah digunakan untuk projek pembangunan bukan fizikal seperti projek-projek yang disenaraikan di **Jadual 27**.

JADUAL 27
CONTOH PROJEK BUKAN FIZIKAL
YANG DIBIAYAI MENGGUNAKAN DANA PFI II

| KEMENTERIAN / JABATAN | BUTIRAN PROJEK | PERBELANJAAN (RM Juta) |
|--|---|------------------------|
| Jabatan Perkhidmatan Awam | Biasiswa/Pinjaman Dalam/Luar Negara | 1,317.00 |
| Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani | Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga | 320.00 |
| Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah | Dana Khas Pendidikan MARA | 100.00 |
| | Biasiswa/Pinjaman Pelajaran MARA | 680.00 |
| Kementerian Dalam Negeri | Pembekalan 300,000 Uniform RELA | 90.00 |
| Jabatan Perdana Menteri | Program Persediaan Pengeksport Bumiputera | 100.00 |
| Kementerian Kesihatan Malaysia | Biasiswa Kementerian Kesihatan | 206.54 |
| Kementerian Pendidikan Malaysia | Biasiswa Kecil Persekutuan | 84.67 |
| Kementerian Pendidikan Tinggi | Biasiswa Dan Bantuan Kewangan | 177.69 |

Sumber : Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah PFI II Tahun 2017

- (b) Akaun Amanah PFI sepatutnya telah ditutup pada tahun 2016, bagaimanapun penutupan akaun ini telah ditangguhkan sehingga bulan Mac 2022 kerana masih terdapat projek-projek dalam peringkat pelaksanaan dan penutupan akaun. Status pelaksanaan projek setakat 31 Disember 2017 adalah seperti di **Jadual 28**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

JADUAL 28 STATUS PELAKSANAAN PROJEK PFI

| BILANGAN KESELURUHAN PROJEK | STATUS PELAKSANAAN PROJEK | | |
|-----------------------------------|---------------------------|----------------------|--------------------|
| | TELAH SIAP | DALAM PELAKSANAAN | PENUTUPAN AKAUN |
| 550 | 194 | 34 | 322 |

Sumber : Laporan Pelaksanaan Projek di Sistem Pemantauan Projek II yang dikemukakan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

- (c) Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Perbelanjaan bagi PFI II pada 31 Disember 2017 yang dijana daripada Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) mendapati perkara berikut:

- Status pelaksanaan projek/program/aktiviti PFI II setakat 31 Disember 2017 adalah seperti **Jadual 29**.

JADUAL 29 STATUS PELAKSANAAN PROJEK PFI II

| BILANGAN KESELURUHAN PROJEK | STATUS PELAKSANAAN PROJEK | | |
|-----------------------------------|---------------------------|----------------------|--------------------|
| | TELAH SIAP | DALAM PELAKSANAAN | PENUTUPAN AKAUN |
| 433 | 52 | 205 | 176 |

Sumber : Laporan Pelaksanaan Projek di Sistem Pemantauan Projek II yang dikemukakan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

- Tiga (3) Kementerian telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan mengikut Surat Kuasa Berbelanja seperti di **Jadual 30**.

JADUAL 30 PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017

| KEMENTERIAN | BIL. PROJEK/ PROGRAM/ AKTIVITI | PERUNTUKAN DILULUSKAN* | PERBELANJAAN | |
|---------------------------------|---|---------------------------|--------------|------------------------|
| | | | SEBENAR | MELEBIHI PERUNTUKAN |
| Kementerian Pendidikan Malaysia | 10 | 793.88 | 817.17 | 23.29 |
| Kementerian Kesihatan Malaysia | 1 | 6.00 | 6.05 | 0.05 |
| Kementerian Kerja Raya | 1 | 2.92 | 3.10 | 0.18 |

Sumber : Dokumen Dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan
Nota : (*) - Peruntukan Diluluskan Mengikut Surat Kuasa Berbelanja

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 April 2018

Kementerian memaklumkan bahawa kelulusan perubahan siling bagi sebahagian projek telah diluluskan pada tahun 2018 dan bagi projek yang lain, permohonan perubahan siling projek akan dikemukakan dengan segera. Pindah peruntukan akan dibuat selepas kelulusan perubahan siling diperolehi.

- Surat Kuasa Berbelanja berjumlah RM1.10 juta telah dikeluarkan kepada Kementerian Dalam Negeri pada 5 Februari 2013 bagi membiayai projek *Access Control And Security Control System* manakala sejumlah RM134.50 juta telah diluluskan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia pada 16 Mac 2016 bagi membiayai projek Kompleks Dewan Bedah, ICU dan Wad Tambahan. Sehingga akhir tahun 2017, peruntukan bagi kedua-dua projek tersebut masih belum dibelanjakan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 April 2018

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan projek telah mula dilaksanakan pada bulan Februari 2018 dan dijangka siap pada tahun 2021. Manakala Kementerian Dalam Negeri memaklumkan proses perolehan sedang dilaksanakan.

2.8.3. Akaun Deposit

Deposit merupakan wang yang diterima oleh Kerajaan khusus bagi sesuatu maksud yang ditetapkan di bawah undang-undang atau perjanjian. Deposit hendaklah dikembalikan melalui bayaran balik atau pelarasan apabila mencapai maksud yang ditetapkan. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima untuk maksud tertentu seperti Wang Tak Dituntut, Wang Jaminan Pelaksanaan dan Deposit Mahkamah Tinggi. Pada akhir tahun 2017, Deposit Am yang dipegang oleh Kerajaan adalah berjumlah RM10.132 bilion iaitu meningkat sejumlah RM1.243 bilion (14%) berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM8.889 bilion. Manakala Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diwujudkan sebelum bayaran atau pelarasan dibuat kepada akaun tertentu seperti Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal, Akaun Pembatalan Bayaran Pindahan Dana Elektronik (EFT) dan Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan. Secara keseluruhannya baki Akaun Deposit Pelarasan menunjukkan peningkatan daripada RM662.52 juta pada akhir tahun 2016 kepada RM986.35 juta pada akhir tahun 2017. Butirannya adalah seperti di **Jadual 31**.

**JADUAL 31
AKAUN DEPOSIT
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 DAN 2016**

| KATEGORI DEPOSIT | BAKI PADA 31.12.2017 (RM Juta) | BAKI PADA 31.12.2016 (RM Juta) | PENINGKATAN | |
|-------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|-----------------|-------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Deposit Am | 10,132.06 | 8,888.64 | 1,243.42 | 14 |
| Deposit Pelarasan | 986.35 | 662.52 | 323.83 | 48.9 |
| JUMLAH | 11,118.41 | 9,551.16 | 1,567.25 | 16.4 |

2.9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan hutang Persekutuan dan Pelbagai Liabiliti.

2.9.1. Memorandum Aset - Pinjaman Dan Pendahuluan Boleh Dituntut

2.9.1.1. Kerajaan Persekutuan adalah pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan pinjaman daripada sumber dalam dan luar negeri. Pinjaman yang diperoleh ini disalurkan kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat Kerajaan dan Bukan Kerajaan, Perseorangan serta Pelbagai Agensi untuk membiayai pelbagai tujuan. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga memberi pendahuluan kepada Negeri. Baki belum selesai pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut (baki pokok) pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM58.443 bilion iaitu meningkat sejumlah RM2.630 bilion (4.7%) berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM55.813 bilion. Baki pinjaman belum selesai (baki pokok) pada akhir tahun 2017 tidak termasuk baki pinjaman perseorangan adalah berjumlah RM58.078 bilion. Butirannya seperti di **Jadual 32**.

JADUAL 32
BAKI BELUM SELESAI PINJAMAN DAN PENDAHULUAN BOLEH DITUNTUT
PADA AKHIR TAHUN 2017 DAN 2016

| PINJAMAN DAN PENDAHULUAN BOLEH DITUNTUT | BAKI BELUM SELESAI PADA | | PERUBAHAN | |
|--|-------------------------|-------------------------|-----------------|------------|
| | 31.12.2017 (RM Juta) | 31.12.2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Kerajaan Negeri | 18,785.07 | 18,164.21 | 620.86 | 3.4 |
| Pinjaman | 17,425.77 | 17,090.69 | 335.08 | 2.0 |
| Pendahuluan | 1,359.30 | 1,073.52 | 285.78 | 26.6 |
| Pihak Berkuasa Tempatan | 298.35 | 305.15 | (6.80) | (2.2) |
| Badan Berkanun | 6,338.02 | 6,363.11 | (25.09) | (0.4) |
| Koperasi | 270.83 | 258.30 | 12.53 | 4.9 |
| Syarikat | 30,521.78 | 28,633.89 | 1,887.89 | 6.6 |
| Pelbagai Agensi | 1,864.07 | 1,735.08 | 128.99 | 7.4 |
| Jumlah | 58,078.12 | 55,459.74 | 2,618.38 | 4.7 |
| Perseorangan | 365.63 | 353.75 | 11.88 | 3.4 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 58,443.75 | 55,813.49 | 2,630.26 | 4.7 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

2.9.1.2. Tuggakan Bayaran Balik Pinjaman dan Pendahuluan

Semakan Audit terhadap rekod pinjaman dan pendahuluan Kerajaan Negeri, Syarikat, Badan Berkanun, Pihak Berkua Tempatan, Pelbagai Agensi, Perbadanan Kemajuan Negeri dan Koperasi mendapati 546 (52%) daripada 1,049 pinjaman mempunyai tuggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tuggakan antara satu (1) hingga 37 tahun. Tuggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2017 meningkat sejumlah RM1.883 bilion (19.5%) menjadi RM11.536 bilion berbanding dengan RM9.653 bilion pada akhir tahun 2016. Tuggakan bayaran balik pinjaman syarikat adalah tidak termasuk tuggakan pinjaman syarikat Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. dan pinjaman Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agro Bank) yang telah diluluskan untuk dihapus kira.

2.9.1.3. Peningkatan jumlah tuggakan bayaran balik pinjaman ini antaranya adalah disebabkan oleh peminjam membuat bayaran balik kurang daripada amaun anuiti tahun 2017 dan kenaan faedah lewat bayaran balik pinjaman. Walaupun pada tahun 2017 terdapat peminjam yang membayar anuiti tertunggak tahun sebelumnya, pinjaman dihapus kira dan penjadualan semula pinjaman, namun jumlah tersebut adalah kurang berbanding anuiti yang sepatutnya dijelaskan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 33**.

JADUAL 33
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
PADA AKHIR TAHUN 2017

| PEMINJAM | PINJAMAN ADA TUNGGAKAN | | | | | | | |
|------------------------------------|------------------------|---------------|-------------|---------------------------------------|---------------------------------------|---------------------|-------------|---------------|
| | BIL. | ADA TUNGGAKAN | | TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2017 | TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2016 | TAMBAHAN/(KURANGAN) | (%) | TEMPOH* |
| | | BIL. | (%) | (RM Juta) | (RM Juta) | | | |
| Kerajaan Negeri | 892 | 447 | 50.1 | 4,632.95 | 4,224.58 | 408.37 | 9.7 | 1 - 37 |
| Syarikat** | 85 | 46 | 54.1 | 4,611.29 | 3,534.44 | 1,076.85 | 30.5 | 1 - 17 |
| Badan Berkanun | 16 | 11 | 68.8 | 1,696.78 | 1,447.91 | 248.87 | 17.2 | 3 - 22 |
| Pihak Berkua Tempatan | 26 | 23 | 88.5 | 220.67 | 220.67 | - | - | 24 - 25 |
| Pelbagai Agensi | 17 | 7 | 41.2 | 297.74 | 161.70 | 136.04 | 84.1 | 1 - 7 |
| Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri | 2 | 1 | 50.0 | 47.82 | 47.82 | - | - | 15 |
| Koperasi | 11 | 11 | 100.0 | 29.13 | 15.75 | 13.38 | 85.0 | 1 - 37 |
| JUMLAH/TEMPOH | 1,049 | 546 | 52.0 | 11,536.38 | 9,652.87 | 1,883.51 | 19.5 | 1 - 37 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

Nota : (*) - Tempoh Tuggakan Ansuran di Jadual Bayaran Balik Hingga Tahun Penyata Kewangan Diaudit

(**) - Tidak Termasuk Tuggakan Pinjaman Syarikat Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. dan Agro Bank Yang Telah Diluluskan Untuk Dihapus Kira

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

a. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman dan Pendahuluan Kerajaan Negeri

i. Pada akhir tahun 2017, sebanyak 447 (50.1%) daripada 892 pinjaman Kerajaan Negeri tidak dibayar balik mengikut jadual yang ditetapkan di dalam jadual bayaran balik. Tempoh tunggakan adalah antara satu (1) hingga 37 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM0.408 bilion (9.7%) iaitu daripada RM4.225 bilion pada akhir tahun 2016 menjadi RM4.633 bilion pada akhir tahun 2017. Peningkatan tunggakan ini melibatkan pinjaman Negeri Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Sarawak dan Terengganu manakala tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Negeri Johor, Perak, Sabah dan Selangor telah berkurangan. Sejumlah RM0.468 bilion (9.2%) telah dibayar balik oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2017 berbanding dengan RM5.113 bilion yang sepatutnya dibayar balik (tunggakan dan anuiti tahun 2017). Pengiraan tunggakan adalah mengambil kira perkara berikut:

- Hapus kira pinjaman Kerajaan Negeri Perak berjumlah RM11.42 juta.
- Hapus kira faedah lewat bagi empat (4) pinjaman Negeri Johor.
- Pelarasan bayaran balik anuiti tahun 2017 bagi Negeri Pulau Pinang yang dibuat pada tahun 2016.
- Tunggakan tahun 2016 terkurang lapor melibatkan dua (2) pinjaman Kerajaan Negeri Pahang berjumlah RM0.36 juta dan satu (1) pinjaman Kerajaan Negeri Perlis berjumlah RM0.33 juta.

ii. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 34**.

JADUAL 34
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2017

| KERAJAAN NEGERI | PINJAMAN | | | TUNGGAKAN BAYARAN BALIK | | | | | |
|-----------------|----------|---------------|------|-------------------------|-------------------|----------|--------------------------------|------------|---------|
| | BIL. | ADA TUNGGAKAN | | 31.12.2016 | ANUITI TAHUN 2017 | BAYARAN | PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN | 31.12.2017 | TEMPOH |
| | | BIL. | % | | | | | | |
| Pahang | 141 | 128 | 90.8 | 1,087.93 | 152.58 | (13.27) | 0.36 | 1,227.60 | 1 - 36 |
| Kedah | 93 | 86 | 92.5 | 1,028.85 | 117.00 | (28.35) | - | 1,117.50 | 1 - 30 |
| Terengganu | 92 | 90 | 97.8 | 502.36 | 48.42 | (14.70) | - | 536.08 | 1 - 18 |
| Melaka | 58 | 56 | 96.6 | 405.03 | 65.25 | (8.64) | - | 461.64 | 3 - 12 |
| Kelantan | 44 | 31 | 70.5 | 391.89 | 50.93 | (4.04) | - | 438.78 | 1 - 37 |
| Johor | 30 | 3 | 10.0 | 334.54 | 22.46 | (22.46) | (0.02) | 334.52 | 24 - 37 |
| Negeri Sembilan | 19 | 8 | 42.1 | 196.71 | 44.17 | (9.17) | - | 231.71 | 2 - 15 |
| Perlis | 37 | 32 | 86.5 | 171.44 | 14.65 | (4.36) | 0.33 | 182.06 | 1 - 23 |
| Sarawak | 224 | 2 | 0.9 | 36.54 | 180.16 | (174.96) | - | 41.74 | 2 - 10 |
| Sabah | 104 | 1 | 1.0 | 30.76 | 146.32 | (147.48) | - | 29.60 | 2 - 19 |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| KERAJAAN NEGERI | PINJAMAN | | | TUNGGAKAN BAYARAN BALIK | | | | | |
|-----------------|----------|---------------|------|-------------------------|-------------------|-----------|--------------------------------|------------|---------|
| | BIL. | ADA TUNGGAKAN | | 31.12.2016 | ANUITI TAHUN 2017 | BAYARAN | PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN | 31.12.2017 | TEMPOH |
| | | BIL. | % | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (Tahun) |
| Perak | 28 | 8 | 28.6 | 23.86 | 13.42 | (8.00) | (11.42) | 17.86 | 1 - 8 |
| Selangor | 13 | 2 | 15.4 | 14.67 | 28.72 | (29.53) | - | 13.86 | 1 |
| Pulau Pinang | 9 | 0 | 0 | TT | 3.87 | (3.30) | (0.57) | TT | TT |
| JUMLAH/TEMPOH | 892 | 447 | 50.1 | 4,224.58 | 887.95 | (468.26) | (11.32) | 4,632.95 | 1 - 37 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

Nota : TT - Tiada Tunggakan

- iii. Pada akhir tahun 2017, lima (5) negeri masih belum menjelaskan sepenuhnya pendahuluan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM82.36 juta. Tunggakan ini berkurangan sejumlah RM110.82 juta berbanding tahun 2016. Butirannya adalah seperti di **Jadual 35**.

JADUAL 35
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PENDAHULUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

| KERAJAAN NEGERI | TUNGGAKAN | | PERUBAHAN | | TEMPOH |
|-----------------|----------------------|----------------------|-----------|---------|-------------|
| | 31.12.2017 (RM Juta) | 31.12.2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) | |
| Kelantan | 17.00 | 60.00 | (43.00) | (71.7) | 2017 |
| Selangor | 3.18 | 3.18 | - | - | 2017 |
| Perlis | 7.00 | 70.00 | (63.00) | (90.0) | 2017 |
| Melaka | 50.18 | 60.00 | (9.82) | (16.4) | 2015 - 2017 |
| Kedah | 5.00 | 0.00 | 5.00 | (100) | 2017 |
| JUMLAH | 82.36 | 193.18 | (110.82) | (57.37) | 2015 - 2017 |

Sumber : Rekod Kementerian Kewangan

Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 27 April 2018

Kebanyakan pinjaman Kerajaan Negeri yang tidak dibuat bayaran balik adalah melibatkan projek bekalan air, projek perumahan awam kos rendah (PAKR), projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan projek pelbagai (PELBAGAI). Tunggakan bayaran balik pinjaman bagi projek bekalan air dijangka akan dapat diatasi setelah projek-projek yang berkaitan siap dan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) secara berperingkat mengikut negeri. Selain itu, Kementerian Kewangan akan berunding dengan Kerajaan Negeri bagi tujuan penyelesaian tunggakan pinjaman PKEN, PAKR dan PELBAGAI.

b. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Syarikat

- i. Pada 31 Disember 2017, sebanyak 46 (54.1%) daripada 85 pinjaman yang disalurkan kepada 29 syarikat mempunyai tunggakan bayaran balik

pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu (1) hingga 17 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM4.611 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM1.077 bilion (30.5%) berbanding RM3.534 bilion pada akhir tahun 2016. Adalah didapati peningkatan tunggakan ini disebabkan syarikat hanya membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM0.152 bilion (3.3%) berbanding dengan RM4.550 bilion yang sepatutnya dibayar balik (tunggakan dan anuiti tahun 2017). Sebanyak 16 syarikat langsung tidak membuat bayaran balik tunggakan dan anuiti tahun 2017.

- ii. Pengiraan tunggakan pinjaman ini tidak termasuk tunggakan pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. dan pinjaman Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agro Bank) yang telah diluluskan untuk dihapus kira. Mengikut perancangan awal, peruntukan hapus kira bagi pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. adalah berjumlah RM100 juta setiap tahun dan dijangka selesai pada tahun 2027 dan RM50 juta setahun bagi hapus kira pinjaman Agro Bank yang dijangka selesai pada tahun 2017. Bagaimanapun, pada tahun 2016 peruntukan hapus kira yang disediakan bagi pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. hanya berjumlah RM10 juta dan pada tahun 2017 hanya berjumlah RM15 juta. Manakala, peruntukan hapus kira bagi tunggakan pinjaman Agro Bank pada tahun 2017 hanya berjumlah RM10 juta.
- iii. Pengiraan tunggakan pinjaman adalah mengambil kira perkara berikut:
 - Pelarasan pinjaman Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dengan tunggakan anuiti sehingga tahun 2016 berjumlah RM129.03 juta dan pelarasan bayaran balik berjumlah RM22.50 juta.
 - Bayaran balik lebihan dana oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. yang dibuat pada tahun 2015 dan 2016 berjumlah RM13.35 juta.
 - Bayaran balik pada tahun 2013 bagi sebahagian anuiti matang tahun 2017 oleh Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. berjumlah RM0.75 juta.
 - Pelarasan dan kenaan faedah lewat bayaran balik pinjaman Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., Cyberview Sdn. Bhd., Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd., Malaysia Venture Capital Management Berhad, Perwaja Steel Sdn. Bhd., Syarikat Equal Concept Sdn. Bhd., SRC International Sdn. Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad, National Feedlot Corporation Sdn. Bhd., JKP Sdn. Bhd., Airport Limo (M) Sdn. Bhd., SME Ordnance Sdn. Bhd., M.Y. Ikan Sdn. Bhd., Tanjung Langsat Sdn. Bhd. dan UDA Holdings Berhad.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

iv. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman syarikat pada akhir tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SYARIKAT
PADA AKHIR TAHUN 2017

| SYARIKAT | PINJAMAN | | | TUNGGAKAN BAYARAN BALIK | | | | | |
|--|-----------|---------------|-------------|-------------------------|-------------------|-----------------|--------------------------------|-----------------|---------------|
| | BIL. | ADA TUNGGAKAN | | 31.12.2016 | ANUITI TAHUN 2017 | BAYARAN | PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN | 31.12.2017 | TEMPOH |
| | | BIL. | % | | | | | | |
| Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) | 3 | 3 | 100.0 | 1,381.31 | 328.92 | TBB | 28.32 | 1,738.55 | 7 |
| Cyberview Sdn. Bhd. | 4 | 1 | 25.0 | 571.32 | 7.67 | (7.67) | 11.53 | 582.85 | 8 |
| Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. | 6 | 5 | 83.3 | 433.34 | 58.96 | (20.00) | 35.32 | 507.62 | 1-2 |
| SRC International Sdn. Bhd. | 3 | 2 | 66.7 | 91.32 | 222.22 | (10.32) | 9.06 | 312.28 | 1-2 |
| Syarikat Perumahan Negara Berhad | 1 | 1 | 100.0 | 223.40 | - | TBB | - | 223.40 | 10 |
| Malaysia Venture Capital Management Berhad | 2 | 1 | 50.0 | 194.09 | - | TBB | 9.01 | 203.10 | 7 |
| Perwaja Steel Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | 146.83 | - | TBB | 9.37 | 156.20 | 10 |
| Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad | 3 | 2 | 66.7 | TT | 19.82 | (10.50) | 106.53 | 115.85 | 13 - 17 |
| Equal Concept Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | 102.71 | - | TBB | 6.68 | 109.39 | 10 |
| Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) | 5 | 3 | 60.0 | 69.09 | 20.50 | TBB | 5.81 | 95.40 | 4 |
| UDA Holdings Berhad | 1 | 1 | 100.0 | TT | 142.75 | (56.18) | 1.83 | 88.40 | 1 |
| Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) | 22 | 4 | 18.2 | 1.01 | 114.22 | (13.90) | (13.35) | 87.98 | 1 |
| National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | 54.55 | 17.49 | TBB | 1.39 | 73.43 | 4 |
| Malaysia Building Society Berhad | 1 | 1 | 100.0 | 61.04 | - | (0.51) | - | 60.53 | 8 |
| Premium Agro Products Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | 55.99 | - | TBB | - | 55.99 | 6 |
| Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. | 4 | 3 | 75.0 | TT | 42.00 | (5.00) | - | 37.00 | 1 |
| PKPS Agro Industries Sdn. Bhd. | 3 | 3 | 100.0 | 30.87 | 5.31 | (0.76) | - | 35.42 | 7 |
| Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | 33.49 | - | TBB | - | 33.49 | 7 |
| JKP Sdn. Bhd. | 2 | 1 | 50.0 | 19.56 | 0.44 | (3.83) | 1.10 | 17.27 | 6 |
| Airport Limo (M) Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | 13.27 | 3.60 | (1.20) | 0.14 | 15.81 | 8 |
| SME Ordinance Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | 11.85 | - | TBB | 0.77 | 12.62 | 7 |
| White Heron Dairy Farm Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | 11.39 | - | TBB | - | 11.39 | 8 |
| M.Y. Ikan Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | 8.50 | 1.89 | TBB | 0.61 | 11.00 | 5 |
| Agro Qas Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | 8.36 | - | TBB | - | 8.36 | 8 |
| Syarikat Tanjung Langsat Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | TT | 6.82 | TBB | 0.08 | 6.90 | 1 |
| A-Winn Global Market Services Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | 5.53 | - | TBB | - | 5.53 | 8 |
| MIMOS Berhad | 1 | 1 | 100.0 | 2.85 | - | TBB | - | 2.85 | 7 |
| Warisan Jengka Holdings (M) Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | 1.20 | 0.64 | (0.03) | - | 1.81 | 3 |
| Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. | 1 | 1 | 100.0 | TT | 4.22 | (2.60) | (0.75) | 0.87 | 1 |
| Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) | 10 | - | - | 1.57 | 17.63 | (19.20) | - | TT | TT |
| JUMLAH/TEMPOH | 85 | 46 | 54.1 | 3,534.44 | 1,015.10 | (151.70) | 213.45 | 4,611.29 | 1 - 17 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

Nota : TBB - Tiada Bayaran Balik TT - Tiada Tunggakan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 27 April 2018

Kementerian Kewangan akan mengadakan perjumpaan dengan peminjam bagi membincangkan mengenai penyelesaian tunggakan bayaran balik pinjaman. Manakala bagi pinjaman baru, Kementerian Kewangan akan mengenakan syarat pinjaman yang lebih ketat seperti penyediaan sekuriti atas pinjaman.

c. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Badan Berkanun

Pada akhir tahun 2017, tiga (3) Badan Berkanun mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman melibatkan 11 pinjaman dengan tempoh tunggakan antara tiga (3) hingga 22 tahun. Jumlah tunggakan pada akhir tahun 2017 adalah RM1.697 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.249 bilion (17.2%) berbanding RM1.448 bilion pada akhir tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) tidak membuat bayaran pada tahun 2017 manakala Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Perbadanan Aset Keretapi (PAK) hanya membayar anuiti tahun semasa. Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman yang tertinggi berjumlah RM1.281 bilion iaitu 75.5% daripada jumlah keseluruhan tunggakan pinjaman. Butirannya adalah seperti di **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
BADAN BERKANUN PADA AKHIR TAHUN 2017

| BADAN BERKANUN | PINJAMAN | | | TUNGGAKAN BAYARAN BALIK | | | | | |
|---|-----------|---------------|-------------|-------------------------|-------------------|----------------|--------------------------------|-----------------|---------------|
| | BIL. | ADA TUNGGAKAN | | 31.12.2016 | ANUITI TAHUN 2017 | BAYARAN | PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN | 31.12.2017 | TEMPOH |
| | | BIL. | % | | | | | | |
| Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) | 3 | 3 | 100.0 | 959.11 | 321.62 | TBB | - | 1,280.73 | 3 - 5 |
| Perbadanan Aset Keretapi (PAK) | 6 | 6 | 100.0 | 405.84 | 2.34 | (2.34) | - | 405.84 | 12 |
| Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) | 3 | 2 | 66.7 | 10.21 | 2.05 | (2.05) | - | 10.21 | 22 |
| Majlis Amanah Rakyat (MARA) | 4 | - | - | 72.75 | 0.6 | (73.35) | - | TT | - |
| JUMLAH/TEMPOH | 16 | 11 | 68.8 | 1,447.91 | 326.61 | (77.74) | - | 1,696.78 | 3 - 22 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016
Nota : TBB - Tiada Bayaran Balik TT - Tiada Tunggakan

Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 4 Julai 2018

Penstrukturkan semula pinjaman Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) telah dimuktamadkan dan perjanjian dijangka ditandatangani pada bulan Oktober 2018. Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah diminta untuk mengemukakan cadangan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

penstrukturkan semula pinjaman. Manakala Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) masih dalam proses mengemukakan permohonan pewartaan tanah kepada JKPTG.

d. Tuggakan Bayaran Balik Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan

Pada akhir tahun 2017, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM220.67 juta melibatkan 23 pinjaman dengan tempoh tunggakan pinjaman antara 24 hingga 25 tahun. Butirannya adalah seperti di **Jadual 38**.

JADUAL 38
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN PADA AKHIR TAHUN 2017

| PIHAK BERKUASA TEMPATAN | PINJAMAN | | | TUNGGAKAN BAYARAN BALIK | | | | | |
|-------------------------------------|----------|---------------|------|-------------------------|-------------------|-----------|--------------------------------|------------|---------|
| | BIL. | ADA TUNGGAKAN | | 31.12.2016 | ANUITI TAHUN 2017 | BAYARAN | PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN | 31.12.2017 | TEMPOH |
| | | BIL. | % | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (Tahun) |
| Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) | 26 | 23 | 88.5 | 220.67 | 8.65 | (8.65) | - | 220.67 | 24 - 25 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 4 Julai 2018

Pewartaan tapak tanah loji pembetungan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) dijangka selesai pada bulan Oktober 2018.

e. Tuggakan Bayaran Balik Pinjaman Pelbagai Agensi

Pada akhir tahun 2017, tiga (3) agensi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM297.74 juta yang mana meningkat sejumlah RM136.04 juta (84.1%) berbanding RM161.70 juta pada akhir tahun 2016 dengan tempoh tunggakan bayaran balik pinjaman antara satu (1) hingga tujuh (7) tahun. Peningkatan ini adalah disebabkan dua (2) agensi tidak membuat bayaran balik tunggakan dan anuiti tahun 2017 serta faedah lewat yang dikenakan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 39**.

JADUAL 39
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
PELBAGAI AGENSI PADA AKHIR TAHUN 2017

| PELBAGAI AGENSI | PINJAMAN | | | TUNGGAKAN BAYARAN BALIK | | | | | |
|---|----------|---------------|------|-------------------------|-------------------|-----------|--------------------------------|------------|---------|
| | BIL. | ADA TUNGGAKAN | | 31.12.2016 | ANUITI TAHUN 2017 | BAYARAN | PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN | 31.12.2017 | TEMPOH |
| | | BIL. | % | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (Tahun) |
| Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) | 8 | 4 | 50.0 | 154.26 | 44.30 | TBB | 0.23 | 198.79 | 1 – 5 |
| Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) | 8 | 2 | 25.0 | TT | 117.20 | (33.35) | 6.15 | 90.00 | 1 |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| PELBAGAI AGENSI | PINJAMAN | | | TUNGGAKAN BAYARAN BALIK | | | | | |
|--|----------|------------------|-------|-------------------------|-------------------------|-----------|--------------------------------------|------------|---------|
| | BIL. | ADA TUNGGAKAN | | 31.12.2016 | ANUITI TAHUN 2017 | BAYARAN | PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN | 31.12.2017 | TEMPOH |
| | | BIL. | % | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (Tahun) |
| Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi (YASAL) | 1 | 1 | 100.0 | 7.44 | 0.97 | TBB | 0.54 | 8.95 | 7 |
| JUMLAH/TEMPOH | 17 | 7 | 41.2 | 161.70 | 162.47 | (33.35) | 6.92 | 297.74 | 1 - 7 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016
 Nota : TBB - Tiada Bayaran Balik TT - Tiada Tunggakan

Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 4 Julai 2018

Penstrukturkan semula pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dijangka dimuktamadkan pada akhir bulan Oktober 2018. Permohonan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) untuk menstrukturkan semula pinjaman sedang dalam pertimbangan Kementerian Kewangan. Manakala Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi (YASAL) akan mengemukakan cadangan penjadualan semula pinjaman berdasarkan aliran tunai terkini.

f. Tuggakan Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) masih mempunyai tuggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM47.82 juta dengan tempoh tuggakan 15 tahun. Kedudukan tuggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 40**.

JADUAL 40
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2017

| PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI | PINJAMAN | | | TUNGGAKAN BAYARAN BALIK | | | | | |
|-------------------------------|----------|------------------|------|-------------------------|-------------------------|-----------|--------------------------------------|------------|---------|
| | BIL. | ADA TUNGGAKAN | | 31.12.2016 | ANUITI TAHUN 2017 | BAYARAN | PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN | 31.12.2017 | TEMPOH |
| | | BIL. | % | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (Tahun) |
| Perlis (PKENPs) | 2 | 1 | 50.0 | 47.82 | - | TBB | - | 47.82 | 15 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016
 Nota : TBB - Tiada Bayaran Balik

Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 27 April 2018

Pinjaman Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis sedang dalam proses penstrukturkan semula.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

g. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Koperasi

Pada akhir tahun 2017, tiga (3) koperasi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM29.13 juta. Tempoh tunggakan adalah antara satu (1) hingga 37 tahun. Butirannya adalah seperti di **Jadual 41**.

JADUAL 41
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN KOPERASI PADA AKHIR TAHUN 2017

| KOPERASI | PINJAMAN | | | TUNGGAKAN BAYARAN BALIK | | | | | |
|---|-----------|---------------|------------|-------------------------|-------------------|---------------|--------------------------------|--------------|---------------|
| | BIL. | ADA TUNGGAKAN | | 31.12.2016 | ANUITI TAHUN 2017 | BAYARAN | PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN | 31.12.2017 | TEMPOH |
| | | BIL. | % | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (Tahun) |
| Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA) | 9 | 9 | 100 | 9.69 | - | TBB | - | 9.69 | 31 – 37 |
| Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad (KPBNP) | 1 | 1 | 100 | 6.06 | - | (0.83) | - | 5.23 | 20 |
| Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad(MOCCIS) | 1 | 1 | 100 | TT | 13.41 | TBB | 0.80 | 14.21 | 1 |
| JUMLAH/TEMPOH | 11 | 11 | 100 | 15.75 | 13.41 | (0.83) | 0.80 | 29.13 | 1 – 37 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

Nota : TBB - Tiada Bayaran Balik TT - Tiada Tunggakan

Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 27 April 2018

Surat peringatan telah dikeluarkan kepada Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA) untuk mengemukakan cadangan penyelesaian hutang, Kementerian Kewangan akan mengambil tindakan susulan selepas urusan pelikuidasi Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad (KPBNP) selesai sepenuhnya dan Koperasi Pegawai-pegawai Melayu Malaysia Berhad (MOCCIS) telah diminta mengemukakan cadangan bayaran balik pinjaman.

2.9.2. Memorandum Aset - Pelaburan Dalam Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Dan Agensi Antarabangsa

Pada akhir tahun 2017, Kerajaan mempunyai kepentingan di dalam 111 agensi yang terdiri daripada satu (1) agensi antarabangsa, enam (6) Badan Berkanun Persekutuan dan 104 syarikat. Nilai buku pegangan saham Kerajaan pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM30.908 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM18.56 juta (0.1%) berbanding RM30.926 bilion pada akhir tahun 2016 apabila Kerajaan melupuskan pegangan saham dalam dua (2) syarikat. Kerajaan mengalami kerugian berjumlah RM81.55 juta berbanding nilai buku pelaburan bagi pelupusan saham KUB Malaysia Berhad. Manakala bagi pelupusan saham Sarawak Hidro Sdn. Bhd., Kerajaan memperoleh keuntungan berjumlah RM1.870 bilion. Bagaimanapun, Kerajaan perlu mengekalkan jaminan terhadap pinjaman syarikat berjumlah

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

RM1 bilion. Kedudukan pegangan saham Kerajaan pada akhir tahun 2017 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 42**.

JADUAL 42
KEDUDUKAN PEGANGAN SAHAM OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2017 DAN 2016

| KATEGORI | BILANGAN | | NILAI BUKU SAHAM | | PERUBAHAN | |
|----------------------------|------------|------------|-------------------------|-------------------------|----------------|--------------|
| | 2017 | 2016 | 31.12.2017 (RM Juta) | 31.12.2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Agensi Antarabangsa | 1 | 1 | 38.58 | 38.58 | - | - |
| Badan Berkanun Persekutuan | 6 | 6 | 1,218.85 | 1,218.85 | - | - |
| Syarikat | 104 | 102 | 29,650.30 | 29,668.86 | (18.56) | (0.1) |
| JUMLAH | 111 | 109 | 30,907.73 | 30,926.29 | (18.56) | (0.1) |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

2.9.3. Memorandum Liabiliti – Hutang Persekutuan

2.9.3.1. Pinjaman baru yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2017 telah menyumbang kepada peningkatan hutang Persekutuan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017, hutang Persekutuan menunjukkan trend peningkatan setiap tahun iaitu pada kadar 2.8% hingga 8.2%. Pada akhir tahun 2017 hutang Persekutuan adalah berjumlah RM686.837 bilion iaitu meningkat sejumlah RM38.362 bilion (5.9%) berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM648.475 bilion. Hutang Persekutuan terdiri daripada hutang dalam negeri berjumlah RM665.572 bilion (96.9%) dan hutang luar negeri berjumlah RM21.265 bilion (3.1%). Hutang dalam negeri mencatatkan peningkatan yang tinggi iaitu sejumlah RM40.750 bilion (6.5%) manakala hutang luar negeri mencatatkan penurunan sejumlah RM2.388 bilion (10.1%). Perbandingan hutang Persekutuan pada akhir tahun 2017 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 43**. Kedudukan hutang Persekutuan pada akhir tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Carta 7**. Hutang Persekutuan berjumlah RM686.837 bilion yang dilaporkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah hutang yang dibuat secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan dan tidak termasuk hutang-hutang agensi/syarikat Kerajaan.

JADUAL 43
HUTANG PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016


| BUTIRAN | TAHUN | | PERUBAHAN | |
|-----------------------------------|-------------------|-------------------|------------------|------------|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Hutang Dalam Negeri | | | | |
| Bil Perbendaharaan | 4,500.00 | 4,500.00 | - | - |
| Terbitan Pelaburan Kerajaan | 268,000.00 | 234,500.00 | 33,500.00 | 14.3 |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia | 364,671.73 | 357,421.72 | 7,250.01 | 2.0 |
| Sukuk | 28,400.00 | 28,400.00 | - | - |
| Jumlah Hutang Dalam Negeri | 665,571.73 | 624,821.72 | 40,750.01 | 6.5 |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BUTIRAN | TAHUN | | PERUBAHAN | |
|----------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|---------------|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Hutang Luar Negeri | | | | |
| Pinjaman Pasaran | 15,580.38 | 17,211.34 | (1,630.96) | (9.5) |
| Pinjaman Multilateral | 370.61 | 498.54 | (127.93) | (25.7) |
| Pinjaman Bilateral | 5,313.93 | 5,943.70 | (629.77) | (10.6) |
| Jumlah Hutang Luar Negeri | 21,264.92 | 23,653.58 | (2,388.66) | (10.1) |
| JUMLAH HUTANG PERSEKUTUAN | 686,836.65 | 648,475.30 | 38,361.35 | 5.9 |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

CARTA 7
KEDUDUKAN HUTANG PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 hingga 2017

2.9.3.2. Nisbah hutang Persekutuan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada akhir tahun 2017 adalah pada paras 50.8% iaitu berkurangan pada kadar 1.9% berbanding dengan tahun 2016. Nisbah hutang Persekutuan kepada KDNK pada akhir tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 44**.

JADUAL 44
NISBAH HUTANG PERSEKUTUAN
KEPADА KELUARAN DALAM NEGERI KASAR
PADA AKHIR TAHUN 2013 HINGGA 2017

| PERKARA | 2017 | 2016 | 2015 | 2014 | 2013 |
|---|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| | (RM Juta) |
| Jumlah Hutang Persekutuan | 686,836.65 | 648,475.30 | 630,540.44 | 582,828.24 | 539,857.76 |
| Peratus Kenaikan (%) | 5.9 | 2.8 | 8.2 | 7.9 | 7.6 |
| KDNK | 1,352,477 | 1,229,382 | 1,156,881 | 1,070,008 | 984,453 |
| Nisbah Hutang Persekutuan Kepada KDNK (%) | 50.8 | 52.7 | 54.5 | 54.5 | 54.8 |


Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 hingga 2017

Nota : Hutang Persekutuan Tahun 2012 Adalah Berjumlah RM501,616.85 Juta
KDNK - Keluaran Dalam Negeri Kasar

2.9.3.3. Perbelanjaan kerana hutang negara (kos bagi mendapatkan pinjaman dan faedah pinjaman) juga menunjukkan peningkatan bagi tempoh lima (5)

tahun berturut-turut. Pada tahun 2016, perbelanjaan kerana hutang negara adalah berjumlah RM26.480 bilion dan meningkat sejumlaah RM1.383 bilion (5.2%) kepada RM27.863 bilion pada tahun 2017. Kedudukan perbelanjaan kerana hutang negara pada tahun 2017 dan empat (4) tahun sebelumnya adalah seperti di **Carta 8**.

CARTA 8
PERBELANJAAN KERANA HUTANG NEGARA
BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 hingga 2017

2.9.3.4. Selepas mengambil kira bayaran balik prinsipal hutang berjumlah RM88.857 bilion serta kos dan faedah pinjaman berjumlah RM27.863 bilion, jumlah keseluruhan bayaran balik hutang dan kos pinjaman adalah RM116.720 bilion.

2.9.3.5. Kerajaan Persekutuan juga ada membuat pinjaman bagi membiayai projek pembangunan di bawah konsep Inisiatif Pembentangan Swasta (PFI) seperti dibangkitkan di para 2.8.2.2. Bagaimanapun, pinjaman ini tidak dilaporkan sebagai hutang dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan kerana pinjaman tersebut tidak dibuat secara terus oleh Kerajaan Persekutuan. Sekiranya baki pinjaman PFI belum selesai berjumlah RM35.462 bilion diambil kira sebagai hutang Persekutuan, jumlah hutang keseluruhan adalah RM722.299 bilion. Nisbah hutang Persekutuan kepada KDNK setelah mengambil kira pinjaman PFI adalah pada paras 53.4%.

Pada pendapat Audit, Kerajaan Persekutuan perlu mengambil langkah untuk mengurangkan perbelanjaan mengurus bagi memastikan lebih banyak lebihan hasil dapat dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan lebihan hasil tersebut juga dapat digunakan untuk membayar balik pinjaman. Dengan ini komitmen Kerajaan untuk membuat pinjaman bagi membiayai perbelanjaan pembangunan dan bayaran balik hutang dapat dikurangkan.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

2.9.4. Memorandum Liabiliti – Pelbagai Liabiliti

Pelbagai liabiliti terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat. Pada akhir tahun 2017, pelbagai liabiliti adalah berjumlah RM726.33 juta iaitu berkurangan sejumrah RM38.67 juta berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM765 juta. Butirannya adalah seperti di **Jadual 45**.

**JADUAL 45
PELBAGAI LIABILITI
PADA AKHIR TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016**

| BUTIRAN | BAKI PADA 31.12.2017 (RM Juta) | BAKI PADA 31.12.2016 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|----------------|--------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Nota Kena Bayar | 685.91 | 727.72 | (41.81) | (5.7) |
| Sekuriti Tak Dituntut | 26.42 | 23.28 | 3.14 | 13.5 |
| Akaun Depositori Pusat | 14.00 | 14.00 | - | 0.0 |
| JUMLAH | 726.33 | 765.00 | (38.67) | (5.1) |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

2.10. LIABILITI LUAR JANGKA – JAMINAN BERKANUN

2.10.1. Kerajaan Persekutuan memberi jaminan kepada caruman/deposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Lembaga Tabung Haji. Pada akhir tahun 2017, caruman/deposit yang dijamin adalah berjumlah RM863.602 bilion.

2.10.2. Kerajaan Persekutuan juga memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun dan syarikat seperti yang dibenarkan oleh Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Pada akhir tahun 2017, amaun belum selesai pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan bagi lima (5) badan berkanun dan 27 syarikat menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu meningkat sejumrah RM50.957 bilion (27.2%) berbanding tahun 2016. Secara keseluruhannya pada akhir tahun 2017, pinjaman yang dijamin adalah berjumlah RM238.191 bilion berbanding RM187.234 bilion pada akhir tahun 2016.


2.10.3. Pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan yang menunjukkan peningkatan yang ketara adalah pinjaman oleh Lembaga Pembangunan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) dengan kenaikan sejumrah RM7.5 bilion (187.5%), Danalnfra Nasional Berhad dengan kenaikan sejumrah RM12.48 bilion (42%), GovCo Holdings Berhad dengan kenaikan sejumrah RM4.2 bilion (91.3%) dan Prasarana Malaysia Berhad dengan kenaikan sejumrah RM7.914 bilion (42.3%).

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

2.10.4. Mulai tahun 2017, Kerajaan juga telah memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang berjumlah RM3.718 bilion, Malaysia Rail-Link Sdn. Bhd. berjumlah RM14.493 bilion, MKD Kencana Sdn. Bhd berjumlah RM1 bilion dan Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. (SSER) berjumlah RM2.940 bilion. Manakala pinjaman yang dijamin bagi syarikat Jambatan Kedua Sdn. Bhd. dan Khazanah Nasional Berhad menunjukkan penurunan dan pinjaman dijamin bagi Malaysia Industrial Development Finance Bhd. (MIDF) telah diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2017.

2.10.5. Kedudukan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2017 dan empat (4) tahun sebelumnya adalah seperti di **Carta 9**. Manakala **Jadual 46** adalah pinjaman dijamin yang menunjukkan peningkatan/ penurunan yang ketara berbanding tahun 2016.

CARTA 9
KEDUDUKAN PINJAMAN YANG DIJAMIN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 hingga 2017

JADUAL 46
JAMINAN BERKANUN YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/(PENURUNAN) KETARA

| JAMINAN PINJAMAN | TAHUN | | PENINGKATAN / (PENURUNAN) | |
|---|-------------------|-------------------|---------------------------|-------|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| BADAN BERKANUN | | | | |
| Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) | 11,500.00 | 4,000.00 | 7,500.00 | 187.5 |
| Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) | 3,717.50 | 0.00 | 3,717.50 | 100 |
| SYARIKAT | | | | |
| Danalinfra Nasional Berhad | 42,180.00 | 29,700.00 | 12,480.00 | 42.0 |
| Prasarana Malaysia Berhad | 26,614.00 | 18,700.00 | 7,914.00 | 42.3 |
| GovCo Holdings Berhad | 8,800.00 | 4,600.00 | 4,200.00 | 91.3 |
| Malaysia Rail-Link Sdn. Bhd. | 14,492.74 | 0.00 | 14,492.74 | 100 |
| Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. (SSER) | 2,940.48 | 0.00 | 2,940.48 | 100 |
| MKD Kencana Sdn. Bhd. | 1,000.00 | 0.00 | 1,000.00 | 100 |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| JAMINAN PINJAMAN | TAHUN | | PENINGKATAN / (PENURUNAN) | |
|--|-------------------|-------------------|---------------------------|--------|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Malaysia Industrial Development Finance Bhd. (MIDF) | 0.00 | 4,907.70 | (4,907.70) | (100) |
| Jambatan Kedua Sdn. Bhd. | 6,317.73 | 7,394.85 | (1,077.12) | (14.6) |
| Khazanah Nasional Berhad | 17,000.00 | 18,000.00 | (1,000.00) | (5.6) |

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016

Pada pendapat Audit, walaupun Kerajaan telah mengenakan fi jaminan mulai tahun 2014 bagi pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan, Kementerian Kewangan perlu memantau keupayaan badan berkanun/syarikat membayar balik pinjaman bagi memastikan Kerajaan tidak dibebankan dengan tanggungan hutang sekiranya badan berkanun/syarikat tersebut gagal membayar pinjaman yang dijamin.

2.10.6. Secara keseluruhan hutang yang direkodkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan iaitu mengambil kira hutang Persekutuan, pinjaman agensi/syarikat yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan dan pinjaman PFI adalah berjumlah RM960.490 bilion. **Jumlah ini tidak termasuk pinjaman agensi/syarikat yang dijamin tanpa kelulusan Kabinet.** Butirannya adalah seperti di **Jadual 47**.

JADUAL 47
JUMLAH KESELURUHAN HUTANG
PADA AKHIR TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

| BUTIRAN | TAHUN | | PERUBAHAN | |
|---|-------------------|-------------------|------------------|-------------|
| | 2017 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Hutang Persekutuan | 686,836.65 | 648,475.30 | 38,361.35 | 5.9 |
| Pinjaman Agensi/Syarikat Yang Dijamin oleh Kerajaan Persekutuan | 238,190.72 | 187,234.19 | 50,956.53 | 27.2 |
| Pinjaman PFI | 35,462.45 | 35,643.88 | (181.43) | 0.5 |
| JUMLAH HUTANG KESELURUHAN | 960,489.82 | 871,353.37 | 89,136.45 | 10.3 |

Sumber : - Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2016
- Dokumen dan Rekod Pinjaman PFI


2.11. AKAUN BELUM TERIMA

2.11.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Secara keseluruhannya ABT Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM30.613 bilion dan sejumlah RM0.314 bilion daripadanya telah dihapus kira. Dengan ini ABT (bersih) pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM30.299 bilion iaitu meningkat sejumlah RM9.233 bilion (43.8%) berbanding pada akhir tahun 2016 yang berjumlah RM21.066 bilion. Analisis Audit selanjutnya mendapati sejumlah RM6.851 bilion ABT telah berusia melebihi enam (6) tahun.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

Kedudukan ABT (bersih), hapus kira ABT dan ABT berusia melebihi enam (6) tahun pada akhir tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti di **Carta 10**.

CARTA 10
ABT (BERSIH), HAPUS KIRA
DAN ABT BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 hingga 2017 serta rekod di Kementerian/Jabatan

Nota : ABT - Akaun Belum Terima

: Jumlah Keseluruhan ABT adalah termasuk tunggakan pinjaman dan pendahuluan boleh Dituntut

- Akaun Belum Terima (ABT) yang dihapus kira pada tahun 2017 adalah berjumlah RM0.314 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM0.549 bilion berbanding tahun 2016. Sebahagian besar ABT yang dihapus kira pada tahun 2017 adalah ABT yang berusia melebihi enam (6) tahun. Antara sebab ABT dihapus kira adalah penghutang tidak berjaya dikesan, penghutang diisyihar muflis atau tidak mempunyai keupayaan membayar balik hutang. Lima (5) hapus kira ABT melebihi tempoh enam (6) tahun yang tertinggi pada tahun 2017 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 48**.

JADUAL 48
HAPUS KIRA AKAUN BELUM TERIMA BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN
YANG TERTINGGI PADA TAHUN 2016 DAN 2017

| KEMENTERIAN/JABATAN | HAPUS KIRA ABT (RM Juta) | |
|-------------------------------------|-----------------------------|------------|
| | TAHUN 2017 | TAHUN 2016 |
| Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia | 266.17 | 609.80 |
| Perbadanan Malaysia | 26.42 | 227.07 |
| Kementerian Kesihatan Malaysia | 18.55 | 22.14 |
| Kementerian Pertahanan | 1.31 | 0.24 |
| Jabatan Perdana Menteri | 0.69 | - |

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Nota : ABT - Akaun Belum Terima

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati lebih 50% daripada ABT bersih bagi lima (5) Kementerian/Jabatan pada akhir tahun 2017 telah berusia melebihi enam (6) tahun. Butirannya adalah seperti di **Jadual 49**.

JADUAL 49
LEBIH 50% DARIPADA ABT (BERSIH) TELAH BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017


| KEMENTERIAN/JABATAN | JUMLAH BERSIH ABT | ABT MELEBIHI TEMPOH 6 TAHUN | |
|--|----------------------|--------------------------------|------|
| | (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Kementerian Pendidikan Tinggi | 535.61 | 458.75 | 85.7 |
| Jabatan Perkhidmatan Awam | 164.44 | 98.25 | 59.7 |
| Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar | 28.96 | 22.45 | 77.5 |
| Kementerian Kerja Raya | 20.54 | 19.25 | 93.7 |
| Kementerian Belia dan Sukan | 10.24 | 6.29 | 61.4 |

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Nota : ABT - Akaun Belum Terima

- c. Perpendaharaan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) masih kekal sebagai Kementerian/Jabatan yang mempunyai ABT tertinggi. **Carta 11** menunjukkan peratusan jumlah ABT (bersih) Kementerian/Jabatan pada akhir tahun 2017.

CARTA 11
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA (BERSIH) MENGIKUT
KEMENTERIAN/JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2017



Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Nota :

| | | | |
|------------|---------------------------------------|-----------|----------------------------------|
| Perbadanan | - Perbadaran Malaysia | KKM | - Kementerian Kesihatan Malaysia |
| LHDNM | - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia | JPA | - Jabatan Perkhidmatan Awam |
| JKDM | - Jabatan Kastam Diraja Malaysia | Lain-Lain | - Kementerian/Jabatan Lain |
| KPT | - Kementerian Pendidikan Tinggi | | |

2.11.2. Peningkatan ABT antaranya adalah disumbangkan oleh aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh LHDNM dan JKDM yang berjaya mengesan pembayar cukai yang lari daripada membayar cukai. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan bagi mengutip balik ABT antaranya mengambil tindakan undang-undang, mengeluarkan surat amaran kepada penghutang dan menjalinkan kerjasama dengan agensi berkaitan seperti Jabatan Pendaftaran Negara dan LHDNM bagi mengesan penghutang.

Pada pendapat Audit, setiap Kementerian/Jabatan perlu menyelenggara rekod dan menyusul semula secara berkala agar tidak melangkau tempoh yang ditetapkan dalam Akta Had Masa 1953 memandangkan ABT yang melebihi enam tahun lebih berpotensi untuk dihapus kira sekiranya peruntukan perundangan tidak dipatuhi. Hapus kira ABT bukan penyelesaian tetapi merupakan satu kerugian kepada Kerajaan.

2.12. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

2.12.1. RUMUSAN

2.12.1.1. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2017 adalah seperti berikut:

- a. Hasil adalah berjumlah RM220.406 bilion iaitu meningkat sejumlah RM7.985 bilion (3.8%) berbanding tahun 2016.
- b. Enam (6) lot tanah dipindah milik kepada Syarikat Hartanah Mampan Sdn. Bhd. pada harga nominal RM1,000 setiap satu lot. Satu (1) daripada enam (6) lot tanah tersebut telah dijual kepada Bank Negara Malaysia dengan harga jualan RM2.07 bilion. Hasil jualan direkodkan di Penyata Kewangan syarikat Hartanah Mampan Sdn. Bhd.
- c. Perbelanjaan mengurus dan pembangunan adalah berjumlah RM262.579 bilion iaitu meningkat sejumlah RM10.411 bilion berbanding tahun 2016.
- d. Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM40.321 bilion dengan nisbah defisit kepada KDNK pada paras 3.0%.
- e. Kerajaan Persekutuan telah membuat pinjaman dari dalam dan luar negara berjumlah RM129.248 bilion bagi membiayai perbelanjaan pembangunan serta membayar balik hutang.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

- f. Hutang Persekutuan adalah berjumlah RM686.837 bilion dengan nisbah hutang kepada KDNK pada paras 50.8%.
- g. Kerajaan Persekutuan memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun/syarikat yang berjumlah RM238.191 bilion.
- h. Kos kewangan pinjaman adalah berjumlah RM27.863 bilion.
- i. Pelaburan Kerajaan Persekutuan dalam deposit, sekuriti dan pegangan saham syarikat/badan berkanun/agensi adalah berjumlah RM55.028 bilion.
- j. Akaun Belum Terima adalah berjumlah RM30.299 bilion. Sejumlah RM12.277 bilion daripada jumlah tersebut adalah merupakan tuggakan pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut.

2.12.1.2. Adalah didapati berlaku peningkatan dalam prestasi pengurusan kewangan Kerajaan hasil tindakan penambahbaikan yang dijalankan oleh pihak Perbendaharaan Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dengan kerjasama Kementerian/Jabatan. Beberapa isu yang dibangkitkan sebelum ini seperti Akaun Pinjaman Kenderaan/Komputer berbaki kredit serta urus niaga Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan item di Penyata Penyesuaian Bank yang tidak dikenal pasti dan lama berlarutan telah berjaya dikurangkan dengan ketara. Bagaimanapun, masih ada beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian terutama berkaitan kutipan balik Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor bagi projek terbengkalai/ditamatkan atau kemajuan kerja projek telah mencapai 75%, pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 serta pengurusan perbelanjaan pembangunan.

2.12.2. SYOR AUDIT

Kerjasama dari semua peringkat termasuk di peringkat Pusat Tanggungjawab dan Jabatan serta pemantauan berterusan yang efektif di peringkat Kementerian diperlukan untuk memastikan disiplin kewangan dilaksanakan. Penyediaan prosedur kerja yang jelas, pemahaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan serta penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai akan mewujudkan amalan dan budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti. Sehubungan dengan itu, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut diambil:

2.12.2.1 Memastikan rekod kewangan sentiasa lengkap dan kemas kini dengan melaksanakan semakan berkala di semua peringkat.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

2.12.2.2. Melaksanakan pemantauan yang rapi bagi memastikan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan adalah teratur. Tindakan punitif/surcaj perlu diambil terhadap pegawai Kerajaan yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

2.12.2.3. Pemantauan dipertingkatkan terhadap pembayaran di bawah AP58(a) bagi memastikan tiada kelewatan dalam membuat pembayaran dan semua pembayaran mendapat kelulusan dari pihak yang sepatutnya.

2.12.2.4. Pemantauan yang rapi terhadap prestasi projek-projek pembangunan termasuk pelaksanaan projek di bawah PFI bagi memastikan setiap projek dilaksanakan mengikut perancangan. Ini bertujuan memastikan setiap peruntukan yang diluluskan digunakan secara optimum memandangkan Kerajaan menanggung kos pinjaman yang tinggi bagi membiayai projek-projek tersebut.

2.12.2.5. Kementerian Kewangan perlu menyemak semula dasar 75% kutipan balik pendahuluan kepada kontraktor seperti yang ditetapkan dalam 1PP PK 4.1. – Pentadbiran Kontrak Perolehan Kerajaan Secara Am bagi mengelakkan kutipan balik pendahuluan gagal dibuat.

2.12.2.6. Kementerian Kewangan perlu membentangkan anggaran pinjaman baru yang akan dibuat bagi menampung bayaran balik prinsipal hutang semasa pembentangan bajet mengurus dan pembangunan di Parlimen bagi meningkatkan ketelusan dalam pengurusan kewangan Kerajaan.

2.12.2.7. Bagi meningkatkan hasil Kerajaan, setiap Kementerian/Jabatan perlu mengkaji semula keberkesanan usaha mengutip balik ABT terutama tunggakan yang tertakluk di bawah Akta Had Masa bagi mengelakkan tunggakan tersebut dihapus kira.

BAHAGIAN III

**PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS
AKAUNTABILITI) KEMENTERIAN/
JABATAN/BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN**

**PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)
KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN**

3. PENG AUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

3.1. PENDAHULUAN

3.1.1. Pengurusan kewangan adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti kewangan. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi dan mematuhi segala undang-undang serta peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaiannya kepada pegawai yang mewakilkan kuasa.

3.1.2. Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit dan memberi syor bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

3.1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama akan diberikan markah bagi tujuan penarafan. Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang mendapat tahap penarafan yang **Cemerlang** boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan akan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti **Jadual 3.1**.

JADUAL 3.1

PEMARKAHAN TAHAP PENARAFAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

| MARKAH KESELURUHAN (%) | TAHAP | PENARAFAN |
|------------------------|------------------|-----------|
| 90 hingga 100 | Cemerlang | |
| 80 hingga 89.9 | Baik | |
| 70 hingga 79.9 | Memuaskan | |
| 60 hingga 69.9 | Kurang Memuaskan | |
| 59.9 ke bawah | Tidak Memuaskan | |

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.1.4. Penambahbaikan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

3.1.4.1. Pada tahun 2017, kajian semula terhadap pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak dan juga *lessons learnt* daripada pengauditan yang dilaporkan. Antara isu yang dikenal pasti dan dikaji semula adalah:

- Auditi dinilai secara menyeluruh dan tidak diklasifikasikan mengikut kriteria yang tertentu seperti peruntukan, bilangan pusat tanggungjawab, perbelanjaan, hasil dan lain-lain.
- Persampelan Audit tidak mengambil kira saiz sesebuah Auditi.
- Aspek risiko tidak diterapkan dalam pemberian markah dan keberkesanan kriteria.

3.1.4.2. Pindaan kepada Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah mengambil kira penambahbaikan berikut:

- Klasifikasi Kementerian kepada dua (2) kategori iaitu Jabatan Mengakaun Sendiri dan Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri.
- Saiz persampelan mengambil kira sampel yang dilaksanakan dalam pengauditan interim penyata kewangan, pengauditan prestasi, tadbir urus dan lain-lain.
- Setiap kriteria audit diberikan tahap risiko.
- Menetapkan tempoh pengauditan bagi Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang dilaksanakan secara pusingan.

- e. Format pelaporan bagi pengauditan pengurusan kewangan (AI) disediakan dengan berteraskan konsep "ABC" iaitu tepat, padat dan sempurna (*accuracy, brevity and completeness*).

3.1.4.3. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) dijalankan terhadap Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan seperti berikut :

- a. Sebanyak 25 Kementerian dan 18 Jabatan akan diaudit setiap tahun.
- b. Sebanyak 99 Jabatan Persekutuan dan 114 Badan Berkanun Persekutuan diaudit secara pusingan setiap lima (5) tahun sekali.

3.1.4.4. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit

Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko seperti

Jadual 3.2.

**JADUAL 3.2
SKALA TAHAP RISIKO**

| SKALA | TAHAP RISIKO | KETERANGAN |
|-------|--------------|--|
| 3 | Tinggi | Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalam organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan. |
| 2 | Sederhana | Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjelaskan operasi organisasi dalam jangka panjang. |
| 1 | Rendah | Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjelaskan operasi organisasi. |

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.1.5. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 mengenai Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) menggunakan pendekatan baru iaitu berdasarkan risiko, dengan itu pelaporan hanya dibuat berdasarkan prestasi kewangan tahun 2017 sahaja tanpa perbandingan dengan prestasi tahun sebelum.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 3.2.1. Menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 3.2.2. Menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 3.2.3. Menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 3.2.4. Menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

3.3.1. Bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2017 melibatkan 25 Kementerian dan 18 Jabatan Persekutuan.

3.3.2. Bagi Badan Berkanun Persekutuan (BBP), penilaian telah dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan di 21 BBP. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2017 serta penyata kewangan BBP bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

3.4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berasaskan Risiko yang disediakan berasaskan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). ISSAI 4000 *Compliance Audit* menggalakkan amalan tadbir urus organisasi yang baik dengan memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017


3.4.2. Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan di peringkat Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dipilih. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh dan memperkuuhkan ketepatan penemuan Audit.

3.5. PENEMUAN AUDIT

3.5.1. Prestasi Kementerian

3.5.1.1. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 25 Kementerian bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan **tujuh (7)** Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, **16** Kementerian tahap **Baik** dan **dua (2)** Kementerian tahap **Memuaskan**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian secara keseluruhan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.1**.

CARTA 3.1
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

3.5.1.2. Bagi pengauditan tahun kewangan 2017, prestasi Kementerian dikategorikan seperti berikut:

- 11 Kementerian di bawah Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS); dan
- 14 Kementerian di bawah Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri (JTMS).

**JADUAL 3.3
SENARAI 25 KEMENTERIAN YANG DIAUDIT**


| 11 JMS | 14 JTMS |
|--|--|
| i. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ii. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iii. Jabatan Perdana Menteri (JPM) iv. Kementerian Kerja Raya (KKR) v. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) vi. Kementerian Kewangan (MOF) vii. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) viii. Kementerian Pengangkutan (MOT) ix. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) x. Kementerian Dalam Negeri (KDN) xi. Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) | i. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ii. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) iii. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) iv. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) v. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) vi. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) vii. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) viii. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ix. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) x. Kementerian Luar Negeri (KLN) xi. Kementerian Sumber Manusia (KSM) xii. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) xiii. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) xiv. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) |

Sumber: Jabatan Audit Negara

Tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 25 Kementerian yang dinilai pada tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.2 dan 3.3**.


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.2
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN TAHUN 2017
BAGI JABATAN MENGAKAUN SENDIRI



Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 3.3
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN TAHUN 2017
BAGI JABATAN TIDAK MENGAKAUN SENDIRI




Sumber: Jabatan Audit Negara

3.5.1.3 Prestasi Kementerian Mengikut Kawalan

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi 11 Kementerian di bawah Jabatan Mengakaun Sendiri mendapat empat (4) daripada lapan (8) kawalan berada pada tahap **Cemerlang**, tiga (3) kawalan pada tahap **Baik** dan satu (1) kawalan pada tahap **Memuaskan** seperti **Carta 3.4**.

CARTA 3.4
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN TAHUN 2017
MENGIKUT ELEMEN KAWALAN BAGI JABATAN MENGAKAUN SENDIRI




Sumber: Jabatan Audit Negara

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi 14 Kementerian di bawah Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri pula mendapat enam (6) daripada lapan (8) kawalan berada pada tahap **Cemerlang** dan dua (2) kawalan pada tahap **Baik** seperti **Carta 3.5**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.5
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN TAHUN 2017
MENGIKUT ELEMEN KAWALAN BAGI JABATAN TIDAK MENGAKAUN SENDIRI



Sumber: Jabatan Audit Negara


a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, enam (6) Kementerian di bawah kategori Jabatan Mengakaun Sendiri mencapai tahap **Cemerlang** dan lima (5) Kementerian berada pada tahap **Baik** dalam elemen Kawalan Pengurusan. Bagi Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri, 12 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) berada pada tahap **Baik** dan satu (1) berada pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Kementerian dari aspek elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.6**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.6

TAHAP PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

█ Cemerlang


█ Baik

█ Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi 25 Kementerian adalah seperti **Carta 3.7**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.7
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 28 KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Kementerian dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti **Jadual 3.4**.

JADUAL 3.4
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PENGURUSAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN | | IMPAK |
|------|--|--|---|--|
| | | JMS | JTMS | |
| 1. | Mesyuarat JPKA, JKA, JITU dan JTPK tidak/lewat diadakan mengikut tempoh ditetapkan. | JPM MOA MINDEF MOT KKMM KKR MOF KPT | KWP KKLW KeTTHA KLN MOTAC NRE KBS | Boleh menyebabkan isu berbangkit lewat dikenal pasti dan diambil tindakan. |
| 2. | Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam tidak/lewat dihantar kepada Urus Setia Tatatertib mengikut tempoh yang ditetapkan. | JPM MINDEF KKM KPT | KKLW KLN KPDKKK MOTAC | Boleh menyebabkan JPA tidak mempunyai data yang lengkap mengenai tindakan tatatertib yang diambil terhadap penjawat awam. |
| 3. | Pemeriksaan mengejut tidak menyeluruh meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga. | MOA KKM KDN KKR KPT | KKLW KeTTHA KPKT | Boleh menyebabkan: a. Kehilangan wang/barang berharga lewat dikesan yang boleh membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa. b. Tindakan pembetulan dan pencegahan tidak dapat diambil menyebabkan isu yang sama berulang dan boleh menyebabkan kerugian. |
| 4. | Pusingan tugas tidak dilaksanakan. | JPM MOA KKR MOF KPM | KPDKKK KBS | Boleh menyebabkan: a. Pegawai selesa dengan tugas sedia ada yang dilaksanakan. b. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud. c. Ketua Jabatan tidak dapat mengambil tindakan terhadap penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud. |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN | | IMPAK |
|------|---|--------------------------|---------------------|---|
| | | JMS | JTMS | |
| 5. | Pemeriksaan dalaman tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik. (AP308) | MOA KKM KKR KPM | KLN KSM MOTAC | Kelemahan pengurusan tidak dapat dikenal pasti dengan segera serta tindakan penambahbaikan/pembetulan tidak/lewat diambil yang membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa. |

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian adalah seperti berikut:


- Mengikut AP309, Ketua Jabatan hendaklah mengadakan Pemeriksaan Mengejut secara berkala dan tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam (6) bulan, tidak kira bulan apa yang dipilih dan seterusnya sekali lagi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh terakhir pemeriksaan itu dijalankan, ke atas tiap-tiap peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain untuk menyimpan wang dalam jagaan seseorang pegawai dalam jabatannya yang diamanahkan dengan penyimpanan wang awam, setem atau barang-barang lain yang berharga. Memandangkan Sistem Terminal Tambah Nilai (STTN) *Touch n Go* dikategorikan sebagai barang berharga sebagaimana mesin *franking* kerana ia boleh menyebabkan penyalahgunaan jika tiada kawalan dalaman yang ketat, pemeriksaan mengejut hendaklah meliputi pemeriksaan terhadap barang tersebut dan daftar/rekod mengenainya yang berkaitan. **Sebanyak enam (6) Kementerian tidak menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap Terminal Tambah Nilai *Touch n Go* iaitu KKM, KDN, KKR, KPT, KKLW dan KeTTHA.**

b. Kawalan Bajet

- i. Secara keseluruhannya, lima (5) Kementerian di bawah kategori Jabatan Mengakaun Sendiri mencapai tahap **Cemerlang**, lima (5) Kementerian pada tahap **Baik** dan satu (1) Kementerian pada tahap **Kurang Memuaskan** dalam elemen Kawalan Bajet. Bagi Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri, 11 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** dan tiga (3) Kementerian pada tahap **Baik**. Pencapaian Kementerian dalam elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.8**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017


CARTA 3.8
TAHAP PRESTASI KAWALAN BAJET KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi 25 Kementerian adalah seperti **Carta 3.9.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.9
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 25 KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Kementerian dalam Kawalan Bajet adalah seperti **Jadual 3.5**.

JADUAL 3.5
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN BAJET

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN | | IMPAK |
|------|---|--|---|---|
| | | JMS | JTMS | |
| 1. | Maklumat kewangan dalam SPP II tidak dikemas kini. | JPM MINDEF KKM MOT KKMM KKR KPT KPM | KWP KKLW KPKT KSM MOTAC MPIC | Boleh menyebabkan: a. Maklumat perbelanjaan pembangunan tidak tepat. b. Prestasi perbelanjaan pembangunan tidak tepat. c. Prestasi fizikal projek tidak tepat berbanding prestasi sebenar. |
| 2. | Perbelanjaan melebihi peruntukan kecuali bagi tanggungan dan emolumen. | JPM MOA KDN KPT KPM | - | Boleh menyebabkan: a. Perancangan belanjawan tidak cekap dan berkesan. b. Kerajaan terpaksa meluluskan bajet tambahan. c. Perbelanjaan tanpa kelulusan. d. Perbelanjaan tidak wajar. |
| 3. | Peruntukan tambahan/khas/luar jangka/viremen tidak dibelanjakan. | KKR | KeTTHA KPWKM MITI NRE | Boleh menyebabkan: a. Berlaku lebihan peruntukan pada akhir tahun. b. Menjejasakan penyampaian perkhidmatan Kementerian/Jabatan. |
| 4. | Perbelanjaan melebihi peruntukan keseluruhan kecuali bagi tanggungan dan emolumen. | JPM MOA KDN KPT KPM | - | Boleh menyebabkan: a. Perbelanjaan tanpa kelulusan. b. Kawalan dalaman yang lemah. |
| 5. | Unjurian Anggaran Keperluan Aliran Tunai Bulanan yang disahkan Pegawai Pengawal tidak/lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan sebelum 15 hari bulan setiap permulaan suku | KKM KDN MOT | MOTAC | Boleh menjelaskan perancangan aliran tunai Kerajaan Persekutuan. |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN | | IMPAK |
|------|---|----------------|------|-------|
| | | JMS | JTMS | |
| | tahun (Januari, April, Julai dan Oktober) | | | |

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Isu yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian adalah seperti perbelanjaan melebihi peruntukan, peruntukan tidak dibelanjakan dan tiada kelulusan di 11 Kementerian seperti **Jadual 3.6**.

JADUAL 3.6 PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PERUNTUKAN

| KEMENTERIAN | PENEMUAN AUDIT |
|-------------|---|
| KKMM | Kos keseluruhan bagi butiran projek 02011 – Peralatan Unit Siaran Luar radio adalah berjumlah RM4 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan RMK sehingga 31 Disember 2017 bagi projek ini adalah RM4,025.734.23 iaitu melebihi sejumlah RM25,734.23. |
| JPM | Perbelanjaan sebenar telah melebihi peruntukan bagi Kod Objek Am 10000 dan 20000 berjumlah RM23.02 juta. |
| MOA | <ul style="list-style-type: none"> Perbelanjaan bagi empat (4) aktiviti dibawah Kod 40000 Pemberian dan Kenaan Tetap melebihi peruntukan yang diluluskan sebanyak RM685.49 juta. Perbelanjaan Pembangunan bagi dua (2) projek tidak melebihi 50% daripada peruntukan yang diluluskan pada tahun 2017. |
| MOT | Dua (2) daripada tujuh (7) Waran Pindah Peruntukan Pembangunan berjumlah RM196.46 juta tidak ditandatangani oleh Pegawai Pengawal. |
| KDN | Perbelanjaan sebenar telah melebihi peruntukan bagi Kod Objek Am 10000 sejumlah RM154.36 juta (15.5%) dan Kod Objek Am 20000 RM649.92 juta (32.8%) meliputi jabatan di bawah KDN. |
| KKR | Waran pindah peruntukan bermombor 87009 telah diluluskan kepada PTJ 150000 (BPKU) berjumlah RM120,000 tidak dibelanjakan pada tahun 2017 kerana kerja-kerja ubah suai pejabat tersebut tidak mendapat kelulusan daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri. |
| MOTAC | MOTAC telah membuat pindah peruntukan (kurangan) pada 30 November 2017 sejumlah RM7,421,570 daripada 18 Program/Aktiviti kepada Aktiviti Kewangan dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Daripada jumlah tersebut Bahagian Kewangan telah membuat pembayaran peruntukan tambahan kepada dua (2) Badan Berkanun Persekutuan sejumlah RM4.19 juta tanpa mendapatkan kelulusan pindah peruntukan daripada Kementerian Kewangan. |
| KeTTHA | <p>Pada tahun 2017, KeTTHA telah menerima peruntukan sejumlah RM245.13 juta bagi projek Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan sejumlah RM9.47 juta bagi Projek Teknologi Hijau. Pihak Audit mendapati KeTTHA telah membuat kurangan peruntukan sejumlah RM111 juta daripada projek SESB kepada enam (6) projek lain dan sejumlah RM3 juta daripada Projek Teknologi Hijau kepada Projek Penghantaran PMU UMS dengan kelulusan Pegawai Pengawal.</p> <p>KeTTHA telah membuat empat (4) pindah peruntukan daripada projek lain kepada Projek SESB berjumlah RM7,990,000 dan satu (1) pindah peruntukan daripada Projek Pembesaran Empangan Mengkuang, Pulau Pinang kepada Projek Teknologi Hijau berjumlah RM1 juta. Bagaimanapun tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan sejumlah RM8.99 juta bagi Projek SESB dan Teknologi Hijau ini hanya diluluskan oleh Pegawai Pengawal dan tidak mendapat kelulusan Perbadanan.</p> |
| NRE | Pindah peruntukan berjumlah RM450,000 telah dibuat pada 7 Disember 2017 untuk Objek Am 10000 dari 030400 – Aktiviti Pemetaan ke 030300 – Aktiviti Kadaster tidak dibelanjakan. |
| KPWKM | <p>i. Peruntukan Tambahan/Pindah Peruntukan/Viremen Tidak Dibelanjakan</p> <p>Pindah peruntukan bagi empat (4) aktiviti berjumlah RM835,000 tidak dibelanjakan oleh KPWKM. Jumlah perbelanjaan sebenar bagi empat (4) aktiviti berkenaan tidak melebihi peruntukan asal dan tiada keperluan untuk melaksanakan pindah peruntukan bagi aktiviti berkenaan.</p> <p>ii. Perbelanjaan Kurang 50% Daripada Peruntukan Yang Diluluskan</p> <p>Perbelanjaan bagi Projek 01800 – Pusat Khidmat Setempat OKU dan Projek 02000 – Rumah Perlindungan Khas adalah kurang 50% daripada peruntukan yang diluluskan iaitu berjumlah RM17,920.76 (35.8%) dan RM1.19 juta (34.2%).</p> |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| KEMENTERIAN | PENEMUAN AUDIT |
|-------------|--|
| KKLW | <ul style="list-style-type: none"> i. Kementerian telah membuat penyaluran peruntukan bagi Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak pada 6 Disember 2017 berjumlah RM12 juta kepada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti justifikasi penyaluran peruntukan kepada RISDA memandangkan projek pada tahun 2017 tidak dapat dilaksanakan dan peranan RISDA dalam pelaksanaan projek BALB ini. ii. Kementerian telah menyalurkan peruntukan bagi Projek Program Ameniti Sosial PAMS berjumlah RM10.04 juta pada 6 Disember 2017 kepada FELCRA Berhad. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti justifikasi penyaluran peruntukan kepada FELCRA Berhad memandangkan projek PAMS tidak dapat dibelanjakan pada tahun 2017 dan peranan FELCRA Berhad dalam pelaksanaan projek ini. |

Sumber: Jabatan Audit Negara


Peruntukan tahunan dan peruntukan tambahan/khas/luar jangka/viremen yang tidak dibelanjakan boleh menyebabkan lebihan peruntukan pada akhir tahun dan menjelaskan penyampaian perkhidmatan awam. Peruntukan yang tidak dibelanjakan menunjukkan penyediaan cadangan bajet tidak dirancang dengan teliti dan perancangan perbelanjaan yang kurang berkesan.

c. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, 10 Kementerian di bawah kategori Jabatan Mengakaun Sendiri mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Kementerian berada pada tahap **Memuaskan**. Bagi Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri, 10 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, dua (2) Kementerian berada pada tahap **Baik** dan dua (2) Kementerian berada pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Kementerian dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.10**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.10
TAHAP PRESTASI KAWALAN TERIMAAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang


■ Baik

■ Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi 25 Kementerian adalah seperti **Carta 3.11**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**CARTA 3.11
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 36 KRITERIA DALAM KAWALAN TERIMAAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Kementerian dalam Kawalan Terimaan adalah seperti **Jadual 3.7.**

**JADUAL 3.7
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN TERIMAAN**

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN | | IMPAK |
|------|--|--------------------|---------------------------------|--|
| | | JMS | JTMS | |
| 1. | Peranan dan capaian sistem e-terimaan tidak selaras dengan penurunan kuasa | MOA KKMM KKR | KeTTHA KPKT MITI MOTAC | Boleh menyebabkan: a. Penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai. b. Ketirisan hasil Kerajaan. |
| 2. | Resit tidak disediakan pada hari yang sama dan dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya. | MOA KKM KPM | KPKT MITI MOSTI MOTAC | Boleh menyebabkan: a. Hasil lewat diakaunkan. b. <i>Teeming</i> dan <i>lading</i> . |
| 3. | Pengasingan tugas untuk terimaan tidak diwujudkan. | MOA MOF | KPDNKK | Boleh menyebabkan: a. Penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai. b. Menggambarkan kawalan dalaman yang lemah. |
| 4. | Pengiraan hasil tidak tepat. | KPM | KKLW KPWKW | Boleh menyebabkan: a. Hasil kurang diakaunkan b. Ketirisan hasil Kerajaan |
| 5. | Prosedur pungutan secara <i>online</i> tidak dipatuhi. | KPM | MITI MOTAC | Boleh menyebabkan: a. Perbezaan hasil kutipan lewat dikenal pasti. b. <i>Teeming</i> dan <i>lading</i> . |


Sumber: Jabatan Audit Negara

d. Pengurusan Perolehan

- i. Secara keseluruhannya, Iapan (8) Kementerian di bawah kategori Jabatan Mengakaun Sendiri mencapai tahap **Cemerlang** dan tiga (3) Kementerian berada pada tahap **Baik** dalam elemen Pengurusan Perolehan. Bagi Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri, 11 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** dan tiga (3) Kementerian berada pada tahap **Baik**. Pencapaian Kementerian dari aspek elemen Pengurusan Perolehan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.12**.

CARTA 3.12


TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PEROLEHAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi 25 Kementerian adalah seperti **Carta 3.13**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.13
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 39 KRITERIA DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Kementerian dalam Pengurusan Perolehan adalah seperti **Jadual 3.8**.

JADUAL 3.8
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN | | IMPAK |
|------|--|---|--|--|
| | | JMS | JTMS | |
| 1. | Kontrak lewat ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. | MOA KKM KDN MOT KKMM KKR KPT KPM | KKLW KeTTHA KPDNKK KPWK MITI MOTAC KBS | Boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjaga kerana kontraktor tidak terikat dengan terma perjanjian. |
| 2. | Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan melebihi RM20,000 setahun. | KKM KKR KPT KPM | KeTTHA KLN MITI MOTAC NRE KBS | Boleh menyebabkan perolehan mempunyai unsur penyelewangan untuk mendapatkan keuntungan dan menyumbang kepada pembaziran wang awam disebabkan tidak mendapat harga yang lebih kompetitif. |
| 3. | Tidak semua kategori perolehan didaftarkan di dalam GPIS adalah kemas kini dan sahih. | JPM MOA MINDEF KKR KPM | KKLW KeTTHA KPWK KBS | Boleh menyebabkan: a. Jumlah perolehan sebenar tidak dapat dipastikan. b. Jumlah perbelanjaan mengikut kaedah perolehan tidak dapat dikesan. |
| 4. | Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> tidak dipatuhi. | MINDEF KKM | KLN MITI MOTAC MPIC | Boleh menyebabkan: a. Pegawai yang terlibat tidak terikat dengan terma <i>Integrity Pact</i> . b. Tidak berintegriti dan salah guna kuasa. |
| 5. | Bon Pelaksanaan Dikenakan/ Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) tidak dipotong mengikut kadar dan tempoh sah laku yang ditetapkan. | JPM KKMM KPT | KLN KSM MITI KBS | Boleh menyebabkan: a. Tiada bon Pelaksanaan/WJP. b. Kepentingan Kerajaan tidak dijamin sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada terma perjanjian. c. Kerugian wang awam |

Sumber: Jabatan Audit Negara

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

iv. Isu dalam perolehan Kerajaan yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- **Pecah Kecil Perolehan**

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP)-PK 2 mentafsirkan pembelian terus sebagai perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 atau sesuatu kontrak. Setiap jenis item ditafsirkan sebagai sesuatu barang/perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan/atau boleh diperoleh daripada satu punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang. Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan bernilai melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun perlu dilaksanakan melalui Jawatankuasa Sebut Harga B. Manakala bagi perolehan melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun perolehan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Sebut Harga A. Agensi adalah dilarang memecah kecil perolehan tahunan untuk mengelak daripada pelawaan secara sebut harga dan tender.

Sebanyak sembilan (9) Kementerian membuat perolehan secara pembelian terus melebihi had yang dibenarkan berjumlah RM0.52 juta. Manakala dua (2) Kementerian membuat perolehan secara Sebut Harga B berjumlah RM0.20 juta yang sepatutnya dilaksanakan secara Sebut Harga A. Butiran lanjut adalah seperti Jadual 3.9.

**JADUAL 3.9
PECAH KECIL PEROLEHAN**

| KEMENTERIAN | BIL. BAUCAR | JUMLAH (RM) | PERIHAL |
|------------------------|----------------|-------------------|--|
| Pembelian Terus | | | |
| KKR | 2 | 39,862.52 | Perolehan bekalan bahan binaan untuk membina perhentian bas UiTM Kota Samarahan |
| KPT | 13 | 21,468.72 | Perkhidmatan menyusun dan mengemas kerusi dan meja bagi program-program yang diadakan di KPT |
| KPM | 4 | 30,009.20 | Perolehan toner |
| KeTTHA | 2 | 33,220.00 | Tempahan kendaraan berpermadam |
| KLN | 6 | 50,730.88 | Perolehan kotak cenderahati dan bendera |
| MITI | 17 | 189,841.36 | <ul style="list-style-type: none"> Bekalan Pelbagai Jenis Cop Bekalan Pelbagai Jenis Kertas Pembelian Aset Alih – Mesin Perincih, Mesin Pemotong Kertas, Laminate Machine, Mesin Faksimili, Mesin Perincih, Stapler Besar, Penebuk Lubang Perkhidmatan Mencetak Takwim Kalendar Perkhidmatan Mencetak Kad Ucapan Rasmi Serta Sampul Untuk Kegunaan YBM & YBTM |
| MOTAC | 3 | 26,208.90 | Bekalan alat tulis pejabat dan komputer |
| NRE | 6 | 98,320.00 | Perkhidmatan bagi membuka, memindah, memasang, menyusun atur, memasang semula dan menyelenggara kelengkapan pejabat serta perabot |
| KBS | 3 | 27,989.00 | Bekalan Barang Pantri |
| JUMLAH | 56 | 517,650.58 | |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| KEMENTERIAN | BIL. BAUCAR | JUMLAH (RM) | PERIHAL |
|--------------------|----------------|-------------------|---|
| Sebut Harga | | | |
| MOA | 2 | 99,885.00 | <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan Pengurusan Teknikal • Perkhidmatan Penyewaan Peralatan Teknikal, Membekal, Memasang Serta Kerja-Kerja Infrastruktur |
| MINDEF | 2 | 99,983.50 | Pembelian Gelas |
| JUMLAH | 4 | 199,868.50 | |

Sumber: Baucar Bayaran Kementerian Berkennaan

Perolehan secara pecah kecil meningkatkan risiko salah laku dan salah guna kuasa, harga yang tidak kompetitif dan pemilihan pembekal yang tidak berkelayakan.

- **Pembayaran Melebihi Tiga (3) Kali Sebelum Kontrak**

1PP-PK 4.2 menetapkan bagi perolehan perkhidmatan, bayaran berkala yang dibenarkan adalah sehingga 3 kali dalam tempoh 4 bulan pertama selepas keluarnya Surat Setuju Terima dan sebelum kontrak formal ditandatangani.

Sebanyak dua (2) Kementerian membuat pembayaran melebihi tiga (3) kali dalam tempoh empat (4) bulan pertama selepas SST dan sebelum kontrak formal ditandatangani melibatkan empat (4) kontrak bernilai RM2.74 juta. Butiran lanjut adalah seperti Jadual 3.10.

**JADUAL 3.10
PEMBAYARAN MELEBIHI TIGA (3) KALI SEBELUM KONTRAK**

| KEMENTERIAN | PERIHAL | NILAI KONTRAK (RM) | TARIKH SST | TARIKH KONTRAK DITANDATANGAN | BILANGAN BAYARAN |
|---------------|--|---------------------|------------|------------------------------|------------------|
| KKR | Perkhidmatan Meter Caj Enam (6) Unit Mesin Penyalin Untuk Tempoh 24 Bulan Bagi Kegunaan PTJ101000 Bahagian Kewangan KKR | 280,800.00 | 17.04.2017 | 01.11.2017 | 5 |
| | Perkhidmatan Penyewaan Dan Penyelenggaraan Mesin Penapis Air Untuk Kegunaan PTJ 104000 Bahagian Khidmat Pengurusan (Pejabat Menteri Dan Penasihat Undang-Undang) Kementerian | 4,780.00 | 22.08.2016 | 25.04.2017 | 4 |
| KBS | Perkhidmatan Menyediakan & Membekalkan Makanan Bermasaki Serta Minuman Kepada Pelajar di Akademi Belia Golf, Bukit Kiara | 238,404.60 | 15.02.2017 | 17.07.2017 | 4 |
| | Perkhidmatan Penyediaan Latihan Pelajar Di Bawah KBS Bagi Tempoh 2 Tahun Bermula 1 Jan 2017 Hingga 31 Disember 2018 | 2,214,911.70 | 08.02.2017 | 02.08.2017 | 5 |
| JUMLAH | | 2,738,896.30 | | | |


Sumber: Dokumen Kontrak Kementerian Berkennaan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

e. Kawalan Perbelanjaan

- i. Secara keseluruhannya, dua (2) Kementerian di bawah kategori Jabatan Mengakaun Sendiri mencapai tahap **Cemerlang**, empat (4) Kementerian berada pada tahap **Baik**, tiga (3) Kementerian berada pada tahap **Memuaskan**, satu (1) Kementerian berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan satu (1) Kementerian berada pada tahap **Tidak Memuaskan** dalam elemen Kawalan Perbelanjaan. Bagi Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri, 10 Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** dan empat (4) Kementerian berada pada tahap **Baik**. Pencapaian Kementerian dari aspek elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.14**.

CARTA 3.14
TAHAP PRESTASI KAWALAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan ■ Tidak Memuaskan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi 25 Kementerian adalah seperti **Carta 3.15**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Kementerian dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti **Jadual 3.11**.

JADUAL 3.11
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN | | IMPAK |
|------|--|--|--|--|
| | | JMS | JTMS | |
| 1. | Proses Bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. | JPM MOA MINDEF KKM MOT KKMM KKR MOF KPT KPM | KKLW KETTHA KLN KPKT KPWKM KSM MITI MOSTI MOTAC KBS | Dokumen sokongan tidak lengkap, melebihi tempoh 14 hari, dibayar kepada penerima yang tidak sah, kod objek tidak tepat boleh menyebabkan kerugian, penyelewengan dan salah guna kuasa. |
| 2. | Terdapat pembayaran di bawah AP59. | JPM MOA KKM KDN MOT KKMM KKR KPM | - | Boleh menjelaskan kredibiliti, reputasi Kementerian/ pegawai terlibat. |
| 3. | Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan. | JPM MOA MINDEF KKM KKR | KWP KBS | Bayaran dibuat oleh pegawai yang tidak diberi kuasa boleh menyebabkan penyelewengan dan salah guna kuasa. |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN | | IMPAK |
|------|--|------------------------------|----------------------|---|
| | | JMS | JTMS | |
| 4. | Tiada bukti Laporan Pukal (BP21) disemak dengan bil asal | JPM MOA MINDEF KKMM | KKLW KPKT MITI | Boleh menyebabkan berlaku pembayaran dua (2) kali dan kerugian wang awam. |
| 5. | Capaian dalam sistem tidak dibatalkan bagi pegawai yang bertukar/berhenti/bersara. | JPM MOA MINDEF MOF | KBS | Capaian disalahgunakan boleh menyebabkan salah guna kuasa. |

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Isu dalam Kawalan Perbelanjaan yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- **MOA - Elaun Insentif Taman Botani Negara Shah Alam**

Merujuk kepada 1PP-WP10.4, bayaran-bayaran daripada peruntukan Akaun Amanah hanyalah untuk projek/program/aktiviti yang dibenarkan oleh Arahan Akaun Amanah sahaja. Perbelanjaan daripada peruntukan Akaun Amanah hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Akaun terlebih dahulu atau apa-apa kaedah lain yang telah ditetapkan di dalam Arahan Akaun Amanah.


Berdasarkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) Bil.1/2017, Jawatankuasa Akaun Amanah telah meluluskan pembayaran insentif kepada 66 pegawai TBNSA berjumlah RM160,000.00. Pembayaran elaun insentif ini tiada dinyatakan di dalam Arahan Akaun Amanah TBNSA. Pihak Audit mendapati TBNSA telah membayar elaun insentif TBNSA kepada 66 pegawai berjumlah RM159,920.00. **Pembayaran ini bercanggah dengan arahan amanah TBNSA dan merupakan *improper payment*.**

f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit

- i. Secara keseluruhannya, sembilan (9) Kementerian di bawah kategori Jabatan Mengakaun Sendiri mencapai tahap **Cemerlang** dan dua (2) Kementerian berada pada tahap **Baik** dalam elemen Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit. Bagi Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri, sembilan (9) Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** dan lima (5) Kementerian berada pada tahap **Baik**. Pencapaian Kementerian dari aspek elemen Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.16**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.16
**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT
KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2017**



Sumber: Jabatan Audit Negara

█ Cemerlang


█ Baik

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi 25 Kementerian adalah seperti **Carta 3.17**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.17

TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 23 KRITERIA DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Kementerian dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit adalah seperti **Jadual 3.12**.

JADUAL 3.12
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN | | IMPAK |
|------|--|-------------------------------------|---------------|---|
| | | JMS | JTMS | |
| 1. | Deposit yang tidak ditutut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan (serta tidak diperlukan) tidak diwartakan. | MINDEF KDN KKMM KPT KPM | KSM | Boleh menyebabkan: a. Tiada pemantauan. b. Kawalan dalaman yang lemah. c. Menjejasakan imej Kerajaan. d. Risiko salah guna kuasa. |
| 2. | Penalti tidak dikenakan kepada pegawai yang gagal membayar balik pendahuluan diri mengikut tempoh yang ditetapkan. | JPM KKM | MITI MOSTI | Boleh menyebabkan: a. Kehilangan hasil. b. Kecuaian pegawai bertanggungjawab. c. Kawalan dalaman tidak berkesan. |
| 3. | Pegawai yang belum menjelaskan pendahuluan diri yang terdahulu diberi pendahuluan diri yang baru. | KPM | MOTAC | Boleh menyebabkan: a. Kawalan dalaman yang tidak berkesan. b. Kecuaian pegawai yang bertanggungjawab. c. Risiko salah guna kuasa. |
| 4. | Bayaran balik dan pelarasan tidak dibuat mengikut tempoh ditetapkan bagi pendahuluan pelbagai. | - | KLN MITI | Boleh menyebabkan: a. Kawalan dalaman yang lemah. b. Pendahuluan pelbagai tidak diselaraskan. c. Kecuaian pegawai bertanggungjawab. |
| 5. | Baki dalam daftar/rekod kecil tidak bersamaan dengan Akaun Utama Deposit bagi setiap bulan. | - | KSM MITI | Boleh menyebabkan: a. Amaun deposit dalam akaun tidak menggambarkan amaun sebenar (terlebih/terkurang nyata). b. Pemantauan tidak cekap dan berkesan. |


Sumber: Jabatan Audit Negara

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

g. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, lima (5) Kementerian di bawah kategori Jabatan Mengakaun Sendiri Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, empat (4) Kementerian berada pada tahap **Baik**, satu (1) Kementerian berada pada tahap **Memuaskan** dan satu (1) Kementerian berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dalam elemen Pengurusan Aset dan Stor. Bagi Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri, tujuh (7) Kementerian mencapai tahap **Cemerlang** dan enam (6) Kementerian berada pada tahap **Baik** dan satu (1) Kementerian berada pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Kementerian dari aspek elemen Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.18**.

CARTA 3.18
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN ASET DAN STOR KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 64 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi 25 Kementerian adalah seperti **Carta 3.19**.



- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Kementerian dalam Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Jadual 3.13**.

JADUAL 3.13
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN | | IMPAK |
|------|---|--|---|--|
| | | JMS | JTMS | |
| 1. | Harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak daidaarkan dengan lengkap dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. | MOA MINDEF KKMM MOF KPT KPM | KKLW KLN KPDKKK KPWKW MITI MOTAC | Boleh menyebabkan: a. Aset hilang dan boleh disalah guna. b. Aset tidak dikesan. c. Maklumat aset tidak tepat. d. Kerugian kepada Kerajaan. e. Penyelewengan aset Kerajaan. |
| 2. | Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-3) tidak diselenggarakan dengan kemas kini. | JPM MOA KKM KKR KPM | KKLW KPWKW KSM MOTAC KBS | Boleh menyebabkan: a. Aset tidak dikesan. b. Maklumat aset tidak tepat. |
| 3. | Pergerakan aset bagi tujuan penyenggaraan tidak direkod pada Daftar Pergerakan Harta Modal/Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-6) serta tidak mendapat kelulusan bertulis Ketua Jabatan/Pegawai Aset. | JPM MOA KKM KKMM KKR | KWP KKLW KPWKW MOTAC MPIC | Boleh menyebabkan: a. Aset tidak dikesan. b. Maklumat aset tidak tepat. |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN | | IMPAK |
|------|--|-----------------------------|--|---|
| | | JMS | JTMS | |
| 4. | Semua aset tidak diperiksa sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun. | MOA KKMM KPM | KKLW KPWKM KSM MOTAC MPIC NRE | Boleh menyebabkan: a. Keadaan fizikal aset tidak dapat disahkan. b. Kehilangan aset tidak dapat dikesan. c. Maklumat aset tidak tepat. |
| 5. | Aset tidak diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran yang betul. | MOA MINDEF KKM KPM | KETTHA MOSTI MOTAC KBS | Boleh menyebabkan a. Aset hilang dan boleh disalah guna. b. Aset tidak dikesan. c. Maklumat aset tidak tepat. d. Kerugian kepada kerajaan. e. Penyelewengan aset kerajaan. |


Sumber: Jabatan Audit Negara

h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

- i. Secara keseluruhannya, satu (1) Kementerian di bawah kategori Jabatan Mengakaun Sendiri mencapai tahap **Cemerlang**, lima (5) Kementerian berada pada tahap **Baik**, satu (1) Kementerian berada pada tahap **Memuaskan**, dua (2) Kementerian berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan dua (2) Kementerian berada pada tahap **Tidak Memuaskan** dalam elemen Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Bagi Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri, lima (5) Kementerian mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Kementerian berada pada tahap **Baik**, empat (4) Kementerian berada pada tahap **Memuaskan**, satu (1) Kementerian berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan satu (1) Kementerian berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian dalam elemen Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.20**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.20
TAHAP PRESTASI PENGURUSAAN KENDERAAN KERAJAAN KEMENTERIAN
BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan ■ Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi 25 Kementerian adalah seperti **Carta 3.21**.

CARTA 3.21
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 35 KRITERIA DALAM PENGURUSAN KENDERAAN
KERAJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Kementerian dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan adalah seperti **Jadual 3.14**.

JADUAL 3.14
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN
KENDERAAN KERAJAAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN | | IMPAK |
|------|---|--|---|---|
| | | JMS | JTMS | |
| 1. | Penyelesaian saman tertunggak tidak diberi peringatan bertulis oleh Ketua Jabatan. | MOA MINDEF KKM MOT KKMM MOF KPT KPM | KeTTHA KLN KPKT KSM MITI MOSTI MOTAC MPIC KBS | Boleh menyebabkan: a. Tiada pemantauan saman oleh Kementerian/Jabatan. b. Peningkatan jumlah saman tertunggak di Kementerian/Jabatan. c. Kerajaan terpaksa menanggung pembayaran saman sekiranya saman tertunggak terlalu lama dan pegawai bertanggungjawab tidak lagi berkhidmat. |
| 2. | Buku rekod pergerakan dan penggunaan KSBTTR bagi kenderaan jabatan tidak diselenggara oleh pegawai kenderaan dan pemandu dengan lengkap. | JPM MOA KKM MOT KKMM KKR KPT KPM | KKLW KeTTHA KLN KPKT KSM MITI MOTAC MPIC NRE | Boleh menyebabkan: a. Kedudukan/penggunaan tidak dapat ditentukan b. Salah guna/kehilangan kad KSBTTR. c. Tiada pegawai yang boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kehilangan kad KSBTTR. |
| 3. | Buku Log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini untuk semua kenderaan kecuali untuk Kereta Rasmi Jawatan bagi Pegawai Gred Utama. | MOA KKM MOT KKMM KKR MOF KPM | KWP KKLW KeTTHA KLN KPKT MITI NRE | Boleh menyebabkan: a. Salah guna kenderaan Kerajaan. b. Tiada pegawai boleh dipertanggungjawabkan jika ada kes kehilangan/kemalangan/saman. c. Rekod penggunaan minyak tidak dapat disemak. |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | KETIDAKPATUHAN | | IMPAK |
|------|--|---|--|---|
| | | JMS | JTMS | |
| 4. | Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. | MOA KKM MOT KKMM KKR MOF KPT | KWP KKLW KeTTHA KLN KPKT MITI MOTAC NRE | d. Kelemahan kawalan dalaman penggunaan kenderaan Kerajaan. Boleh menyebabkan: a. Rekod penggunaan tidak disemak oleh Ketua Jabatan. b. Salah guna kad inden minyak. c. Tiada pegawai yang boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kehilangan kad inden. |
| 5. | Penyata Pembelian/Penyata Kad Inden Minyak tidak disemak silang dengan salinan resit dan disahkan oleh Pemegang Kad sebelum bayaran dilakukan. | JPM MOA KDN KKMM KKR MOF KPT KPM | KKLW KeTTHA KLN MITI | Boleh menyebabkan: a. Tiada pengesahan Pemegang Kad sebelum bayaran dilakukan. b. Salah guna kad inden minyak tidak dapat dikesan. c. Kerugian kepada Kerajaan sekiranya pembayaran adalah tidak wajar. (Kerajaan menanggung kos bagi salah guna kad inden minyak kehilangan wang awam). |

Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Isu dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- **Pengurusan Kad Inden**

1PP-WP 4.1 perenggan 5.1 menetapkan bahawa resit bagi setiap transaksi Kad Inden hendaklah disimpan bagi tujuan semakan dan pengesahan di mana semakan hendaklah dibuat bagi transaksi berkenaan dengan laporan yang dikeluarkan oleh pembekal.

Penyata Pembelian/Penyata Kad tidak disemak silang dengan salinan resit dan disahkan oleh Pemegang Kad sebelum bayaran dilakukan bagi 12 Kementerian iaitu JPM, MOA, KDN, KKMM, KKR, MOF, KPT, KPM, KKLW, KeTTHA, KLN dan MITI.

Tiada semakan oleh pegawai kenderaan akan menyebabkan risiko salah guna kad inden dan terlebih bayar.

- **Pengurusan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR)**

1PP-WP 4.1 juga menetapkan Pegawai Kenderaan hendaklah mendapatkan salinan penyata yang menunjukkan semua transaksi penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit daripada syarikat pembekal kad tersebut untuk tujuan penyemakan dan memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan.

Semak silang tidak dibuat antara penyata yang dikeluarkan oleh pihak *Touch n Go* dengan resit bagi 15 Kementerian

iaitu MOA, MINDEF, KDN, KKR, KeTTHA, MOTAC, MPIC, KKMM, MOF, KPT, KPM, KKLW, KLN, KPKT dan KBS. Tiada pemantauan terhadap penggunaan kad KSBTTR menyebabkan terdapat 112 transaksi penggunaan kad KSBTTR di KBS, KKR dan KLN berjumlah RM587.81 tidak dapat disahkan atas tujuan rasmi seperti perjalanan pergi balik rumah/pejabat dan pembayaran tempat letak kereta di lokasi tugas rasmi sahaja.

Kementerian hendaklah memandang serius kawalan dalam terhadap pengurusan kad inden minyak dan kad KSBTTR bagi memastikan tiada penyalahgunaan yang merugikan Kerajaan.

- **Saman Tertunggak**

1PP-WP 4.1, Perenggan 14 menyatakan Ketua Jabatan hendaklah memberi peringatan bertulis kepada pemandu/pegawai pengguna bagi menyelesaikan saman tertunggak. Sekiranya pemandu/pegawai pengguna tidak menyelesaikan saman tertunggak setelah diberi peringatan bertulis dalam tempoh sebulan oleh Ketua Jabatan, tindakan seterusnya (seperti potongan gaji) hendaklah dilaksanakan.

Sebanyak 17 Kementerian mempunyai 2,383 notis kesalahan lalu lintas/saman berjumlah RM0.48 juta tertunggak sejak tahun 1999 hingga 2017. Pihak Audit mendapati antara punca saman tertunggak adalah tiada surat peringatan dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada pemandu/pegawai pengguna berkenaan bagi menyelesaikan notis kesalahan lalu lintas/saman tersebut, tiada pemantauan oleh Kementerian dan pemandu/pegawai pengguna tidak dapat dikesan. Ini menunjukkan tiada tindakan diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan kes saman tertunggak. Butiran lanjut tunggakan saman adalah seperti di **Jadual 3.15.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**JADUAL 3.15
SAMAN TERTUNGGAK KEMENTERIAN**

| BIL. | KEMENTERIAN | BILANGAN SAMAN | JUMLAH (RM) | TEMPOH |
|---------------|-------------|----------------|----------------|------------------|
| 1. | MOA | 14 | 680 | 2008-2016 |
| 2. | MINDEF | 126 | 22,410 | 2008-2014 |
| 3. | KKM | 4 | TM | 2012-2017 |
| 4. | MOT | 9 | 1,950 | 2016-2017 |
| 5. | KKMM | 755 | 160,900 | 2004-2017 |
| 6. | MOF | 10 | 1,800 | 1999-2017 |
| 7. | KPT | 18 | 3,450 | 2012-2017 |
| 8. | KPM | 34 | 6,026 | 2003-2017 |
| 9. | KeTTHA | 40 | 8,600 | 2007-2017 |
| 10. | KLN | 33 | 6,850 | 2007-2017 |
| 11. | KPKT | 868 | 165,961 | 2008-2017 |
| 12. | KSM | 16 | 1,400 | 2013-2016 |
| 13. | MITI | 30 | 5,500 | 2014-2017 |
| 14. | MOSTI | 96 | 21,980 | 2007-2017 |
| 15. | MOTAC | 204 | 46,450 | 2005-2017 |
| 16. | MPIC | 12 | 2,100 | 2015-2017 |
| 17. | KBS | 114 | 24,550 | 2008-2016 |
| JUMLAH | | 2,383 | 480,607 | 1999-2017 |


Sumber: Jabatan Audit Negara

Kementerian hendaklah mengambil tindakan tegas bagi memastikan pemandu kenderaan Kerajaan mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan lalu lintas kerana ini boleh menjasaskan imej Kerajaan.

3.5.2. Prestasi Jabatan Yang Diaudit Secara Tahunan

3.5.2.1. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 18 Jabatan yang diaudit secara tahunan bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan 13 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan lima (5) Jabatan pada tahap **Baik**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan yang diaudit secara tahunan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.22**.

**CARTA 3.22
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN BAGI TAHUN 2017**



Sumber: Jabatan Audit Negara

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

3.5.2.2. Tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 18 Jabatan yang dinilai adalah seperti di **Jadual 3.16** dan **Carta 3.23**


JADUAL 3.16
SENARAI 18 JABATAN YANG DIAUDIT

| BIL. | JABATAN |
|------|---|
| 1. | Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah (PSUP Sabah) |
| 2. | Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (PSUP Sarawak) |
| 3. | Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) |
| 4. | Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) |
| 5. | Polis Diraja Malaysia (PDRM) |
| 6. | Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) |
| 7. | Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) |
| 8. | Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) |
| 9. | Jabatan Peguam Negara (AGC) |
| 10. | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) |
| 11. | Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) |
| 12. | Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) |
| 13. | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) |
| 14. | Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) |
| 15. | Unit Perancang Ekonomi (EPU) |
| 16. | Jabatan Kerja Raya (JKR) |
| 17. | Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) |
| 18. | Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) |

Sumber: **Jabatan Audit Negara**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.23
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN YANG DIAUDIT SECARA TAHUNAN BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

3.5.2.3. Prestasi Jabatan Mengikut Elemen Kawalan

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi 18 Jabatan yang diaudit secara tahunan mendapat enam (6) daripada lapan (8) kawalan berada pada tahap **Cemerlang** dan dua (2) kawalan berada pada tahap **Baik** seperti Carta 3.24.

CARTA 3.24
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN MENGIKUT
ELEMEN KAWALAN BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap elemen Kawalan Pengurusan menunjukkan 15 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan tiga (3) Jabatan pada tahap **Baik**. Pencapaian Jabatan dalam elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.25**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.25
TAHAP PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN 18 JABATAN
BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang

■ Baik

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi 18 Jabatan adalah seperti **Carta 3.26**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti **Jadual 3.17.**

JADUAL 3.17
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PENGURUSAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | JABATAN TERLIBAT | IMPAK |
|------|--|--|---|
| 1. | Pemeriksaan mengejut (AP309) tidak meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang berharga. | ICU JKDM JKR MAMPU PDRM JPT | Kelemahan pengurusan tidak dapat dikenal pasti dengan segera serta tindakan penambahbaikan/pembetulan tidak/lewat diambil yang membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa. |
| 2. | Senarai tugas tidak menunjukkan dengan jelas hubung kait pegawai atasan, pegawai bawahan dan rakan sejawat. | JANM JIM JPJ PDRM SPRM | Boleh menyebabkan: a. Pegawai tidak merujuk kepada penyelia yang sebenar terhadap sesuatu tugas. b. Penyelia tidak menyelia pegawai bawahan atau berhubung dengan pegawai setara. c. "one man show". |
| 3. | Pegawai tidak menghadiri kursus/latihan atau kursus/latihan diberi tidak berkaitan dengan tugas yang dilaksanakan. | AGC JPA JPJ JPS UKAS | Boleh menyebabkan: a. Pegawai melaksanakan tugas tidak mengikut peraturan/kaedah/proses kerja terkini. b. Pengetahuan pegawai mengenai tugas yang dilaksanakan tidak terkini. c. Kemahiran pegawai tidak dapat ditingkatkan. |
| 4. | Pemeriksaan Mengejut (AP309) tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan sekurang-kurangnya setiap enam (6) bulan sekali. | EPU JKDM JKR PDRM SPRM | Kelemahan pengurusan tidak dapat dikenal pasti dengan segera serta tindakan penambahbaikan/pembetulan tidak/lewat diambil yang membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa. |
| 5. | Pemeriksaan Dalaman (AP308) tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik. | JIM JKDM PDRM | Kelemahan pengurusan tidak dapat dikenal pasti dengan segera serta tindakan penambahbaikan/pembetulan tidak/lewat diambil yang membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa. |

Sumber: Jabatan Audit Negara

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

- iv. Antara penemuan Audit yang dikenal pasti boleh diambil tindakan punitif adalah seperti **Jadual 3.18**.

JADUAL 3.18
PENEMUAN AUDIT YANG DIKENAL PASTI MELIBATKAN TINDAKAN PUNITIF

| BIL. | KRITERIA AUDIT | PENEMUAN AUDIT | UNSUR TINDAKAN PUNITIF |
|------|----------------------|--|-------------------------|
| 1. | Kehilangan wang awam | Kehilangan sejumlah RM32,8583.20 di JPJ Cawangan Temerloh disebabkan rompakan, telah dibuat Laporan Awal pada 25 Mei 2017. Jawatankuasa Penyiasatan belum dilantik sehingga tarikh akhir pengauditan pada 28 Februari 2018. Laporan akhir yang disediakan dan dihantar kepada Kementerian Kewangan iaitu melebihi tempoh 4 bulan daripada laporan awal disediakan. | Unsur kecuaian pegawai. |
| 2. | | Jabatan lewat menyediakan Laporan Awal berkaitan 4 kes wang palsu di JPJ Negeri Selangor berjumlah RM400.00 iaitu mengambil masa sehingga 8 hari berbanding sepatutnya 5 hari. Laporan Akhir disediakan dan dihantar kepada Kementerian Kewangan juga melebihi tempoh 4 bulan daripada laporan awal disediakan. | |


Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kawalan Bajet

- i. Secara keseluruhannya, kesemua 18 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dalam Kawalan Bajet. Pencapaian Jabatan dalam elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.27**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017


CARTA 3.27
TAHAP PRESTASI KAWALAN BAJET 18 JABATAN BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi 18 Jabatan adalah seperti **Carta 3.28**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan dalam Kawalan Bajet adalah seperti **Jadual 3.19**.

JADUAL 3.19
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN BAJET

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | JABATAN TERLIBAT | IMPAK |
|------|--|------------------|---|
| 1. | Salinan waran pindah peruntukan lewat dikemukakan kepada Akauntan Negara Malaysia. | JPA | Boleh menyebabkan: a. Perbelanjaan tanpa kelulusan. b. Had perbelanjaan melebihi peruntukan. c. Sistem kawalan dalaman yang lemah. |
| 2. | Maklumat kewangan dalam SPP II tidak dikemas kini. | JPA | Boleh menyebabkan: a. Maklumat perbelanjaan pembangunan tidak tepat. b. Prestasi perbelanjaan pembangunan tidak tepat. c. Prestasi fizikal projek tidak tepat berbanding prestasi sebenar. |


Sumber: Jabatan Audit Negara

c. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, kesemua 18 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**. Pencapaian Jabatan dalam elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.29**.

CARTA 3.29

TAHAP PRESTASI KAWALAN TERIMAAN 18 JABATAN BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi 18 Jabatan adalah seperti **Carta 3.30.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan dalam Kawalan Terimaan adalah seperti **Jadual 3.20**.

JADUAL 3.20
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN TERIMAAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | JABATAN TERLIBAT | IMPAK |
|------|--|-----------------------------|---|
| 1. | Resit lewat disediakan. | JPA PDRM PSUP SARAWAK | Resit tidak dikeluarkan dengan segera akan menyebabkan: a. Hasil lewat diakaunkan. b. <i>Tee ming</i> dan <i>lading</i> . c. Penyalahgunaan kuasa. |
| 2. | Peranan dan capaian di sistem terimaan Agensi tidak selaras dengan penurunan kuasa. | JIM PDRM | Boleh menyebabkan: a. Penyalahgunaan kuasa. b. Ketirisan hasil. |
| 3. | Perjanjian antara Kerajaan dan <i>Acquiring Bank</i> tidak mematuhi terma ditetapkan oleh 1PP-PS2. | PDRM | Boleh menyebabkan: a. Kepentingan Kerajaan tidak terjaga. b. Sistem penyampaian Perkhidmatan Awam terjejas. |
| 4. | Penyata Penyesuaian Hasil tidak disediakan dengan tepat. | JKDM PSUP SARAWAK | Boleh menyebabkan: a. Perbezaan hasil tidak dapat dikenal pasti. b. Pelaporan kurang tepat. c. Ketirisan hasil. |
| 5. | ABT tidak dilaporkan dengan tepat. | JKDM | Boleh menyebabkan: a. Perekodan maklumat tidak tepat. b. Kelemahan dalam dokumentasi. c. Ketirisan hasil. |

Sumber: Jabatan Audit Negara


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

d. Pengurusan Perolehan

- i. Secara keseluruhannya, 17 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Jabatan berada pada tahap **Baik**. Pencapaian Jabatan dalam elemen Pengurusan Perolehan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.31**.

CARTA 3.31

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PEROLEHAN 18 JABATAN BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang

■ Baik

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi 18 Jabatan adalah seperti **Carta 3.32**.

CARTA 3.32
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 39 KRITERIA DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan dalam Pengurusan Perolehan adalah seperti **Jadual 3.21**.

JADUAL 3.21
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | JABATAN TERLIBAT | IMPAK |
|------|--|--|---|
| 1. | Kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. | ICU JANM JKDM JKR JPA JPJ JPS MAMPU PDRM | Boleh menyebabkan: a. Kepentingan Kerajaan tidak terjaga kerana kontraktor tidak terikat dengan terma perjanjian. b. Pembayaran hanya boleh dilaksanakan sehingga tiga (3) kali pembayaran dalam tempoh Surat Setuju Terima. c. Sistem penyampaian Perkhidmatan Awam terjejas. |
| 2. | Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> tidak dipatuhi sepenuhnya. | JPA JPS UKAS | Boleh menyebabkan: a. Pegawai yang terlibat tidak terikat dengan terma <i>Integrity Pact</i> . b. Tidak berintegriti dan salah guna kuasa. c. Reputasi dan imej Kerajaan/Pegawai Awam terjejas. |
| 3. | Semua kategori perolehan tidak didaftarkan di dalam GPIS dengan kemas kini dan sahih. | AGC ICU JPA JPS | Boleh menyebabkan: a. Jumlah perolehan sebenar tidak dapat dipastikan. b. Jumlah perbelanjaan mengikut kaedah perolehan tidak dapat dikesan. |
| 4. | Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan terlebih dahulu sebelum bekalan/ perkhidmatan diterima dan diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa. | AGC JANM JKDM | Boleh menyebabkan: a. Perbelanjaan tidak sah atau tidak mendapat kebenaran/kelulusan. b. Menjejaskan peruntukan tahun semasa. c. Tidak memberi jaminan kepada pembekal terhadap komitmen pihak Kerajaan. d. <i>Improper payment</i> . |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | JABATAN TERLIBAT | IMPAK |
|------|--|--------------------------------|---|
| 5. | Kajian pasaran tidak dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan. | JKDM JKR PSUP SARAWAK | Boleh menyebabkan: a. Perbandingan harga yang kompetitif dan menguntungkan Kerajaan tidak dibuat. b. Kerajaan tidak mendapat 'value for money' (harga tidak munasabah). |

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara penemuan Audit yang dikenalpasti boleh diambil tindakan punitif adalah seperti **Jadual 3.22**.

JADUAL 3.22
PENEMUAN AUDIT YANG DIKENALPASTI MELIBATKAN TINDAKAN PUNITIF

| BIL. | KRITERIA AUDIT | PENEMUAN AUDIT | UNSUR TINDAKAN PUNITIF |
|------|--|--|--|
| 1. | Pembekalan/ perkhidmatan yang melebihi RM20,000 | Tiga (3) jenis pembelian/ perkhidmatan yang sama dengan melebihi RM20,000 iaitu setiap satu RM49,344.80, RM29,450.00 dan RM41,780.00 berlaku di ibu pejabat JPJ. | Jabatan memecahkecilkan perolehan tahunan bagi mengelakkan pelawaan secara sebut harga/tender. Berpotensi mempunyai unsur penyelewengan untuk mendapatkan keuntungan dan menyumbang kepada pembaziran wang awam disebabkan tidak mendapat harga yang lebih kompetitif. |
| 2. | | Perolehan bagi dua (2) jenis perkhidmatan telah dipecah kecil. Bagi kerja-kerja penyelenggaraan bulanan loji kumbahan di Cawangan Narkotik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2017 dan Stor Pusat Dengkil bagi tempoh Januari hingga Ogos 2017 telah disempurnakan oleh syarikat Kejuruteraan Indah Suasa dengan kos keseluruhan berjumlah RM32,400. Manakala kerja-kerja penyelenggaraan sistem penyaman udara, sistem penggera keselamatan, genset dan mesin pengangkut di Cawangan Operasi/Marin Dan Khidmat Sokongan, Dengkil bagi bulan Mac, September dan November 2017 telah disempurnakan oleh syarikat JFZ Engineering dengan kos keseluruhan berjumlah RM28,500. Perkhidmatan berkenaan diklasifikasikan sebagai satu (1) jenis item kerana boleh dirancang dan diperolehi daripada satu punca bekalan. | |
| 3. | Pematuhan <i>Integrity Pact</i> | Empat (4) daripada lima (5) tender JPJ tidak mematuhi pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dalam aspek Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan dan Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan | Berpotensi mempunyai unsur penyelewengan dan kecuaian pegawai serta tidak menjamin kepentingan Kerajaan. |
| 4. | Kajian perolehan pasaran | Tiga (3) permohonan pengeluaran Pesanan Tempatan berjumlah RM140,586.80 daripada unit Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK) JKR melalui e-Perolehan telah dikeluarkan terlebih dahulu sebelum kajian pasaran diperolehi daripada pembekal | |
| 5. | Bon Pelaksanaan bagi kontrak bermasa dan <i>one-off</i> melebihi nilai RM200,000 | Samakan Audit terhadap Surat Setuju Terima yang dikeluarkan kepada syarikat bagi perkhidmatan langganan pangkalan data, jurnal dan maklumat secara atas talian bagi ICT JKR Malaysia mendapati bon pelaksanaan tidak dikenakan. Kontrak diikat dengan syarikat tersebut bagi tempoh dua (2) tahun dengan nilai kontrak sejumlah RM246,500. | |

Sumber: Jabatan Audit Negara

e. Kawalan Perbelanjaan


- i. Secara keseluruhannya, 14 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Jabatan pada tahap **Baik** dan satu (1) Jabatan pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Jabatan dalam

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.33.**

CARTA 3.33

TAHAP PRESTASI KAWALAN PERBELANJAAN 18 JABATAN BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi 18 Jabatan adalah seperti **Carta 3.34.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.34
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 23 KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti **Jadual 3.23**.

JADUAL 3.23
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PERBELANJAAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | JABATAN TERLIBAT | IMPAK |
|------|--|---|--|
| 1. | Proses Bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan: - Pembayaran tidak wajar - Penggunaan kod belanja tidak tepat - Perolehan di luar kontrak pusat | AGC ICU JANM JKDM JKR JPJ JPS | Boleh menyebabkan: a. kerugian wang awam. b. Menggambarkan kelemahan kawalan dalaman. c. Penyelewengan dan salah guna kuasa. |
| 2. | Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan. | AGC ICU JANM JPJ | Boleh menyebabkan penyelewengan dan salah guna kuasa. |
| 3. | Laporan Pukal (BP21) tidak disemak dengan bil asal. | JKR PSUP SARAWAK | Boleh menyebabkan: a. Berlaku pembayaran 2 kali. b. Kerugian wang awam. c. Menggambarkan kelemahan kawalan dalaman. |
| 4. | Tindakan tidak diambil bagi kes transaksi yang berlarutan dan tidak dikenal pasti. | JPS | Boleh menyebabkan: a. Menggambarkan kelemahan kawalan dalaman. b. Isu berulang dan berlarutan. |
| 5. | Penurunan kuasa secara khusus tidak diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam bayaran (mengesah dan memperakui baucar bayaran). | JPJ | Boleh menyebabkan: a. Hanya seorang pegawai melaksanakan tugas menyedia dan melulus baucar bayaran (<i>one man show</i>). b. Penyelewengan dan salah guna kuasa. |

Sumber: Jabatan Audit Negara

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

iv. Antara penemuan Audit yang dikenalpasti boleh diambil tindakan punitif adalah seperti **Jadual 3.24**.

JADUAL 3.24
PENEMUAN AUDIT YANG DIKENALPASTI MELIBATKAN TINDAKAN PUNITIF

| BIL. | KRITERIA AUDIT | PENEMUAN AUDIT | UNSUR TINDAKAN PUNITIF | | | | | | | | | |
|-----------|-----------------------------------|--|---|-----------------------|--------------|----------|--------------|-----------|-----------|-------------|------------|--|
| 1. | Kawalan Dalaman Proses Pembayaran | Baucar bayaran bernilai RM42,639.00 bagi Bayaran kerja-kerja naik taraf tempat parkir Kenderaan KD Sri Gombak, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur tidak disokong dengan dokumen sokongan asal, lengkap dan sempurna. | Transaksi yang diragukan kesahihannya tanpa bukti yang mencukupi. | | | | | | | | | |
| 2. | Had Kuasa | <p>Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem eSPKB bagi seorang pegawai ICU tidak selaras dengan Surat Penurunan Kuasa (Kew.290 – Pin. 1/2009). Perbezaan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th>Peranan</th> <th>Surat Penurunan Kuasa</th> <th>Sistem eSPKB</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Peraku I</td> <td>≤ 50,000,000</td> <td>5,000,000</td> </tr> <tr> <td>Peraku II</td> <td>≤ 5,000,000</td> <td>50,000,000</td> </tr> </tbody> </table> | Peranan | Surat Penurunan Kuasa | Sistem eSPKB | Peraku I | ≤ 50,000,000 | 5,000,000 | Peraku II | ≤ 5,000,000 | 50,000,000 | Berpotensi mempunyai unsur penyelewengan untuk mendapatkan keuntungan. |
| Peranan | Surat Penurunan Kuasa | Sistem eSPKB | | | | | | | | | | |
| Peraku I | ≤ 50,000,000 | 5,000,000 | | | | | | | | | | |
| Peraku II | ≤ 5,000,000 | 50,000,000 | | | | | | | | | | |

Sumber: Jabatan Audit Negara


f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit

- i. Secara keseluruhannya, 14 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Jabatan pada tahap **Baik**, dua (2) Jabatan pada tahap **Kurang Memuaskan** dan satu (1) Jabatan **Tidak Berkenaan**. Pencapaian Jabatan dalam elemen Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.35**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.35

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT 18 JABATAN BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Kurang Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah Dan Deposit bagi 17 Jabatan adalah seperti **Carta 3.36**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit adalah seperti **Jadual 3.25**.

JADUAL 3.25
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | JABATAN TERLIBAT | IMPAK |
|------|---|------------------|---|
| 1. | Baki Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah di PTB berbeza dengan baki di Laporan A441, Buku Akaun Amanah dan Sijil Pengesahan Baki. | JPA | Boleh menyebabkan: a. Baki tidak dapat disahkan dengan tepat . b. Penyeliaan dan pemantauan yang lemah dan tidak cekap. |
| 2. | Baki dalam daftar/rekod kecil berbeza dengan Akaun Utama Deposit bagi setiap bulan. | AGC | Boleh menyebabkan: a. Baki tidak dapat disahkan dengan tepat . b. Penyeliaan dan pemantauan yang lemah dan tidak cekap. |
| 3. | Akaun Utama Deposit tidak diselenggarakan. | AGC | Boleh menyebabkan: a. Pemantauan tidak dapat dibuat. b. Kawalan dalaman yang lemah. |
| 4. | Daftar/Rekod kecil tidak diselenggarakan sekiranya banyak bilangan deposit yang sama jenisnya. | JIM | Boleh menyebabkan: a. Pemantauan tidak dapat dibuat. b. Kawalan dalaman yang lemah. |
| 5. | Penyata Penyesuaian tidak disediakan dengan tepat. | AGC | Boleh menyebabkan: a. Perbezaan transaksi tidak dapat dikenal pasti. b. Pelaporan kurang tepat. |

Sumber: Jabatan Audit Negara


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

g. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, 11 Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, empat (4) Jabatan pada tahap **Baik** dan tiga (3) Jabatan pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian Jabatan dalam elemen Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.37**.

CARTA 3.37


TAHAP PRESTASI PENGURUSAN ASET DAN STOR 18 JABATAN BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 64 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi 18 Jabatan adalah seperti **Carta 3.38**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan dalam Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Jadual 3.26**.

JADUAL 3.26
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | JABATAN TERLIBAT | IMPAK |
|------|---|--|--|
| 1. | Semua harta modal dan aset alih bernilai rendah tidak didaftarkan dengan lengkap dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. | JANM JIM JKDM JKR JPA JPJ JPS JPT PDRM SPRM | Boleh menyebabkan: a. Aset hilang dan boleh disalah guna. b. Aset tidak dikesan. c. Maklumat aset tidak tepat. d. Kerugian kepada kerajaan. e. Penyelewengan aset kerajaan. |
| 2. | Pengiraan stok tidak dilaksanakan seratus peratus (100%) di stor pusat, stor utama dan stor unit oleh pegawai stor secara berperingkat mengikut suku tahun dalam tahun kewangan yang diaudit. | JANM JIM JKDM JKSM JPJ JPS MAMPU PDRM | Boleh menyebabkan: a. Maklumat baki stok tidak tepat. b. Tiada rekod kedudukan stok semasa. c. Boleh menjelaskan operasi berikutkan risiko kekurangan/ kehabisan barang stor. |
| 3. | Aset tidak diberi tanda pengenal Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran yang betul. | JANM JIM JKDM JKSM JPS MAMPU PDRM SPRM | Boleh menyebabkan a. Aset hilang dan boleh disalah guna. b. Aset tidak dikesan. c. Maklumat aset tidak tepat. d. Kerugian kepada kerajaan. e. Penyelewengan aset kerajaan. |
| 4. | Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. | AGC JANM JIM JKSM | Boleh menyebabkan: a. Maklumat baki stok tidak tepat. b. Tiada rekod kedudukan stok semasa. c. Boleh menjelaskan operasi berikutkan |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | JABATAN TERLIBAT | IMPAK |
|------|---|--|---|
| | | JPJ JPS JPT PDRM | risiko kekurangan/ kehabisan barang stor. |
| 5. | Kerosakan aset tidak dilaporkan dengan menggunakan Borang Aduan Kerosakan Aset [KEW.PA-9/ KEW.PA-9(A)]. | EPU JKDM JKSM JPA JPS JPT PDRM | Boleh menyebabkan: a. Tindakan pemberian/ pelupusan tidak dapat dilaksanakan. b. Menjejasakan jangka hayat penggunaan aset. |

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara penemuan Audit yang dikenalpasti boleh diambil tindakan punitif adalah seperti **Jadual 3.27**.

JADUAL 3.27
PENEMUAN AUDIT YANG DIKENALPASTI MELIBATKAN TINDAKAN PUNITIF

| BIL. | KRITERIA AUDIT | PENEMUAN AUDIT | UNSUR TINDAKAN PUNITIF |
|------|-----------------|--|--|
| 1. | Penggunaan Aset | Pemeriksaan fizikal di JANM mendapati 1 unit Card Printer/HID/FARGO DTC4250e berharga RM11,900.00 yang diterima pada 20 November 2017 masih belum dapat digunakan kerana perisian untuk mencetak pas keselamatan tidak bersesuaian dengan sistem operasi computer. | Aset yang tidak digunakan adalah pembaziran wang awam. |


Sumber: Jabatan Audit Negara

h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

- i. Secara keseluruhannya, lapan (8) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, dua (2) Jabatan pada tahap **Baik**, dua (2) Jabatan pada tahap **Memuaskan**, lima (5) Jabatan pada tahap **Kurang Memuaskan** dan satu (1) Jabatan pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Jabatan dalam elemen Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.39**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.39
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN 18 JABATAN
BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan ■ Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi 18 Jabatan adalah seperti **Carta 3.40**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.40
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 35 KRITERIA DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh Jabatan dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan adalah seperti **Jadual 3.28**.

JADUAL 3.28
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | JABATAN TERLIBAT | IMPAK |
|------|--|--|--|
| 1. | Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk semua kenderaan kecuali untuk Kereta Rasmi Jawatan bagi Pegawai Gred Utama. | EPU JANM JIM JKDM JKR JKSM JPA JPJ JPS PSUP SABAH SPRM | Boleh menyebabkan: a. Salah guna kenderaan Kerajaan. b. Tiada pegawai boleh dipertanggungjawabkan jika ada kes kehilangan/kemalangan/ saman. c. Rekod penggunaan minyak tidak dapat disemak. d. Kelemahan kawalan dalam penggunaan kenderaan Kerajaan. |
| 2. | Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. | AGC JANM JIM JKDM JKSM JPA JPJ JPS SPRM | Boleh menyebabkan: a. Rekod penggunaan tidak disemak oleh Ketua Jabatan. b. Salah guna kad inden minyak. c. Tiada pegawai yang boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kehilangan kad inden. |
| 3. | Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa. | AGC ICU JANM JIM JKDM JPA JPJ JPS SPRM | Boleh menyebabkan: a. Salah guna kad Inden tidak dapat dikesan. b. Kerugian kepada Kerajaan sekiranya pembayaran adalah tidak wajar. |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | JABATAN TERLIBAT | IMPAK |
|------|---|--|---|
| 4. | Penyelesaian tertunggak saman tidak diberi peringatan bertulis oleh Ketua Jabatan. | EPU ICU JIM JKSM JPJ JPS MAMPU PSUP SARAWAK UKAS | Boleh menyebabkan tindakan tidak/lewat diambil terhadap pegawai yang berkenaan. |
| 5. | Setelah diberi peringatan bertulis dalam tempoh sebulan oleh Ketua Jabatan terhadap saman tertunggak, tiada tindakan seterusnya (seperti potongan gaji) dilaksanakan. | EPU ICU JIM JPJ JPS MAMPU PSUP SARAWAK UKAS | Boleh menyebabkan tindakan tidak/lewat diambil terhadap pegawai yang berkenaan. |

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara penemuan Audit yang dikenalpasti boleh diambil tindakan punitif adalah seperti **Jadual 3.29**.

JADUAL 3.29
PENEMUAN AUDIT YANG DIKENALPASTI MELIBATKAN TINDAKAN PUNITIF

| BIL. | KRITERIA AUDIT | PENEMUAN AUDIT | UNSUR TINDAKAN PUNITIF |
|------|--|---|--|
| 1. | Penggunaan bahan api kenderaan | Tiga (3) kad inden pegawai JUSA JPJ yang telah bertukar keluar dari Jabatan masih aktif dan mempunyai transaksi pada bulan Julai dan September 2017. | Penyalahgunaan kemudahan oleh pegawai. Berpotensi mempunyai unsur salah guna aset bagi mendapatkan keuntungan. |
| 2. | | Semakan terhadap pernyata penggunaan pegawai JUSA JPJ mendapati 24 transaksi penggunaan telah dilakukan di parkir kompleks membeli-belah | |
| 3. | | Tiga (3) kad KSBTTR pegawai JUSA yang telah bertukar keluar dari JPJ masih aktif dan mempunyai transaksi pada bulan Julai dan September 2017. | Penggunaan yang tidak dipantau boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan. Berpotensi mempunyai unsur salah guna aset bagi mendapatkan keuntungan. |
| 4. | | e-statement bagi KSBTTR yang dibekalkan kepada Kenderaan Rasmi Jawatan tidak pernah dicetak bagi tujuan semakan dan pengesahan. Ini kerana KSBTTR berkenaan tidak didaftarkan atas nama JKDM mahupun pegawai masing-masing | |
| 5. | Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) | Pemeriksaan fizikal mendapati Sistem Terminal Tambah Nilai (STTN) telah ditempatkan di Unit Pentadbiran Am. Pegawai yang bertanggungjawab mengawal selia penggunaan STTN adalah seorang Pegawai Kastam (PiKK/ WK19). Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati pegawai berkenaan bukan pegawai kenderaan dan tiada pelantikan rasmi bagi beliau mengawal selia STTN. | Penyalahgunaan oleh pegawai dan penggunaan yang tidak dipantau boleh menyebabkan kehilangan wang awam serta kerugian kepada Kerajaan. |
| 6. | | Semakan Audit di JKDM tidak menemui perincian tambah nilai bagi dua (2) batch bulan Januari dan Mac 2017 berjumlah RM740.00. Sehubungan itu, transaksi tambah nilai berjumlah RM740.00 tidak dapat disahkan untuk kegunaan rasmi pegawai. | |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | KRITERIA AUDIT | PENEMUAN AUDIT | UNSUR TINDAKAN PUNITIF |
|------|--|---|---|
| 7. | | Lapan (8) transaksi tambah nilai berjumlah RM750.00 dibuat kepada kad bernombor siri 3109126543 bagi bulan Februari dan Mac 2017. Semakan selanjutnya mendapati nombor siri kad berkenaan tiada dalam senarai KSBTTR pegawai JUSA maupun senarai kad pukal mengikut rekod Cawangan Pengurusan Kewangan JKDM. Resit transaksi tambah nilai bagi nombor siri kad tersebut juga gagal dikesan. | |
| 8. | | Kad KSBTTR Jabatan Pengairan dan Saliran telah digunakan di pusat membeli belah dan pusat perubatan. Sebanyak 21 transaksi bagi tujuan pakir telah digunakan oleh lima (5) orang pegawai gred JUSA. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penggunaan kad KSBTTR pegawai berkenaan adalah untuk urusan rasmi mengikut peraturan yang telah ditetapkan. | |
| 9. | Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) | <p>Lima (5) orang pegawai JUSA ICU telah menggunakan KSBTTR bukan untuk tujuan rasmi antaranya dibuat untuk membeli makanan di Dunkin Donut, minuman di BK Juice Work, barang di Watsons dan parkir. Selepas teguran Audit dibuat, surat kutipan bayaran balik berjumlah RM937.91 telah dikeluarkan kepada pegawai berkenaan pada 7 Februari 2018.</p> <p>Semakan yang dijalankan mendapati:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada bukti daftar/rekod penggunaan tambah nilai diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa; dan ii. Tambah nilai telah dibuat bagi dua (2) KSBTTR yang bukan milik Jabatan. | <p>Penyalahgunaan oleh pegawai yang boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.</p> |


Sumber: Jabatan Audit Negara

3.5.3. Prestasi Badan Berkanun Persekutuan

3.5.3.1. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan untuk 21 Badan Berkanun Persekutuan (BBP) bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan dua (2) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, 12 BBP adalah **Baik**, lima (5) BBP berada pada tahap **Memuaskan** dan dua (2) BBP berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan BBP secara keseluruhan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.41**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.41
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN 21 BBP
BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

3.5.3.2. Tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 21 BBP yang dinilai pada tahun 2017 adalah seperti **Jadual 3.30** dan **Carta 3.42**.

JADUAL 3.30
21 BBP YANG DIAUDIT DALAM TAHUN 2017


| BIL. | BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN |
|------|--|
| 1. | Perbadanan Kampong Bharu (PKB) |
| 2. | Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) |
| 3. | Institut Sukan Negara (ISN) |
| 4. | Majlis Sukan Negara (MSN) |
| 5. | Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) |
| 6. | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) |
| 7. | Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) |
| 8. | Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) |
| 9. | Perbadanan Aset Keretapi (PAK) |
| 10. | Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) |
| 11. | Lembaga Lada Malaysia (MPB) |
| 12. | Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) |
| 13. | Lembaga Pelabuhan Bintulu (LP BINTULU) |
| 14. | Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) |
| 15. | Lembaga Pelabuhan Johor (LP JOHOR) |
| 16. | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) |
| 17. | Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SME CORP) |
| 18. | Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) |
| 19. | Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN |
|------|---|
| 20. | Lembaga Koko Malaysia (KOKO) |
| 21. | Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) |

Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 3.43
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BBP BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

3.5.3.3 Prestasi BBP Mengikut Kawalan

Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi 21 BBP mendapat **satu** (1) kawalan berada pada tahap **Cemerlang**, enam (6) kawalan berada pada tahap **Baik** dan dua (2) kawalan berada pada tahap **Memuaskan** seperti **Carta 3.44**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.44
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BBP
TAHUN 2017 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

a. **Kawalan Pengurusan**

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap elemen Kawalan Pengurusan menunjukkan tujuh (7) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, lapan (8) BBP pada tahap **Baik**, empat (4) BBP pada tahap **Memuaskan** dan dua (2) BBP pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian 21 BBP dalam elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.45**.

CARTA 3.45
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN BBP
BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 51 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi 21 BBP adalah seperti **Carta 3.46.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.46
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 51 KRITERIA KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh BBP dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti **Jadual 3.31**.

JADUAL 3.31
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|---|--|--|
| 1. | Penempatan secara pentadbiran mendapat kelulusan JPA. | PERDA MAIWP ISN KADA SME CORP. LPSVN MIDA KOKO EAIC MSN | a. Penempatan pegawai tidak selari dengan waran perjawatan sedia ada. b. Kesukaran memantau pengisian sebenar jawatan. |
| 2. | Pemeriksaan mengejut dijalankan oleh ketua pejabat (tidak terlibat dengan penyimpanan wang atau barang berharga tersebut/tidak memegang kunci peti besi). | LPSVN PKB MIDA ISN FINAS SPPP KETENGAH MSN MPB | a. Pemantauan tidak dilaksanakan secara menyeluruh. b. Kehilangan wang/barang berharga tidak dikesan lebih awal menyebabkan kerugian kepada kerajaan. c. Tindakan pembetulan dan pencegahan lewat diambil. d. Membuka ruang kepada salah laku dan salah guna kuasa. |
| 3. | Dijalankan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali atau tempoh yang ditetapkan oleh Agensi. | LPSVN PKB ISN FINAS PERDA SPPP EAIC LP JOHOR KETENGAH | a. Membuka ruang kepada salah laku dan salah guna kuasa. b. Tindakan pembetulan dan pencegahan lewat diambil dan menyebabkan isu yang sama berulang. c. Kerugian kepada kerajaan jika berlaku kehilangan yang lewat/tidak dikesan. |
| 4. | Bermesyuarat mengikut kehendak termasuk pelantikan Jawatankuasa Audit. | MADA MIDA FINAS KADA PERDA LP BINTULU MPB EAIC MSN | Boleh menyebabkan penemuan Audit tidak dibincangkan, diperhalusi dan tindakan susulan tidak diambil secara berkesan. |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|---|--|--|
| 5. | Pegawai yang terlibat menghadiri kursus pengurusan kewangan dalam tahun semasa. | ISN FINAS RAC KADA PKB MSN MAIWP SPPP | <ul style="list-style-type: none"> a. Pengetahuan pegawai mengenai tugas yang dilaksanakan tidak terkini. b. Kemahiran pegawai tidak dapat ditingkatkan. c. Memberi kesan kepada kualiti kerja dalam jangka masa panjang. |


Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kawalan Bajet

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap elemen Kawalan Bajet menunjukkan sembilan (9) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) BBP pada tahap **Baik**, lima (5) BBP pada tahap **Memuaskan**, dua (2) BBP pada tahap **Kurang Memuaskan** dan dua (2) BBP pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian 21 BBP dalam elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.47**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.47
TAHAP PRESTASI KAWALAN BAJET BBP
BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

[Cemerlang] [Baik] [Memuaskan] [Kurang Memuaskan] [Tidak Memuaskan]

- Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap sembilan (9) kriteria dalam Kawalan Bajet bagi 21 BBP adalah seperti **Carta 3.48**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.48
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 9 KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh BBP dalam Kawalan Bajet adalah seperti **Jadual 3.32**.

JADUAL 3.32
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN BAJET


| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|---|---|--|
| 1. | Semua pindah peruntukan dibuat selepas mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus. | ISN FINAS SME CORP. MADA KETENGAH LP BINTULU KOKO | <ul style="list-style-type: none"> a. Perancangan bajet yang lemah – tidak cekap dan teliti. b. Perbelanjaan dibuat tanpa kelulusan. c. Sistem kawalan dalaman yang lemah. d. Pemantauan yang tidak cekap. |
| 2. | Pindah peruntukan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus. | ISN LP BINTULU LPVSN MADA KETENGAH MSN | <ul style="list-style-type: none"> a. Perancangan bajet yang lemah – tidak cekap dan teliti. b. Perbelanjaan tanpa kelulusan. c. Perbelanjaan melebihi peruntukan. d. Sistem kawalan dalaman yang lemah. |
| 3. | Agensi hendaklah mengesan kemajuan pelaksanaan projek yang dilaksana olehnya atau agensi pelaksana dengan mendapatkan maklumat kemajuan kewangan dan fizikal secara berjadual/ berkala. | ISN MIDA SME CORP. MPB | <ul style="list-style-type: none"> a. Laporan pelaksanaan projek kurang tepat. b. Pemantauan prestasi perbelanjaan yang lemah. c. Sistem kawalan dalaman yang lemah. |
| 4. | Data peruntukan dan perbelanjaan projek sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPPII). | ISN MPB MSN | <ul style="list-style-type: none"> a. Laporan prestasi perbelanjaan pembangunan tidak tepat. b. Laporan prestasi fizikal projek tidak tepat berbanding prestasi sebenar. c. Maklumat kewangan tidak dikemas kini dari semasa ke semasa. |

Sumber: Jabatan Audit Negara

c. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap elemen Kawalan Terimaan menunjukkan empat (4) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, 10 BBP berada pada tahap **Baik**, empat (4) BBP berada pada tahap **Memuaskan**, satu (1) BBP berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan dua (2) BBP berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian 21 BBP dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.49**.

CARTA 3.49
TAHAP PRESTASI KAWALAN TERIMAAN BBP
BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

[Cemerlang] [Baik] [Memuaskan] [Kurang Memuaskan] [Tidak Memuaskan]

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi BBP adalah seperti **Carta 3.50**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.50
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 39 KRITERIA DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh BBP dalam Kawalan Terimaan adalah seperti **Jadual 3.33**.

JADUAL 3.33
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN TERIMAAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|---|--|---|
| 1. | Resit disediakan pada hari yang sama dan dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya. | FELDA PERDA MAIWP ISN MPC RAC LPSVN MIDA KOKO SPPP KETENGAH MSN | <ul style="list-style-type: none"> a. Hasil lewat diakaunkan. b. Fraud terhadap rekod perakaunan (<i>Tee ming and lading</i>). c. Kawalan dalaman yang lemah. |
| 2. | Pungutan dimasukkan ke bank dengan segera. | MADA LPSVN MAIWP ISN FELDA KOKO MPB KETENGAH | <ul style="list-style-type: none"> a. Hasil lewat diakaunkan. b. <i>Tee ming and lading</i>. c. Membuka ruang untuk salah laku dan salah guna kuasa dalam kalangan penjawat awam. d. Ketirisan hasil. |
| 3. | Pegawai yang membatalkan resit diberi kuasa secara bertulis. | FELDA PERDA MADA KOKO, LP BINTULU LP JOHOR KETENGAH | <ul style="list-style-type: none"> a. Salah laku dan salah guna kuasa. b. Kawalan dalaman yang lemah. |
| 4. | Pegawai bertanggungjawab menyemak slip bayar masuk bank selepas kemasukan ke bank bagi menentukan jumlah sebenar telah dibankkan. | MADA KADA PKB MAIWP FELDA KOKO | <ul style="list-style-type: none"> a. Kelewatan mengesan kesilapan. b. <i>Tee ming and lading</i>. c. Salah laku dan salah guna kuasa. d. Ketirisan hasil. |
| 5. | Daftar Mel diperiksa dan disemak setiap hari dengan Buku Tunai oleh Pegawai | FELDA MAIWP RAC | <ul style="list-style-type: none"> a. Lewat merekod dan mengakaunkan hasil diterima melalui mel. |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017


| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|---|-------------------------|--|
| | Penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas. | SPPP KETENGAH PKB | <ul style="list-style-type: none"> b. Lewat mengesan kesilapan atau kehilangan. c. Risiko cek lalut tarikh. d. Sistem kawalan dalaman yang lemah. |

Sumber: Jabatan Audit Negara

d. Pengurusan Perolehan

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap elemen Kawalan Perolehan menunjukkan 12 BBP mencapai tahap **Cemerlang**, enam (6) BBP pada tahap **Baik** dan tiga (3) BBP pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian 21 BBP dalam elemen Pengurusan Perolehan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.51**.

CARTA 3.51
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PEROLEHAN BBP
BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 49 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi BBP adalah seperti **Carta 3.52.**

CARTA 3.52
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 49 KRITERIA DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh BBP dalam Pengurusan Perolehan adalah seperti **Jadual 3.34.**

JADUAL 3.34
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|--|---|--|
| 1. | Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan tidak melebihi RM20,000 setahun atau had yang ditetapkan dalam peraturan kewangan Agensi. | ISN FINAS MPC MADA LPSVN EAIC KOKO SPPP KETENGAH MSN | <ul style="list-style-type: none"> a. Risiko tidak melaksanakan sebut harga (pecah kecil perolehan). b. Perolehan dibuat dengan pembekal tidak berdaftar. c. Pembaziran dari aspek harga tidak kompetitif dan pemilihan pembekal yang tidak berkelayakan. d. Tidak melaksanakan penggiliran pembekal – pembekal yang sama. |
| 2. | Kajian pasaran dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan. | FELDA PERDA ISN KADA MPC MIDA KOKO SPPP | <ul style="list-style-type: none"> a. Perbandingan harga yang kompetitif dan menguntungkan Kerajaan tidak dibuat. b. Kerajaan tidak mendapat <i>value for money</i> (harga tidak munasabah). c. Tidak melaksanakan penggiliran pembekal – pembekal yang sama. |
| 3. | Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dipatuhi. (Sebut Harga) | FINAS MPC RAC MADA FELDA EAIC LP JOHOR | <ul style="list-style-type: none"> a. Pegawai terlibat tidak terikat dengan terma <i>Integrity Pact</i>. b. Risiko salah laku dan salah guna kuasa. c. Reputasi/imej Kerajaan dan penjawat awam terjejas. |
| 4. | Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dipatuhi. (Tender) | MADA MAIWP FINAS MPC FELDA LP BINTULU LP JOHOR | |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|--|--|--|
| 5. | Kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. | MAIWP ISN FINAS RAC LP JOHOR KOKO MIDA | <ul style="list-style-type: none"> a. Kepentingan Kerajaan tidak dilindungi kerana kontraktor tidak terikat dengan termasuk perjanjian. b. Prestasi projek akan terjejas kerana pembayaran hanya boleh dilaksanakan setakat 3 kali dalam tempoh Surat Setuju Terima. c. Kerugian kepada Kerajaan jika berlaku ketidakpatuhan. |


Sumber: Jabatan Audit Negara

e. Kawalan Perbelanjaan

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap elemen kawalan Perbelanjaan menunjukkan 11 BBP mencapai tahap **Cemerlang**, lima (5) BBP berada pada tahap **Baik** dan lima (5) BBP berada pada tahap **Memuaskan**. Pencapaian 21 BBP dalam elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.53**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.53
TAHAP PRESTASI KAWALAN PERBELANJAAN BBP
BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 18 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi BBP adalah seperti **Carta 3.54.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.54
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh BBP dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti **Jadual 3.35**.

JADUAL 3.35
PENEMUAN AUDIT DALAM KAWALAN PERBELANJAAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|---|--|--|
| 1. | Pelarasan dibuat terhadap item yang tidak dapat disesuaikan dalam Penyata Penyesuaian Bank. | FELDA ISN FINAS EAIC MPC RAC MADA MIDA KOKO SPPP LP JOHOR KETENGAH MSN | Item/transaksi yang tidak sepatutnya masih kekal dalam vot dan tidak menggambarkan kedudukan kewangan sebenar. |
| 2. | Penyata Penyesuaian Bank disediakan mengikut tempoh ditetapkan. | FELDA ISN FINAS RAC MADA MIDA MPB KETENGAH MSN PKB | Tidak menggambarkan kedudukan kewangan yang sebenar mengikut sesuatu masa/tempoh. |
| 3. | Baucar bayaran disokong dengan dokumen sokongan asal, lengkap dan sempurna. | MAIWP ISN FINAS LPVSN SME CORP. MIDA EAIC LP BINTULU LP JOHOR | a. Kelemahan kawalan dalaman. b. Menyukarkan semak silang untuk meluluskan pembayaran. c. Risiko berlaku <i>improper payment</i> . d. Bayaran dibuat tanpa pengesahan dan bukti yang lengkap. |
| 4. | Penyata Penyesuaian Bank disemak oleh pegawai bertanggungjawab. | FELDA FINAS MADA KETENGAH LP JOHOR | Semakan dibuat oleh pegawai yang tidak diberi kuasa boleh menyebabkan salah laku dan salah guna kuasa. |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|---|------------------------------------|--|
| 5. | Bil dijelaskan dalam tempoh 14 hari atau tempoh yang ditetapkan oleh Agensi dari tarikh ia diterima di Bahagian/ Unit Kewangan. | ISN KADA MIDA KOKO MSN | a. Kelemahan kawalan dalaman b. Pemantauan tidak cekap dan berkesan |


Sumber: Jabatan Audit Negara

f. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap elemen Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit menunjukkan lapan (8) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) BBP pada tahap **Baik**, tiga (3) BBP pada tahap **Memuaskan**, tiga (3) BBP pada tahap **Kurang Memuaskan** dan empat (4) BBP pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian 21 BBP dalam elemen Kawalan Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.55**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.55
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT
BBP BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

[Blue square] Cemerlang [Green square] Baik [Yellow square] Memuaskan [Orange square] Kurang Memuaskan [Red square] Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 24 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit bagi BBP adalah seperti **Carta 3.56**.

CARTA 3.56
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 24 KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh BBP dalam Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit adalah seperti **Jadual 3.36**.

JADUAL 3.36
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|--|---|---|
| 1. | Bayaran balik dan pelarasan dibuat mengikut tempoh ditetapkan. | SME CORP. MADA LPSVN ISN FINAS MPC PERDA MIDA MPB SPPP KETENGAH MSN RAC | <ul style="list-style-type: none"> a. Pengurusan bayaran balik yang tidak cekap - kecuaian. b. Kawalan dalaman yang lemah. c. Pemantauan yang lemah. d. Kehilangan hasil - penalti tidak dikenakan. |
| 2. | Denda/ Surcaj dikenakan kepada pegawai bertanggungjawab. | MADA LPSVN PERDA RAC MPC ISN MIDA SPPP MPB | <ul style="list-style-type: none"> a. Kehilangan hasil. b. Kecuaian pegawai yang bertanggungjawab. c. Kawalan dalaman tidak berkesan. |
| 3. | Daftar pendahuluan pelbagai diselenggarakan dengan lengkap. | MADA FINAS MPC RAC PERDA MAIWP MSN KETENGAH | <ul style="list-style-type: none"> a. Pemantauan tidak dapat dibuat terhadap pendahuluan pelbagai. b. Kehilangan hasil. c. Kawalan dalaman yang lemah. |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|--|--|---|
| 4. | Bayaran balik dibuat mengikut tempoh ditetapkan. | SME CORP. MADA MPC ISN MIDA LP JOHOR MSN | <ul style="list-style-type: none"> a. Pengurusan bayaran balik yang tidak cekap - kecuaian. b. Kawalan dalaman yang lemah. c. Risiko kerugian - jika pegawai tersebut berhenti atau bertukar pejabat. |
| 5. | Penalti dikenakan kepada pegawai yang gagal membuat bayaran balik mengikut tempoh. | ISN MPC MADA MIDA LP JOHOR MSN | <ul style="list-style-type: none"> a. Kutipan bayaran balik tidak dipantau - kecuaian pegawai yang bertanggungjawab. b. Kawalan dalaman tidak berkesan. c. Risiko kerugian - jika pegawai tersebut berhenti atau bertukar pejabat. |


Sumber: Jabatan Audit Negara

g. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap elemen Pengurusan Aset dan Stor menunjukkan tiga (3) BBP mencapai tahap **Cemerlang**, enam (6) BBP pada tahap **Baik**, enam (6) BBP pada tahap **Memuaskan** dan enam (6) BBP pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian 21 BBP dari aspek elemen Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.57**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.57
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN ASET DAN STOR BBP BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

█ Cemerlang █ Baik █ Memuaskan █ Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 98 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Aset dan Stor bagi BBP adalah seperti **Carta 3.58**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.58
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 98 KRITERIA DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh BBP dalam Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Jadual 3.37**.

JADUAL 3.37
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|--|---|--|
| 1. | Pergerakan aset bagi tujuan pinjaman atau penempatan sementara direkod dalam Rekod Pinjaman dan Pergerakan Aset Alih (KEW.PA-6). | RAC KADA SME CORP. MADA LPVSN PKB FINAS FELDA SPPP EAIC KOKO MSN | <ul style="list-style-type: none"> a. Aset tidak dapat dipantau dan sukar dikesan. b. Maklumat aset dalam daftar tidak tepat. c. Risiko kehilangan aset. d. Risiko salah laku dan salah guna aset. |
| 2. | Semua aset ditandakan dengan nombor siri pendaftaran. | KOKO RAC PERDA MAIWP SME CORP. MADA LPVSN EAIC KETENGAH MSN PKB | <ul style="list-style-type: none"> a. Aset tidak dapat dikesan. b. Maklumat aset tidak tepat. c. Aset boleh disalah guna. |
| 3. | Pengeluaran barang-barang stor adalah teratur. | KOKO MPB SPPP FELDA PERDA MAIWP SME CORP. MADA LPVSN EAIC PKB | <ul style="list-style-type: none"> a. Risiko berlaku perbezaan baki stor antara rekod dan fizikal. b. Risiko kehilangan/salah guna stor. |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|---|--|---|
| 4. | Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggara dengan lengkap. | FELDA FINAS ISN KADA MAIWP SME CORP. LP JOHOR KETENGAH MSN PKB MPB | |
| 5. | Buku Rekod Pergerakan Kad Inden dikemas kini. | FELDA ISN KADA MAIWP PERDA SME CORP. LP JOHOR KETENGAH MSN PKB MPB | <ul style="list-style-type: none"> a. Pemantauan yang tidak cekap dan berkesan - rekod penggunaan tidak disemak oleh Ketua Jabatan. b. Risiko salah laku dan salah guna minyak. c. Kawalan dalaman yang lemah. |
| 6. | Daftar Penggunaan Kad <i>Touch n Go</i> diselenggara oleh Pemandu dengan lengkap. | FELDA PERDA MAIWP ISN FINAS SME CORP. PKB MIDA EAIC LP JOHOR MSN | <ul style="list-style-type: none"> a. Tidak dapat mengesahkan penggunaan sebenar kad KSBTTR. b. Risiko salah laku dan salah guna kad KSBTTR. c. Tiada pegawai yang boleh dipertanggungjawabkan. sekiranya berlaku kehilangan/ketirisan wang awam. |
| 7. | Penyenggaraan yang dilaksanakan direkod dengan lengkap dalam Rekod Penyelenggaraan Aset Alih (KEW.PA-14). | MADA LPVSN PKB ISN FINAS FELDA RAC MSN KOKO EAIC LP JOHOR | <ul style="list-style-type: none"> a. Maklumat aset tidak tepat (akruan). b. Tiada pemantauan penyelenggaraan dibuat. c. Memberi kesan terhadap jangka hayat aset-aset yang tidak diselenggara secara berkala. d. Pemantauan berkesan sukar dilaksanakan tanpa rekod penyelenggaraan. |


Sumber: Jabatan Audit Negara

h. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap elemen Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman menunjukkan 15 BBP mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) BBP pada tahap **Baik**, dua (2) BBP pada tahap **Memuaskan dan** satu (1) BBP pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian 21 BBP dalam elemen Kawalan Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.59**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.59
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN
BBP BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi BBP adalah seperti **Carta 3.60**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.60
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 25 KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh BBP dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman adalah seperti **Jadual 3.38**.

JADUAL 3.38
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|---|----------------------------|---|
| 1. | Mesyuarat diadakan mengikut terma rujukan yang ditetapkan. | PERDA LP BINTULU MPB | <ul style="list-style-type: none"> a. Keputusan dibuat diluar aturan mesyuarat dan terma rujukan. b. Risiko salah laku dan salah guna kuasa oleh ahli jawatankuasa. c. Risiko Agensi membuat pelaburan yang tidak dibenarkan dan berisiko tinggi. d. Tiada pihak/individu yang boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kerugian pelaburan kerana tiada rekod/minit. |
| 2. | Minit mesyuarat disediakan | LP BINTULU MPB | <ul style="list-style-type: none"> a. Keputusan mesyuarat tidak diminit dan tidak dapat dilaksanakan. |
| 3. | Tindakan susulan diambil terhadap keputusan mesyuarat yang lepas. | LP BINTULU MPB | <ul style="list-style-type: none"> b. Pengakuan kepentingan peribadi jika ada, tidak direkodkan. c. Pemantauan ke atas keputusan dan tindakan tidak dilaksanakan. |
| 4. | Minit mesyuarat difailkan dengan teratur. | LP BINTULU MPB | <ul style="list-style-type: none"> Rujukan ke atas keputusan mesyuarat yang telah lepas dan sedia ada tidak dapat dirujuk, dikesan atau dipantau oleh Jawatankuasa. |
| 5. | Laporan Jawatankuasa/cadangan pelaburan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah (LP). | LP BINTULU MPB | <ul style="list-style-type: none"> a. Keputusan JK Pelaburan tidak dimaklumkan dalam LP. b. Tidak mematuhi arahan yang diputuskan oleh LP. c. Risiko salah laku dan salah guna kuasa/dana untuk pelaburan. |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TERLIBAT | IMPAK |
|------|--|--------------|--|
| 6. | Perjanjian pinjaman disediakan. | FELDA KADA | <ul style="list-style-type: none"> a. Pengesahan terhadap amaun pinjaman, bayaran balik, tempoh pinjaman, kadar faedah dikenakan dan syarat-syarat lain tidak dimuktamadkan. b. Pemantauan berkesan terhadap bayaran balik tidak dapat dilaksanakan. c. Risiko kerugian atas denda/caj ditanggung oleh Agensi. d. Risiko salah laku dan salah guna oleh pihak yang memberi pinjaman. |
| 7. | Bayaran balik dibuat mengikut jadual. | FELDA KADA | <ul style="list-style-type: none"> a. Pengurusan bayaran balik yang tidak cekap. b. Caj kelewatan tidak dikenakan kepada peminjam atas kelewatan atau tidak mengikut jadual ditetapkan - kehilangan hasil. c. Kekangan kewangan kepada agensi untuk melaksanakan aktiviti ditetapkan - aliran tunai masuk tidak mengikut jangkaan ditetapkan. d. Kawalan dalaman dan kaedah pemantauan yang lemah. e. ABT yang meningkat. |
| 8. | Mekanisme kawalan dan pemantauan diwujudkan. | FELDA KADA | <ul style="list-style-type: none"> a. Kes tunggakan pinjaman yang meningkat. b. Kegagalan mengenal pasti peminjam dan tiada tindakan diambil terhadap mereka yang lewat/gagal menyelesaikan pinjaman. c. Agensi menanggung kerugian atas pinjaman yang tidak dibayar balik serta faedah yang dikenakan kepada peminjam. d. Risiko kelulusan pinjaman seterusnya diberikan kepada peminjam-peminjam yang tidak disenaraihitamkan. e. Kawalan dalaman yang lemah. |


Sumber: Jabatan Audit Negara

i. Pengurusan Penyata Kewangan

- i. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap elemen Penyata Kewangan menunjukkan 11 BBP mencapai tahap **Cemerlang**, empat (4) BBP pada tahap **Baik, dua** (2) BBP pada tahap **Memuaskan** dan empat (4) BBP pada tahap **Kurang Memuaskan**. Pencapaian 21 BBP dari aspek elemen Pengurusan Penyata Kewangan bagi tahun 2017 adalah seperti **Carta 3.61**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

CARTA 3.61
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN BBP BAGI TAHUN 2017




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Pengurusan Penyata Kewangan bagi BBP adalah seperti **Carta 3.70**.

CARTA 3.70
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 25 KRITERIA DALAM PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN



- iii. Antara penemuan Audit yang mencatatkan ketidakpatuhan tertinggi oleh BBP dalam Pengurusan Penyata Kewangan adalah seperti **Jadual 3.39**.

JADUAL 3.39
PENEMUAN AUDIT DALAM PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TELIBAT | IMPAK |
|------|---|---|---|
| 1. | Penyata kewangan yang dikemukakan untuk diaudit tidak mempunyai kesilapan persembahan, pengiraan dan angka. | FINAS MPC LPSVN KETENGAH MSN MIDA LP BINTULU MPB | <ul style="list-style-type: none"> a. Keputusan Lembaga Pengarah untuk meluluskan penyata kewangan berkenaan – kesilapan membuat keputusan. b. Maklumat dalam penyata kewangan berkenaan adalah tidak tepat, benar dan saksama. c. Tidak menggambarkan kedudukan sebenar prestasi kewangan agensi. |
| 2. | Penyerahan Laporan Tahunan ke Kementerian selewat-lewatnya pada 30 September. | ISN FINAS RAC SME CORP. KETENGAH MSN MIDA | <ul style="list-style-type: none"> a. Kementerian tidak dimaklumkan mengenai kedudukan Penyata Kewangan. b. Lewat dibentangkan dalam Parlimen. |
| 3. | Modul di dalam dan luar sistem mestilah berintegrasi dan bercirikan <i>single-point data entry</i> . | PERDA ISN FINAS KADA PKB EAIC | <ul style="list-style-type: none"> a. Penyata kewangan yang dijana tidak mematuhi keperluan standard perakaunan. b. Maklumat penyata kewangan tidak tepat dan kemas kini. c. Tambahan kerja/ kos untuk penambahbaikan sistem. d. Agensi tidak memperolehi sijil SAGA. e. Agensi tidak mempunyai <i>back-up</i> data kewangan sekiranya berlaku bencana alam. |
| 4. | Agensi perlu mempunyai Pelan Pemulihan Bencana bagi sistem perakaunan dan kewangan. | FELDA LPVSN FINAS RAC KETENGAH MSN | <ul style="list-style-type: none"> a. Mendapat Sijil Tanpa Teguran dengan EOM. b. Berteguran/Bertentangan/ Penafian. <p>Boleh menyebabkan :</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Menggambarkan tadbir urus dan kawalan dalaman yang lemah. |
| 5. | Mendapat Sijil Tanpa Teguran. | FELDA FINAS LPVSN RAC KETENGAH MSN | |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | PENEMUAN AUDIT | BBP TELIBAT | IMPAK |
|------|----------------|-------------|--|
| | | | <p>b. Menunjukkan Lembaga Pengarah tidak memainkan peranan yang sepatutnya.</p> <p>c. Menjejasakan imej agensi dan Kementerian yang berkenaan.</p> |

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/BBP bagi tahun 2017 berada pada tahap **Baik** berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Kementerian/Jabatan/BBP yang perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/BBP hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

- 3.6.1** Memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- 3.6.2** Pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
- 3.6.3** Memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan.
- 3.6.4** Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjasaskan imej Kerajaan;
- 3.6.5** Berusaha mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;
- 3.6.6** Menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan

kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan

- 3.6.7 Melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.
- 3.6.8 **Pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (IA) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Kementerian/Jabatan/BBP adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.**

PENGAUDITAN MENGEJUT

4. PENGAUDITAN MENGEJUT

4.1. PENDAHULUAN

4.1.1. Pengauditan Mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan.

4.1.2. Seksyen 6 (a) Akta Audit 1957 juga menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

4.1.3. Pengauditan Mengejut adalah satu pendekatan Audit yang meliputi pemeriksaan, penyiasatan dan pengaudit tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan dan jangka masa pengaudit kepada Auditi.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan Mengejut adalah untuk menentukan sama ada penerimaan, kutipan, kawalan perbelanjaan, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes yang berada di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan secara teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan Mengejut meliputi kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan dan kawalan umum dan dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari atau tempoh masa yang sesuai bagi kes-kes tertentu. Pada tahun 2017, Pengauditan Mengejut telah dilaksanakan di 80 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PTK) Kerajaan Persekutuan di bawah 18 Kementerian dan di 78 pejabat di 40 Badan Berkanun Persekutuan seluruh negara seperti **Jadual 4.1 dan Jadual 4.2**.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**JADUAL 4.1
PENGAUDITAN MENGEJUT DI PUSAT TANGGUNGJAWAB/ PUSAT KOS
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2017**

| BIL. | KEMENTERIAN | BILANGAN PUSAT TANGGUNGJAWAB/ PUSAT KOS YANG DIAUDIT |
|---------------|---|--|
| 1. | Jabatan Perdana Menteri | 15 |
| 2. | Kementerian Kesihatan Malaysia | 7 |
| 3. | Kementerian Pendidikan Malaysia | 9 |
| 4. | Kementerian Dalam Negeri | 6 |
| 5. | Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar | 4 |
| 6. | Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia | 5 |
| 7. | Kementerian Sumber Manusia | 1 |
| 8. | Kementerian Kewangan Malaysia | 3 |
| 9. | Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani | 7 |
| 10. | Kementerian Pengangkutan | 1 |
| 11. | Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan | 3 |
| 12. | Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan | 2 |
| 13. | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat | 5 |
| 14. | Kementerian Pertahanan Malaysia | 3 |
| 15. | Kementerian Kerja Raya | 5 |
| 16. | Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi | 1 |
| 17. | Kementerian Pendidikan Tinggi | 2 |
| 18. | Kementerian Belia Dan Sukan | 1 |
| JUMLAH | | 80 |

Sumber: Jabatan Audit Negara

**JADUAL 4.2
PENGAUDITAN MENGEJUT DI PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
PADA TAHUN 2017**

| BIL. | BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN | BILANGAN PEJABAT YANG DIAUDIT |
|------|--|-------------------------------------|
| 1. | Bank Simpanan Nasional (BSN) | 4 |
| 2. | Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) | 1 |
| 3. | Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) | 3 |
| 4. | Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) | 2 |
| 5. | Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) | 1 |
| 6. | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) | 2 |
| 7. | Lembaga Koko Malaysia (KOKO) | 1 |
| 8. | Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) | 1 |
| 9. | Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) | 1 |
| 10. | Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) | 2 |
| 11. | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) | 3 |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

| BIL. | BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN | BILANGAN PEJABAT YANG DIAUDIT |
|---------------|--|-------------------------------|
| 12. | Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) | 1 |
| 13. | Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) | 2 |
| 14. | Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) | 7 |
| 15. | Lembaga Tabung Haji (LTH) | 2 |
| 16. | Majlis Amanah Rakyat (MARA) | 4 |
| 17. | Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) | 4 |
| 18. | Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) | 4 |
| 19. | Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) | 1 |
| 20. | Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) | 4 |
| 21. | Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) | 2 |
| 22. | Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) | 3 |
| 23. | Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) | 1 |
| 24. | Suruhanjaya Tenaga (ST) | 2 |
| 25. | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) | 2 |
| 26. | Bank Negara Malaysia (BNM) | 3 |
| 27. | Lembaga Lada Malaysia (MPB) | 2 |
| 28. | Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA) | 1 |
| 29. | Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) | 1 |
| 30. | Institut Akauntan Malaysia (MIA) | 1 |
| 31. | Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) | 1 |
| 32. | Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) | 1 |
| 33. | Pihak Berkuasa Peranti Perubatan | 1 |
| 34. | Zon Perindustrian Bebas Ulu Kelang (ZPB) | 1 |
| 35. | Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) | 1 |
| 36. | Bank Rakyat (Ar Rahnu) | 1 |
| 37. | KL Sports City, Perbadanan Stadium Malaysia | 1 |
| 38. | Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) | 1 |
| 39. | Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBPM) | 1 |
| 40. | Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) | 1 |
| JUMLAH | | 78 |

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi Pengauditan Mengejut merangkumi semakan terhadap rekod-rekod kewangan, temu bual dengan pihak Audit dan pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam, aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta lawatan ke lokasi operasi/penyimpanan/stor juga dilakukan.

4.5. PENEMUAN AUDIT

4.5.1. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut Di PTJ/PK Dan Pejabat Yang Diaudit

Pengauditan Mengejut di Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos/Pejabat dinilai berdasarkan 56 kriteria melibatkan 41 kriteria di kawalan terimaan, lapan (8) di kawalan perbelanjaan dan tujuh (7) kriteria di kawalan umum. Secara keseluruhannya, pematuhan adalah pada tahap 51.8% bagi PTJ/PK di bawah 18 Kementerian dan pada tahap 55.4% bagi Pejabat di 40 BBP. Butiran lanjut adalah di **Jadual 4.3**.

**JADUAL 4.3
BILANGAN KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT
PTJ/PK DAN PEJABAT YANG DIAUDIT**

| BIL. | KAWALAN | JUMLAH KRITERIA | KETIDAKPATUHAN KRITERIA | | | |
|---------------------------|--------------|-----------------|-------------------------|-------------|-------------|-------------|
| | | | PTJ/PK | % | PEJABAT BBP | % |
| 1. | Terimaan | 41 | 15 | 36.6 | 15 | 36.6 |
| 2. | Perbelanjaan | 8 | 6 | 75.0 | 5 | 62.5 |
| 3. | Umum | 7 | 6 | 87.7 | 5 | 74.4 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 56 | 27 | 48.2 | 25 | 44.6 |

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5.2. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut Di PTJ/PK Dan Pejabat Yang Diaudit Mengikut Kawalan

a. Kawalan Terimaan

- Analisis Audit mendapati sebanyak 61 daripada 80 PTJ/PK di Kementerian tidak mematuhi 15 kriteria dalam kawalan terimaan. Ketidakpatuhan yang ketara adalah seperti berikut:
 - Baki fizikal stor borang hasil berbeza dengan rekod dalam Daftar Borang Hasil; stor borang hasil di simpan di tempat yang tidak berkunci dan selamat; serta wang kutipan tidak dimasukkan ke dalam bank dengan segera berlaku di tujuh (7) PTJ/PK;

- Resit rasmi tidak dikeluarkan pada masa urusan dibuat; dan semakan tidak dibuat terhadap butiran terimaan di penyata pemungut dengan buku tunai dan/atau resit rasmi tidak dilakukan di enam (6) PTJ/PK;
- Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan dengan lengkap; dan notis pemberitahuan orang awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di lima (5) PTJ/PK; dan
- Satu (1) PTJ/PK menunjukkan Pegawai tidak diberi kuasa secara bertulis bagi melaksanakan tugas menyelenggara Daftar/Laporan Mel, menjadi juruwang/pegawai yang menyediakan resit; serta pembatalan resit rasmi.

CARTA 4.1
BILANGAN PTJ/PK KEMENTERIAN YANG TIDAK
MEMATUHI PERATURAN KAWALAN TERIMAAN




Nota:

- Baki fizikal stok Borang Hasil berbeza dengan rekod dalam Daftar Borang Hasil.
- Stok Borang Hasil tidak disimpan di tempat berkunci dan selamat.
- Wang kutipan (kertas dan syiling melebihi RM500)/jumlah pungutan (wang kertas, syiling, cek, wang pos dan kiriman wang melebihi RM2,000) lewat dimasukkan ke dalam bank.
- Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak butiran terimaan dan cek yang disenaraikan dalam penyata pemungut dengan buku tunai dan/atau Resit Rasmi.
- Resit rasmi tidak dikeluarkan dengan segera.
- Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
- Daftar Borang Hasil tidak diselenggara dengan lengkap (Kew 67).
- Pegawai yang bertanggungjawab menerima stok Resit Rasmi tidak memperakui di belakang helaian pertama salinan pejabat dalam buku tersebut.
- Wang kutipan tunai kurang daripada RM500 dan cek yang disimpan tidak melebihi tempoh satu (1) minggu daripada tarikh terimaan tidak disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

- j Tiada resit rasmi Perbendaharaan diterima untuk jumlah yang dibankkan
 - k Daftar Mel/Laporan Mel tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
 - l Peranan dan capaian di sistem e-terimaan tidak selaras dengan penurunan kuasa.
 - m Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak pungutan yang telah dimasukkan ke bank dengan penyata pemungut bagi menentukan cetakan tarikh terima oleh bank.
 - n Daftar Mel/Laporan Mel tidak diselenggarakan oleh pegawai yang diberi kuasa dan selain daripada juruwang/pegawai yang menyediakan resit.
 - o Resit rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.
- ii. Analisis Audit mendapati sebanyak 47 Pejabat Badan Berkanun Persekutuan tidak mematuhi 15 kriteria dalam kawalan terimaan. Ketidakpatuhan yang ketara adalah seperti berikut:
- Pegawai tidak diberikuasa secara bertulis bagi pembatalan resit rasmi di lapan (8) pejabat. Notis pemberitahuan kepada orang awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di tujuh (7) pejabat; dan
 - Penyimpanan stok borang hasil; stok resit rasmi tidak diperaku di helaian pertama salinan pejabat; pengasingan tugas tidak diwujudkan dalam sistem serta resit rasmi tidak dikeluarkan bagi memperakui terimaan pada masa urusan dibuat berlaku di satu (1) pejabat.

CARTA 4.2
BILANGAN PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN KAWALAN TERIMAAN



Nota:

- a Resit rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis.
- b Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
- c Daftar Mel/Laporan Mel tidak diselenggara oleh pegawai yang diberi kuasa dan selain daripada juruwang/pegawai yang menyediakan resit.
- d Peranan dan capaian di sistem e-terimaan tidak selaras dengan penurunan kuasa.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017


- e Daftar Borang Hasil tidak diselenggara dengan lengkap (Kew 67).
- f Kutipan/resit rasmi lewat direkodkan ke dalam Buku Tunai/Buku Tunai Elektronik.
- g Wang kutipan (kertas dan syiling melebihi RM500)/jumlah pungutan (wang kertas, syiling, cek, wang pos dan kiriman wang melebihi RM2,000) lewat dimasukkan ke dalam bank.
- h Resit rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri.
- i Jumlah terimaan (Borang Denominasi Wang Kutipan) berbeza dengan resit manual/resit eTerimaan yang dikeluarkan.
- j Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak pungutan yang telah dimasukkan ke bank dengan penyata pemungut bagi menentukan cetakan tarikh terima oleh bank. [AP80(d)]
- k Baki fizikal stok Borang Hasil berbeza dengan rekod dalam Daftar Borang Hasil.
- l Stok Borang Hasil tidak disimpan di tempat berkunci dan selamat.
- m Pegawai yang bertanggungjawab menerima stok Resit Rasmi tidak memperakui di belakang helaian pertama salinan pejabat dalam buku tersebut.
- n Pengasingan tugas untuk terimaan tidak diwujudkan di dalam sistem.
- o Resit rasmi tidak dikeluarkan bagi mengaku terimaan pada masa urusan dibuat dan direkodkan dalam buku tunai.

Pengurusan terhadap Kawalan Terimaan yang tidak mematuhi peraturan/pekeliling menggambarkan kawalan dalaman PTJ/PK yang lemah, proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya dan kurang pemantauan terhadap penyalahgunaan pengurusan penurunan kuasa/borang hasil. Kelemahan ini boleh memberi impak kepada ketirisan hasil kerajaan.

b. Kawalan Perbelanjaan

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak 24 PTJ/PK tidak mematuhi enam (6) kriteria dalam kawalan perbelanjaan. Ketidakpatuhan yang ketara adalah seperti berikut:
 - Baki fizikal wang Panjar Wang Runcit (PWR) berbeza dengan baki di rekod buku tunai PWR iaitu melibatkan lapan (8) PTJ/PK;
 - Buku tunai PWR bagi enam (6) PTJ/PK tidak diisi dengan lengkap dan kemas kini serta surat kelulusan had apungan PWR tidak diperolehi oleh empat (4) PTJ/PK;

CARTA 4.3
BILANGAN PTJ/PK KEMENTERIAN YANG TIDAK
MEMATUHI PERATURAN KAWALAN PERBELANJAAN




Nota:

- a Baki fizikal wang PWR berbeza dengan baki rekod di Buku Tunai PWR.
- b Buku Tunai Panjar Wang Runcit (PWR) tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- c Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak diperoleh.
- d Baucar bayaran PWR tidak diluluskan oleh Ketua Jabatan.
- e Sebahagian tuntutan rekupmen tidak diterima.
- f Panjar Wang Runcit tidak disimpan dengan selamat.

ii. Analisis Audit mendapati sebanyak 10 pejabat Badan Berkanun Persekutuan tidak mematuhi lima (5) kriteria dalam kawalan perbelanjaan. Ketidakpatuhan yang ketara adalah seperti berikut:

- Baki fizikal wang PWR berbeza dengan baki di rekod buku tunai PWR di lima (5) pejabat;
- Wang bagi perbelanjaan PWR yang dibayar adalah berbeza dengan jumlah pada resit bagi dua (2) pejabat; dan
- Bayaran tuntutan perjalanan dibayar menggunakan PWR; tuntutan rekupmen belum diterima; serta surat kelulusan had apungan PWR tidak diperoleh bagi satu (1) pejabat.

CARTA 4.4
BILANGAN PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG
TIDAK MEMATUHI PERATURAN KAWALAN PERBELANJAAN



Nota:

- a Baki fizikal wang PWR berbeza dengan baki rekod di Buku Tunai PWR.
- b Wang yang dibayar berbeza dengan jumlah pada resit yang dituntut.
- c Tuntutan perjalanan dibayar melalui PWR.
- d Sebahagian tuntutan rekupmen tidak diterima.
- e Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak diperoleh.

Pengurusan terhadap Kawalan Perbelanjaan yang tidak selaras dengan peraturan/pekeliling seperti penyelenggaraan rekod yang tidak tepat dan tidak kemas kini boleh memberi risiko kepada unsur penyelewengan dan salah guna kuasa.


c. Kawalan Umum

- i. Analisis Audit mendapati 56 PTJ/PK Kementerian tidak mematuhi enam (6) kriteria dalam kawalan umum. Ketidakpatuhan yang ketara adalah seperti berikut:
 - Kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang oleh pegawai yang sama dan pegawai tidak diberi kuasa bagi 18 PTJ/PK;
 - Pemeriksaan Mengejut di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 309 tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang berharga di 17 PTJ/PK; dan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

- Kemudahan peti besi/bilik kebal tidak disediakan bagi menyimpan wang termasuk cek yang lewat diserahkan ke bank dan tidak disimpan di balai polis bagi satu (1) PTJ/PK.

CARTA 4.5
BILANGAN PTJ/PK KEMENTERIAN YANG
TIDAK MEMATUHI PERATURAN KAWALAN UMUM



Nota:

- Kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal tidak dipegang pegawai yang berlainan dan diberikan kuasa.
- Ketua Jabatan tidak melaksanakan pemeriksaan mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga.
- Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- Barang bernilai/rampasan/eksibit/artifak tidak disimpan di tempat yang selamat, dalam keadaan baik dan tidak berlaku kehilangan.
- Peti besi tidak dikejat pada rangka binaan bangunan.
- Bagi pejabat yang tidak mempunyai kemudahan peti besi/bilik kebal atau wang lewat diserahkan ke bank, wang termasuk cek tidak disimpan di balai polis.


ii. Analisis Audit mendapati sebanyak 51 pejabat Badan Berkanun Persekutuan tidak mematuhi lima (5) kriteria dalam kawalan umum. Ketidakpatuhan yang ketara adalah seperti berikut:

- Pemeriksaan mengejut di bawah Arahan Perbendaharaan 309 tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang berharga di 27 pejabat;
- Kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang oleh pegawai yang sama dan pegawai tidak diberi kuasa melibatkan 17 pejabat; dan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

- Barang bernilai/rampasan/eksibit/artifak disimpan di tempat yang tidak selamat; serta peti besi tidak dikejat pada rangka binaan bangunan bagi satu (1) pejabat.

CARTA 4.6
BILANGAN PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG
TIDAK MEMATUHI PERATURAN KAWALAN UMUM



Nota:

- Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga.
- Kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang pegawai yang sama dan tidak diberi kuasa.
- Hasil pemeriksaan mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- Barang bernilai/rampasan/eksibit/artifak tidak disimpan di tempat yang selamat, dalam keadaan baik dan tidak berlaku kehilangan.
- Peti besi tidak dikejat pada rangka binaan bangunan.

Ketidakpatuhan terhadap kawalan umum meliputi keselamatan wang tunai/barang berharga serta pelaksanaan pemeriksaan mengejut boleh memberi implikasi kepada kehilangan wang awam/barang berharga dan risiko terhadap penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai.

4.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya berdasarkan kepada Pengauditan Mengejut di PTJ/PK Kementerian dan pejabat Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit, bilangan pematuhan terhadap kriteria bagi tiga (3) kawalan yang diaudit adalah baik. Ketua PTJ/PK/pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara penemuan Audit dan tindakan penambahbaikan antaranya meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi telah diambil.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

Sehubungan itu, semua PTJ/PK dan pejabat di setiap Kementerian/Jabatan/Agenzi hendaklah mengambil tindakan bagi memastikan:

- 4.6.1. Semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- 4.6.2. Perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- 4.6.3. Mempertingkatkan seliaan/pemantauan berkala terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- 4.6.4. Memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- 4.6.5. Mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
- 4.6.6. Surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan Arahan Perbendaharaan 125; dan
- 4.6.7. Pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan Arahan Perbendaharaan 309.

BAHAGIAN IV

**PENGLIBATAN JABATAN AUDIT
NEGARA DALAM PENILAIAN
KHAS BAGI MENINGKATKAN
AKAUNTABILITI PENGURUSAN
WANG AWAM**

PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PENILAIAN KHAS BAGI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM

5. PENILAIAN KHAS TERHADAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi di bawah kawalan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Penilaian ini adalah untuk tujuan pengesahan jawatan mereka. Bagi tahun 2017, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 49 Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan/Ketua Agensi. Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di bawah kawalan pegawai berkenaan adalah baik. Penglibatan Jabatan Audit Negara membuat penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan Kerajaan memandangkan pegawai yang dinilai itu akan memastikan pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti di bawah jagaan mereka dibuat dengan lebih berakauntabiliti dan berintegriti.



PENUTUP

PENUTUP

Pada tahun 2017, tujuh (7) Kementerian mencapai tahap Cemerlang dalam penilaian Indeks Akauntabiliti, 16 Kementerian mencapai tahap Baik dan dua (2) Kementerian mencapai tahap Memuaskan. Prestasi pengurusan kewangan di 13 jabatan telah mencapai tahap Cemerlang dan lima (5) di tahap Baik. Manakala prestasi pengurusan kewangan di 21 Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit secara pusingan lima (5) tahun, menunjukkan dua (2) berada pada tahap Cemerlang, 12 BBP pada tahap Baik, lima (5) BBP pada tahap Memuaskan dan dua (2) BBP pada tahap Kurang Memuaskan.

Prestasi pengurusan kewangan ini boleh dipertingkatkan sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan itu, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan mengambil tindakan seperti berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan di Jabatan serta Pusat Tanggungjawab di bawah kawalannya untuk memastikan tindakan pembetulan diambil sekiranya berlaku kelemahan yang sama seperti dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu sahaja;
- b. Bagi memperbaiki lagi tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut;
- c. Kementerian/Jabatan perlu memperkasakan peranan Unit Audit Dalam (UAD) antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan perlu disediakan dengan teliti supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak dan *outcome* kepada organisasi;
- d. Isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara hendaklah dibincangkan dengan terperinci dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit. Mesyuarat juga

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

hendaklah membincangkan tindakan *corrective* dan *preventive* yang akan diambil bagi memastikan isu yang sama tidak berulang lagi;

- e. Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Agenzi hendaklah mempergerusikan setiap *Exit Conference* bersama pegawai Jabatan Audit Negara supaya isu yang dibangkitkan diketahui lebih awal dan segera mengambil tindakan positif selain usaha penambahbaikan;
- f. Jabatan Akauntan Negara Malaysia memainkan peranan yang penting dalam memantapkan pengurusan kewangan Kerajaan iaitu dengan memastikan Unit Nazirannya menjalankan pemeriksaan di Pusat Tanggungjawab secara terancang;
- g. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance*, menjalankan pusingan tugas, pemantauan yang rapi dan menjalankan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dalam bidang pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang berpengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan; dan
- h. Rekod mengenai aset sentiasa dikemaskinikan oleh Kementerian/Jabatan sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan perakaunan berasaskan akruan.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

13 Jun 2018

LAMPIRAN A1

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI
TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2017**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat i hingga 25.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Persekutuan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Persekutuan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pihak Berkuasa Kewangan Terhadap Penyata Kewangan

Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pihak Berkuasa Kewangan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Persekutuan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Persekutuan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Persekutuan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Persekutuan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pihak Berkuasa Kewangan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pihak Berkuasa Kewangan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Persekutuan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Persekutuan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Pihak Berkuasa Kewangan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Persekutuan telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

Hal-hal Lain

Laporan ini diangkat untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
12 JUN 2018



LAMPIRAN A2

- PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
- PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017
- PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017
- PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017
- PENYATA AKAUN MEMORANDUM PADA
31 DISEMBER 2017
- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2017 dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua pejabat perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2017 yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2017.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2017.


TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

19 Februari 2018


DATUK SAAT BIN ESA
Akauntan Negara Malaysia

19 Februari 2018

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2017**

| | <i>Nota</i> | 2017 | 2016 |
|--|-------------|-----------------------|-----------------------|
| | | <i>RM</i> | <i>RM</i> |
| WANG AWAM | | | |
| WANG TUNAI | 3 | 18,064,128,458 | 16,063,461,692 |
| PELABURAN | 4 | 24,120,303,376 | 23,309,872,026 |
| | | 42,184,431,834 | 39,373,333,718 |
| DIPEGANG BAGI : KUMPULAN WANG DISATUKAN | | | |
| AKAUN HASIL DISATUKAN | 5 | 11,863,127,086 | 11,863,127,086 |
| AKAUN PINJAMAN DISATUKAN | 6 | 33,482,397,941 | 20,323,759,248 |
| AKAUN AMANAH DISATUKAN | 7 | (3,161,093,193) | 7,186,447,384 |
| | | 42,184,431,834 | 39,373,333,718 |

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

| | <i>Nota</i> | 2017 | | 2016 | |
|---|-------------|------------------------|-----------------|------------------------|-----------------|
| | | RM | RM | RM | RM |
| TERIMAAN | | | | | |
| Hasil | 8 | | | | |
| Hasil Cukai | | 177,658,495,456 | | 169,343,339,135 | |
| Hasil Bukan Cukai | | 39,505,138,495 | | 39,802,803,140 | |
| Terimaan Bukan Hasil | | 1,743,795,825 | | 1,914,344,320 | |
| Hasil Wilayah Persekutuan | | 1,250,782,606 | 220,158,212,382 | 958,103,848 | 212,018,590,443 |
| | | <hr/> | <hr/> | <hr/> | <hr/> |
| Pinjaman | | | | | |
| Dalam Negeri | | 129,185,006,669 | | 93,876,452,672 | |
| Luar Negeri | | - | 129,185,006,669 | 5,837,065,920 | 99,713,518,592 |
| | | <hr/> | <hr/> | <hr/> | <hr/> |
| Bantuan Luar Negeri | | | | | |
| Pinjaman Multilateral | | - | | - | |
| Pinjaman Bilateral | | 62,877,885 | 62,877,885 | 145,355,562 | 145,355,562 |
| | | <hr/> | <hr/> | <hr/> | <hr/> |
| Terimaan Modal | | | | | |
| Terimaan Balik Pinjaman | | 785,821,218 | | 1,079,107,702 | |
| Jualan Aset Modal | | - | | 12,105 | |
| Pelbagai Terimaan Modal | | 1,066,363,990 | | 267,459,764 | |
| Jualan Instrumen Kewangan | | - | 1,852,185,208 | 2,544,500,510 | 3,891,080,081 |
| | | <hr/> | <hr/> | <hr/> | <hr/> |
| Terimaan Amanah | 8 | | | | |
| Inisiatif Pembiayaan Swasta | | 23,329,265 | | 173,773,202 | |
| Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta | | 11,328,562,739 | | 68,906,161 | |
| Pelbagai | | 333,389,570 | 11,685,281,574 | - | 242,679,363 |
| Jumlah Terimaan | | <hr/> | <hr/> | <hr/> | <hr/> |
| | | 362,943,563,718 | | 316,011,224,041 | |
| | | <hr/> | <hr/> | <hr/> | <hr/> |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (*sambungan*)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

| | <u>Nota</u> | 2017 | | 2016 | |
|---|-------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| | | RM | RM | RM | RM |
| BAYARAN | | | | | |
| Perbelanjaan Mengurus | 8 | | | | |
| Emolumen | | 77,036,397,423 | | 73,108,357,069 | |
| Perkhidmatan dan Bekalan | | 34,738,181,762 | | 30,070,477,311 | |
| Aset | | 515,692,603 | | 675,652,714 | |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | | 103,025,278,025 | | 103,681,612,764 | |
| Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | | 1,014,832,506 | 216,330,382,319 | 845,349,913 | 208,381,449,771 |
| <hr/> | | | | | |
| Perbelanjaan Pembangunan | | | | | |
| Langsung | | 42,276,425,979 | | 40,052,263,265 | |
| Pinjaman | | 2,607,412,854 | 44,883,838,833 | 1,942,774,432 | 41,995,037,697 |
| <hr/> | | | | | |
| Pinjaman | | | | | |
| Dalam Negeri | | 88,452,608,728 | | 56,193,846,424 | |
| Luar Negeri | | - | 88,452,608,728 | 4,670,400,000 | 60,864,246,424 |
| <hr/> | | | | | |
| Bantuan Luar Negeri | | | | | |
| Pinjaman Multilateral | | 104,016,883 | | 156,925,423 | |
| Pinjaman Bilateral | | 300,553,353 | 404,570,236 | 320,293,408 | 477,218,831 |
| <hr/> | | | | | |
| Perbelanjaan Modal | | | | | |
| Pembelian Instrumen Kewangan | | 810,431,350 | 810,431,350 | - | - |
| <hr/> | | | | | |
| Perbelanjaan Amanah | 8 | | | | |
| Inisiatif Pembiayaan Swasta | | 97,116,854 | | 989,435,259 | |
| Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta | | 9,963,948,632 | | 534,914,807 | |
| Pelbagai | | - | 10,061,065,486 | 9,678,007,675 | 11,202,357,741 |
| Jumlah Bayaran | | | 360,942,896,952 | | 322,920,310,464 |
| Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai | | | 2,000,666,766 | | (6,909,086,423) |
| Wang Tunai Pada 1 Januari | | | 16,063,461,692 | | 22,972,548,115 |
| WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER | | | 18,064,128,458 | | 16,063,461,692 |
| <hr/> | | | | | |

Note-note pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

| | Nota | 2017 | | 2016 |
|---|------|------------------|------------------|------------------|
| | | Anggaran | Sebenar | Sebenar |
| | | RM | RM | RM |
| HASIL | 5 | 225,336,794,000 | 220,406,001,884 | 212,421,098,894 |
| <i>Tolak:</i> | | | | |
| Belanja Mengurus | 5 | 216,699,647,790 | 217,695,192,668 | 210,172,661,334 |
| LEBIHAN/(KURANGAN) HASIL | | 8,637,146,210 | 2,710,809,216 | 2,248,437,560 |
| <i>Tolak:</i> | | | | |
| Belanja Pembangunan | 7 | 47,320,127,998 | 44,883,838,833 | 41,995,037,697 |
| KURANGAN KESELURUHAN | | (38,682,981,788) | (42,173,029,617) | (39,746,600,137) |
| KURANGAN DIBIAYAI OLEH: | | | | |
| Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri | 6 | | 40,390,705,590 | 38,517,408,898 |
| Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan | 7 | | 1,852,185,208 | 1,346,579,571 |
| Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah | | | (69,861,181) | (117,388,332) |
| JUMLAH PEMBIAYAAN | | | 42,173,029,617 | 39,746,600,137 |

Note-note pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM PADA 31 DISEMBER 2017

| | <u>Nota</u> | 2017 | 2016 |
|---|-------------|-----------------|-----------------|
| | | RM | RM |
| MEMORANDUM ASET | 9 | | |
